

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session
 - MESYUARAT KHAS -

Jilid IV
1998

Bil. 40

Hari Selasa

29 September

K A N D U N G A N

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Ruangan)
USUL MERENTIKAN KUATKUASA PERATURAN MESYUARAT 48 (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat)
(Pindaan) 1998 (Ruangan)
- Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1998 (Ruangan)
- Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 1998 (Ruangan)
- Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 1998 (Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan I, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

- “ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A., D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tajah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)

- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)

- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)

- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman
	:	Haji Mustakin bin Salamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah
	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman
	:	Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah
	:	Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
	:	Hajah Supiah binti Dewak
	:	Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
	:	Mohamed bin Osman
	:	Hajah Norishah binti Mohd. Thani
	:	Shamsina binti Janor
	:	Nora'ini binti Hetam
	:	Ramlah binti Mohd. Yusuff
	:	Miskiah binti Hassan
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
	:	Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 29 September 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI

(DEPOSITORI PUSAT)(PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Pertama

10.00 pagi

Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan R. Karpal Singh: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, ada point of order.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah mengenai Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, walaupun saya ada menulis sepucuk surat kepada Ketua Pengarah Penjara dan satu salinan lagi dihantar kepada Tuan Yang di-Pertua sendiri kerana saya nampak Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka masih kekal dalam Dewan yang mulia ini dan mengikut Perlembagaan khususnya Perkara 48(4) Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka masih layak untuk menghadiri Mesyuarat ini.

Bolehkah saya dapat satu ruling atas perkara itu? Walaupun permintaan saya kepada Ketua Pengarah Penjara telah ditolak pada hari Sabtu berkenaan perkara itu, saya mahu mendapat satu keputusan dari Tuan Yang di-Pertua sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mengikut surat yang Ahli Yang Berhormat kemukakan kepada Pengarah Penjara Malaysia meminta supaya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu dapat hadir dalam Mesyuarat ini dan mengikut kuasa-kuasa Pengarah Penjara adalah kuasa Ketua Pengarah yang boleh setelah berpuas hati bahawa terdapat alasan yang munasabah, yang menghendaki kehadiran seorang banduan di mana-mana tempat di Malaysia. Jadi, makna kata hendaklah dia puas hati dan kuasa itu bukanlah kuasa kepada Dewan ini iaitu kuasa kepada Ketua Pengarah Penjara.

Jadi, yang demikian, saya tidak dapat membuat apa-apa keputusan kerana kuasa itu bukanlah kuasa saya.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya mendapat sedikit penjelasan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan R. Karpal Singh: Ini adalah satu kelayakan bahawa Perlembagaan jadi undang-undang teragung dalam negara ini, bukan Akta Penjara 1995. Tuan Yang di-Pertua, ada hak, ada kewajipan untuk menentukan seseorang Ahli Yang Berhormat Dewan ini mendapat kehadiran jika itu ada dalam Perlembagaan.

Bolehkah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sendiri membuat satu keputusan di sini untuk mengarahkan Ketua Pengarah Penjara itu untuk membolehkan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menghadiri sidang ini pada hari ini dan esok?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa apa yang telah pun dibuat pada masa yang lepas, precedent ialah Yang di-Pertua Dewan Rakyat tidak pernah membuat perintah apa-apa berkenaan dengan sama ada seorang Ahli Dewan itu kena hadir atau tidak. Pada fikiran saya ini terpulanglah kepada peraturan penjara itu iaitu di atas budi bicara Ketua Pengarah Penjara itu.

Jadi, yang demikian, saya tidak boleh membuat apa-apa keputusan di atas perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order 14(1) di mana bersangkutan-paut dengan notis yang telah saya beri mengenai satu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 ialah mengenai pemecatan bekas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh supaya menangguhkan Mesyuarat dengan satu perkara demi kepentingan orang ramai, yang perlu disegerakan dan sungguhpun Tun Yang di-Pertua, adalah menolakan permohonan itu atas sebab bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11 bahawa tetap mengenai Mesyuarat Khas sahaja untuk menetapkan urusan yang ada didaftarkan tetapi mengikut Peraturan Mesyuarat 14(1) yang sangat nyata di mana adalah ternyata mengenai Aturan Urusan Mesyuarat dan kalau tidak boleh membenarkan apa-apa perkara selain daripada apa yang telah ditetapkan, nampaknya (a) dan (b) khasnya pun tidak boleh diadakan.

Saya rasa ini tidak mengecualikan perkara-perkara yang penting, yang segera diadakan dan saya harap bahawa Usul ini boleh dikemukakan khasnya oleh kerana negara kita menghadapi satu isu yang sangat begitu penting dan genting.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, saya telah pun membuat keputusan dalam mana-mana Mesyuarat Khas perkara-perkara yang lain daripada perkara-perkara yang telah ditetapkan di dalam surat agenda ataupun Urusan Mesyuarat yang telah dikelilingkan itu sahaja yang boleh dibahaskan.

Ini saya rasa Extra Ordinary Meeting dalam mana-mana meeting sekalipun kalau sekiranya kita requisition satu meeting, hanya perkara-perkara yang di'requisition' itu sahaja yang boleh dibahaskan. Perkara-perkara lain tidaklah boleh dibahaskan, itu adalah Peraturan Mesyuarat.

Tambahan pula Peraturan Mesyuarat 11(3) berkata:

“...Urusan pada hari itu hendaklah ditetapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.”

Jadi, kalau sekiranya sesiapa mengeluarkan mana-mana lain Usul makna kata dia juga hendak menetapkan perkara-perkara yang hendak mesyuarat, ini tidaklah dibenarkan mengikut Peraturan Mesyuarat 11(3) itu. Begitu juga kedudukannya di dalam House of Commons di bawah Peraturan Mesyuarat 12(2) yang mengatakan:

“The Government business to be transacted on the day which the House shall so meet shall, subject to the publication of the notice thereof in the Order Paper, to be circulated on the day on which the House shall so meet be such as the Government may appoint.”

Jadi, yang lain-lain tidaklah boleh dibahaskan. Ini adalah Peraturan Mesyuarat yang biasa kita dapati dalam mana-mana syarikat, dalam mana-mana company ataupun mana-mana society (pertubuhan) yang lain-lain. Oleh Yang demikian, saya tidak membenarkan Yang Berhormat mengemukakan Usul itu.

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI (DEPOSITORI PUSAT)(PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Menteri Kewangan II; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Menteri Kewangan II; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

Tuan R. Karpal Singh: Saya ada point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order, sekejap ya.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat salinan rang undang-undang ini pada pagi ini sahaja. Apabila saya sampai di sini, saya lihat keempat-empat rang undang-undang ini. Tidak ada masa yang mencukupi untuk membaca, meneliti dan memahami isi kandungan semua bill ini. Bolehkah Dewan ini ditangguhkan sampai dapat masa untuk berbuat demikian?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, nanti sekejap. Kita kemukakan Bacaan Kali Yang Pertama dahulu ya. Ya, sila.

**RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA SEKURITI
(PINDAAN) 1998**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Menteri Kewangan II; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN NIAGA HADAPAN
(PINDAAN) 1998**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Menteri Kewangan II; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT
(PINDAAN)(NO. 2) 1998**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Menteri Kewangan II; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

USUL

Merentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 48

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, dengan izin Tuan Yang di-Pertua di bawah Peraturan Mesyuarat 90(2), Dewan dengan ini merentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 48 di sepanjang tempoh perbahasan Rang Undang-undang berikut:

- 1.1. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat)
(Pindaan) 1998;
- 1.1. Rang undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1998;
- 1.3. Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 1998;
- 1.4. Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan)

1998; dan

1.5. Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan)(No. 2) 1998.

Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu usul seperti yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu tadi dikemukakan kepada Majlis untuk dibahas.

10.15 pagi.

Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, usul itu adalah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 48 dan mengikut Peraturan itu, Tuan Yang di-Pertua, seorang Menteri setelah mengeluarkan pemberitahu sekurang-kurangnya satu hari terlebih dahulu boleh membawa rang undang-undang dalam mesyuarat. Itu bermakna, Tuan Yang di-Pertua, walaupun syarat itu ada dipenuhi tetapi by implication apa yang perlu adalah untuk memberi rang undang-undang ini kepada semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini untuk apa yang saya mengatakan tadi – membaca, meneliti, mendapat tahu apa isi kandungan dan sebagainya, itu tidak boleh dibuat dalam masa yang singkat.

Apa yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, saya tidak mendapat salinan rang undang-undang ini sehingga tadi. Saya tidak tahu mengenai Ahli-ahli Yang Berhormat lain di dalam Dewan yang mulia ini. Bolehkah Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini ditangguhkan sehingga besok untuk membolehkan semua Ahli Yang Berhormat membaca, meneliti dan mendapat tahu apa isi kandungan rang undang-undang ini?

10.17 pagi.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong pandangan kawan saya dari Jelutong. Saya juga berpendapat bahawa tidak cukup masa diberi untuk kita membahaskan perkara ini kerana hari ini sahaja bill-bill tersebut dibawa kepada perhatian Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu bahawa sebenarnya apakah sebab-sebab yang tertentu ia perlu disegerakan pada hari ini sahaja dan bukannya elok lagi lebih masa diberi supaya semua pihak dapat meneliti, lebih-lebih lagi rang undang-undang yang dicadangkan adalah yang sangat serius yang membawa beberapa peruntukan yang tidak ada pada pengetahuan saya di mana-mana negara. Maka, kita perlukan bukan sahaja masa tetapi juga perlu memberi pendapat-pendapat supaya Dewan yang mulia ini dapat membuat satu keputusan yang wajar. Pada pengetahuan saya juga, ada satu perjanjian telah dibuat di mana Dewan ini akan diberi sekurang-kurangnya dua minggu sebelum itu untuk memberi rang undang-undang ini kepada Ahli-ahli Parlimen dan ini adalah tidak wajar supaya ia dibawa hari ini sahaja dan dibahas. Saya pohon supaya rang undang-undang ini dibahas sekurang-kurangnya esok atau kemudian. Terima kasih.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas dan diakui oleh Ahli Yang Berhormat sendiri bahawa kita mengikut peraturan-peraturan yang mengawal pengurusan Dewan ini. Jika Ahli Yang

Berhormat tidak berpuas hati dengan peraturan-peraturan ini, pihak beliau bolehlah membuat cadangan supaya peraturan-peraturan ini dipinda tetapi setakat yang saya tahu kita mengikut peraturan-peraturan ini dan rang undang-undang ini telah diedar pada hari Sabtu lepas. Jika Ahli Yang Berhormat tidak dapat, yang itu bukanlah satu tanggungjawab saya tetapi seperti mana kita semua tahu Ahli Yang Berhormat dan rakan-rakannya juga kadang-kadang menggunakan peraturan-peraturan yang longgar, yang kita gunakan untuk mengurus perjalanan Dewan ini untuk, umpamanya membawa usul dan kemudian melalui pembawakan usul ini membuat ucapan yang panjang lebar, yang dianya mengetahui bahawa oleh kerana usul-usul itu akan ditolak, maka perbahasan tidak akan diadakan.

Dengan itu, dia sudah mencapai matlamatnya untuk membuat penjelasan dan juga matlamatnya lebih tercapai kerana pihak kerajaan tidak akan menjawab kerana usul itu tidak diterima. Ini adalah satu lagi cara penyalahgunaan Peraturan-peraturan Dewan ini untuk kepentingan Ahli Yang Berhormat. Jadi, bila ternampak sedikit orang lain dapat advantage daripada.....

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan, bolehkah.....

Perdana Menteri: Saya tidak beri. Ahli Yang Berhormat tahu, selagi saya tidak duduk....

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Tuan R. Karpal Singh: *[Menyampuk]* *[Pembesar suara tidak dihidupkan]*

Perdana Menteri: Tetapi ingat pandai sangat! *[Sorak]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, ya.

Tuan R. Karpal Singh: Kalau saya berdiri, awak boleh menolak.....

Perdana Menteri: Saya menolak, duduklah!

Tuan R. Karpal Singh: You know the rules.

Perdana Menteri: Ya, I know the rules, you know the rules, now sit down.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Hei Bai, 'belakang' jugakah?

Perdana Menteri: Sit down according to the rules.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong! Sila, sila.

Tuan R. Karpal Singh: Harus kawal dia!

Perdana Menteri: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya amat menghormati Ahli Yang Berhormat.

Dianya terkenal sebagai seorang peguam di seluruh dunia. Untuk membaca rang undang-undang ini mungkin mengambil masa lima minit dan dia akan faham semuanya. *[Ketawa]* Jadi, tidak ada masalah bagi dia. Juga saya dalam.....

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan?

Perdana Menteri: Tidak boleh! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh, Yang Berhormat. Dia tidak beri, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak berani! *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Hai, 'lutong' duduk 'lutong'.

Tuan R. Karpal Singh: Anwar tidak dapat natural justice. Di sini pun tidak ada natural justice.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, sila duduk, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Akhirnya itulah akibatnya....

Perdana Menteri: Anwar tidak mendapat natural justice fasal dia buat benda yang tidak natural.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Apa you mahu sama Anwarkah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong, sila duduk, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Dia jadi diktator lawyer daripada Dewan ini. [*Sorak*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Modal pasaran (market capitalization) BSKL telah jatuh dengan teruknya daripada hampir RM900 bilion kepada kurang daripada RM300 bilion akibat permainan pelabur-pelabur asing melalui CLOB. Justeru itu, pemilikan saham melalui syarikat nominee perlu ditegah dan perniagaan saham melalui pasaran saham yang tidak diiktiraf tidak harus diakui sah dari segi undang-undang negara.

Undang-undang yaang dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini adalah bertujuan untuk menentukan saham-saham syarikat Malaysia diniagakan hanya di pasaran saham Malaysia, iaitu BSKL ataupun pasaran yang diiktiraf oleh BSKL memastikan semua saham didaftarkan melalui depository pusat secara langsung, mengharamkan nominee memegang saham bagi pihak pemunya benefisial menentukan segala syarat-syarat pemilikan saham oleh pemastautin ataupun orang asing dipatuhi serta syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti BSKL dan badan-badan lain yang mengendalikan perniagaan saham. Hukuman tertentu ditetapkan bagi mereka yang melanggar peraturan-peraturan dan undang-undang dengan sekuriti di Malaysia atau dagangan yang melibatkan saham-saham syarikat-syarikat Malaysia.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memperkenalkan pindaan-pindaan dalam Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 ini. Krisis ekonomi yang melanda negara telah menunjukkan pelbagai kelemahan dan kekurangan dalam industri sekuriti yang memerlukan langkah-langkah untuk mengatasinya bagi memulihkan kembali keyakinan terhadap pasaran modal di Malaysia. Antara kelemahan-kelemahan yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

- (i) dagangan saham dijalankan dengan begitu mudah tanpa dizahirkan identiti pemunya benefisial (beneficial owner). Pada masa yang sama ini menyebabkan naik turun harga saham tanpa sebab dan kegiatan

memanipulasi harga-harga saham secara artificial. Oleh sebab identiti pembeli dan penjual disembunyikan oleh nominee, maka perniagaan saham menjadi kabur dan tidak telus. Pemilik saham yang lain, bahkan syarikat berkenaan mengalami tekanan dan kerugian yang ketara. Pasaran yang tidak diiktiraf dapat ditubuhkan di luar negara yang meraih keuntungan besar daripada manipulasi harga saham.

- (ii) Dalam Akta Syarikat 1965 dan Akta Perindustrian Sekuriti 1983, nilai ambang (threshold value) penzahiran dan masa bagi membuat laporan yang sukar dikuatkuasakan telah menyukarkan pihak-pihak berkuasa untuk menyiasat dan mengambil langkah-langkah wajar bagi transaksi-transaksi yang boleh menjejaskan integriti pasaran saham.
- (iii) Semua badan pengawal selia sukar untuk menguatkuasa dan mengambil tindakan-tindakan serta-merta ke atas mereka yang melanggar kaedah-kaedah dan undang-undang mengenai industri sekuriti, ini termasuklah Suruhanjaya Sekuriti Bursa Saham Kuala Lumpur Pusat Penjelasan Diiktirafkan, iaitu Security Clearing Automated Network Services (SCANS) dan Depository Pusat Malaysia (MCD) selaras dengan objektif pelan pemulihan ekonomi negara dan keperluan mengembalikan keyakinan terhadap pasaran, tindakan-tindakan secara pentadbiran dan undang-undang perlu diambil dengan serta-merta. Untuk ini pindaan telah dibuat kepada kaedah-kaedah BSKL, MCD dan SCANS yang mula berkuatkuasa pada 1 September 1998.

Tindakan secara undang-undang pula adalah perlu bagi menyokong tindakan pentadbiran itu. Tujuan pindaan akta tersebut adalah seperti berikut:

- (i) memberikan sokongan undang-undang kepada pelbagai pindaan kaedah-kaedah BSKL, SCANS dan MCD yang berkuatkuasa mulai 1 September 1998;
- (ii) mempertingkatkan tahap ketelusan dalam dagangan saham bagi memastikan semua dagangan saham yang disenaraikan di BSKL

hanya dibuat di BSKL ataupun bursa saham yang diiktiraf oleh undang-undang, sekali gus mengharamkan dengan dagangan luar pasaran seperti CLOB;

- (iii) mencegah penyalahgunaan nominee dengan menghendaki semua pegangan saham dibuat atas nama pemunya benefisial (beneficial owner) atau nominee yang diberi kuasa (authorised nominees). Nominee yang diberi kuasa ialah mereka yang menjalankan khidmat sebagaimana yang diluluskan dalam kaedah-kaedah depository pusat; dan
- (iv) meningkatkan keupayaan penguatkuasaan badan-badan pengawal selia untuk memastikan bahawa tindakan-tindakan serta-merta dan efektif diambil ke atas mereka yang melanggar kaedah-kaedah ataupun undang-undang sekuriti.

Pindaan-pindaan penting yang diperkenalkan dalam Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan)

1998 mengandungi 28 fasal dan meliputi perkara-perkara berikut:

- (i) Takrif-takrif baru – takrif-takrif baru “nominee” diberi kuasa (authorised nominee) dan pemunya benefisial (beneficial owner) diperkenalkan melalui fasal 2 bagi memberi kesan ke atas kehendak undang-undang bahawa semua pegangan saham dan peniagaan sekuriti mestilah dibuat atas nama pemunya benefisial ataupun nominee diberi kuasa. Nominee diberi kuasa ditakrifkan sebagai orang yang diberi kuasa untuk bertindak sebagai nominee seperti yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah depository pusat. Ini termasuklah entiti yang menjalankan aktiviti sah yang menyumbang kepada perniagaan broker saham dan bank-bank yang mengambil saham sebagai kolateral bagi kredit atau pembiayaan margin (margin financing) yang diperuntukkan oleh mereka dan syarikat-syarikat nominee ataupun syarikat-syarikat amanah yang digunakan bagi saham amanah yang diluluskan, skim pelaburan kolektif (collective investment scheme) dan dana yang diluluskan (approved fund).

(ii) Larangan pengeluaran sekuriti – semua pengeluaran sekuriti telah deposit (deposited securities) daripada depository pusat adalah dilarang, tertakluk kepada beberapa pengecualian yang sekali gus membekukan sepenuhnya sekuriti itu dalam depository pusat. Menurut amalan sekarang ini di mana BSKL menggunakan kuasa budi bicaranya di bawah Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) SICDA bagi melarang semua pengeluaran sekuriti daripada MCD di atas asas pentadbiran. SICDA perlu dipinda bagi memberikan kuasa undang-undang kepada pembekuan penuh kerana semasa SICDA digubal dalam tahun 1991, ia membolehkan sekuriti disimpan dalam dua bentuk, iaitu skrip fizikal dan catatan buku dengan melarang semua pengeluaran sekuriti telah deposit (deposited securities) daripada depository pusat, maka penggunaan skrip untuk mewujudkan pasaran saham yang tidak diiktiraf dapat dihalang. Walau bagaimanapun, beberapa pengeluaran yang sah adalah dibenar dalam keadaan tertentu, contohnya untuk memudahkan pembatalan saham berhubungan dengan pembelian balik saham, penyusunan semula syarikat dan pembedulan kesilapan seperti yang dinyatakan dalam Perintah Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pengecualian) 1998 yang mula berkuatkuasa pada 1 September 1998.

Perdana Menteri: Bagi orang yang membuat perkara yang unnatural, natural justice susah sedikit.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa Ahli Yang Berhormat akan faham apabila saya membuat penjelasan kemudian dan dia boleh membahaskan kerana dia tidak perlu menumpukan kepada masalah ini apabila berbahas. Dia akan membawa perkara-perkara lain yang tidak ada kaitan dengan perkara ini. Jadi saya tolak dia punya dakwaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah sebuah usul seperti yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri itu tadi dikemukakan kepada Majlis untuk diputus dan disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa, dengan izin Tuan Yang di-Pertua di bawah Peraturan Mesyuarat 90(2), Majlis dengan ini merentikan kuatkuasa Peraturan Mesyuarat 48 di sepanjang tempoh perbahasan Rang Undang-undang yang berikut:-

- 1.1 Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1998;
- 1.2 Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1998;
- 1.3 Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 1998;
- 1.4 Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 1998; dan
- 1.5 Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) (No.2) 1998.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI (DEPOSITORI PUSAT) (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

10.22 pg.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pasaran saham diadakan pada mulanya untuk membolehkan syarikat-syarikat perniagaan mengumpul modal ataupun menambah modal perniagaan. Oleh kerana permintaan kepada sesuatu saham meningkat maka harga saham berkenaan telah melebihi harga asal yang ditawarkan oleh syarikat. Sebaliknya, apabila permintaan menurun harga sesuatu saham

mungkin jatuh kadang-kadang lebih rendah daripada harga tawaran asalnya. Dengan naik turunnya harga saham mengikut permintaan maka keuntungan dan kerugian boleh didapati apabila saham diniaga. Dengan itu juga pasaran saham tidak lagi menjadi tempat untuk mengumpul modal (raised capital) tetapi menjadi tempat perniagaan saham sebagai satu komoditi.

Demikianlah keuntungan yang boleh didapati daripada perniagaan saham sehingga prestasi untung rugi dan dividen syarikat tidak lagi diambilkira. Saham syarikat yang tidak sihat pun boleh dinaikkan nilainya hanya dengan mencetuskan permintaan yang tinggi, kemudian dengan menjual bertalu-talu nilai saham boleh diturunkan. Dengan perkataan lain, nilai sesuatu saham tidak lagi menunjukkan nilai yang sebenar tetapi nilainya menurun, manipulasi oleh pemain-pemain pasaran saham. Mereka boleh menaik dan menurunkan nilai saham sesuka hati untuk mendapat keuntungan. Dengan cara yang dikenal sebagai “short-selling” ataupun “jualan singkat” pemain pasaran saham boleh meraih keuntungan yang besar. Penurunan nilai saham yang mendadak kerana “short-selling” dan kegiatan-kegiatan lain boleh merugikan syarikat. Ini boleh berlaku apabila syarikat meminjam daripada bank dengan mencagar saham semasa nilai tinggi. Apabila harga saham jatuh lebih rendah daripada paras harga ketika pinjaman dibuat maka bank akan meminta syarikat menambah cagaran. Jika syarikat tidak dapat menambah cagaran maka hutang syarikat menjadi non-performing dan syarikat tidak boleh meminjam lagi, bahkan mungkin dibankrapkan. Bank pula akan menjual saham yang dicagar dan ini menyebabkan nilai saham menurun lagi. Jika banyak syarikat mengalami masalah seperti ini maka ekonomi negara juga akan rosak. Oleh kerana kita ingin membuka pasaran kita dan menerima modal asing, kerajaan telah membenarkan saham syarikat Malaysia dimiliki oleh orang asing. Biasanya pemilikan oleh orang asing dihadkan kepada 30% sahaja.

Banyak syarikat Malaysia yang mengadakan “road show” untuk menarik pelabur asing. Penyertaan mereka boleh menaikkan harga saham dengan tinggi. Pada mulanya kita percaya bahawa pelaburan oleh mereka adalah disebabkan

kepercayaan mereka terhadap ekonomi negara kita dan prestasi syarikat-syarikat kita. Tetapi sebenarnya mereka hanya ingin meraih keuntungan daripada menjual beli saham. Apabila wang kita diserang oleh pedagang-pedagang mata wang asing pelabur-pelabur asing dalam pasaran saham kita memburukkan lagi keadaan ekonomi negara dengan menjual bertalu-talu saham milik mereka. Dengan itu harga saham jatuh dengan teruknya. Syarikat-syarikat kita mengalami kerugian yang besar, tidak dapat membayar hutang dan mungkin muflis. Jika tidak kerana adanya syarat yang menghadkan milik asing kepada peratusan tertentu, pemodal asing akan membeli majoriti saham syarikat-syarikat ini apabila mereka sudah menurunkan nilai saham sehingga meletakkan syarikat dalam keadaan tenat. Tetapi oleh kerana syarat kerajaan menghalang mereka daripada mengambil alih syarikat kita maka mereka terus menekan turun mata wang kita dan nilai saham kita.

Harapan mereka ialah akhirnya kita terpaksa meminta pertolongan IMF dan dengan itu dikenakan syarat supaya membuka luas pasaran saham kita kepada pelabur asing. Dengan itu juga mereka akan dapat menguasai semua syarikat dan bank kita dan secara langsung menguasai ekonomi kita. Manipulasi harga saham oleh pihak asing dapat dibuat melalui pasaran saham CLOB di Singapura walaupun kita telah asingkan pasaran saham Singapura daripada Malaysia iaitu mereka tidak boleh menjual beli saham syarikat Malaysia dalam SES atau Stock Exchange of Singapore. Kerajaan Singapura menubuhkan CLOB (Central Limit Order Book), satu pasaran over-the-counter yang boleh menjualbeli saham Malaysia tanpa didaftar dengan BSKL. Mereka mendaftar semua saham yang diniagakan oleh mereka melalui satu syarikat nomini. Oleh kerana perniagaan antara pemilik-pemilik saham adalah dengan nama syarikat nominee maka tuan punya saham yang didaftar dengan BSKL tidak berubah. Beratus ribu pemilik saham didaftarkan dengan BSKL atas nama satu syarikat nominee sahaja. BSKL tidak mungkin tahu siapa pemunya benefisial (beneficial owner) saham-saham tersebut dan siapa yang menjual ataupun membelinya. BSKL juga tidak akan tahu

sama ada orang asing memiliki lebih daripada peratusan yang ditentukan oleh kerajaan atau mana-mana pemilik sudah memiliki lebih daripada 5% di waktu mana dia perlu mengisytiharkan pemilikannya atau dia sudah memiliki lebih daripada 33% di waktu mana dia perlu membuat general offer ataupun tawaran umum untuk membeli saham-saham selebihnya.

Namun harga jual beli saham ini mempengaruhi harga saham dalam pasaran. Demikian perniagaan melalui CLOB boleh menurunkan nilai saham sehingga menjadi masalah kepada syarikat dan mungkin menyebabkan syarikat muflis. Adalah jelas bahawa kemudahan nomini sudah disalahgunakan secara ketara dan membawa keburukan bukan sahaja kepada syarikat-syarikat kita tetapi juga kepada ekonomi negara kita.

Bagi memberi kesan ke atas larangan pengeluaran ini semua rujukan kepada terma pengeluaran perlu dipotong. Contohnya dalam takrif ‘akaun sekuriti’ dalam Fasal 2, perenggan 12(1)(a) dan 13(1)(a) dalam fasal-fasal 5 dan 6, seksyen-seksyen 22 dan 23 dalam Fasal 10. Sebagai tambahan seksyen 24 adalah dipinda dalam Fasal 12 yang melarang pendeposit daripada mengeluarkan sekuriti-sekuriti yang didepositkan dengan depositori pusat pengecualian ke atas larangan dengan depositori pusat. Pengecualian ke atas larangan ini hanyalah dibenar sekiranya ianya diperuntukkan secara terang dalam kaedah-kaedah depositori pusat.

- (iii) Deposit Mandatori bagi sekuriti yang ditetapkan - Fasal 7 meminda seksyen 14 supaya menjadikan mandatori bagi menetapkan bahawa sekuriti-sekuriti yang tersenarai atau yang akan disenaraikan perlu didepositkan dengan depositori pusat. Setelah BSKL membuat sesuatu penetapan itu, pemegang-pemegang sekuriti hendaklah mendepositkan sekuriti-sekuriti itu dengan depositori pusat dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya pendeposit gagal mendepositkan sekuriti-sekuriti itu dalam tempoh yang ditetapkan, sekuriti-sekuritinya akan dipindahkan kepada Menteri Kewangan. Suatu tempoh selama 6 bulan diberikan bagi rayuan yang dibuat ke atas pemindahan itu jika tiada rayuan yang dibuat ataupun rayuan itu ditolak, Menteri Kewangan berhak melupuskan sekuriti-sekuriti itu dalam apa-apa hasil

daripada pelupusan itu hendaklah disenggarakan menurut undang-undang mengenai wang yang tidak dituntut.

Pemotongan seksyen 15 dan 16 dalam Fasal 8 dan subseksyen 17(2) melalui fasal 9 adalah daripada kehendak supaya sekuriti didepositkan. Adalah dicadangkan supaya subseksyen 37(2) dan 38(1) dipinda melalui Fasal 20 dan 21 bagi memastikan bahawa bagi terbitan baru, terbitan bonus atau terbitan hak, penerbit adalah dikehendaki mendepositkan skrip dengan depositori pusat dan depositori pusat seterusnya mengkreditkan sekuriti itu ke dalam akaun sekuriti semua pemohon yang berjaya atau penerima-penerima umpuk ataupun allottee. Peruntukan peralihan yang dimasukkan melalui Fasal 2 memerlukan semua pemegang saham dia ada supaya mendepositkan sekuriti mereka dengan depositori pusat dalam tempoh sebulan selepas Rang Undang-undang ini mula berkuatkuasa. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan sekuriti-sekuriti mereka dipindahkan kepada Menteri Kewangan yang kemudiannya boleh dilupuskan sekuriti-sekuriti tersebut. Hasil pelupusan itu akan diuruskan seolah-olah wang yang tidak dituntut.

- (iv) Larangan bagi nominee memegang dan berniaga sekuriti - Fasal 13 bertujuan meminda seksyen 25 bagi memasukkan subseksyen baru (4), (5) dan (6). Pada dasarnya semua akaun sekuriti yang dibuka dengan depositori pusat mestilah atas nama pemunya benefisial atau nominee diberi kuasa (authorised nominee). Apabila akaun sekuriti tersebut dibuka sesuatu diklarasi perlu dibuat oleh orang yang membuka akaun itu kepada depositori pusat. Deklarasi palsu adalah satu kesalahan.

Fasal 14 memasukkan seksyen baru 25A yang memperuntukkan bahawa apabila nomini diberi kuasa (authorised nominee) membuka akaun sekuriti mereka adalah dikehendaki memegang sekuriti-sekuriti telah dideposit bagi satu pemunya benefisial berkenaan dengan setiap akaun sekuriti yang dibuka. Fasal 17 bertujuan memasukkan seksyen baru 29A yang memperuntukkan bahawa semua dagangan berkenaan dengan sekuriti telah deposit hanya boleh dijalankan oleh pemunya benefisial sekuriti-sekuriti telah deposit (deposited securities) atau nominee diberi kuasa.

Peruntukan peralihan dalam Fasal 28 menyatakan bahawa jika sebaik sahaja Rang Undang-undang ini mula berkuatkuasa suatu akaun sekuriti telah dibuka dengan depositori pusat atas nama seorang selain pemunya benefisial atau atas nama nominee diberi kuasa orang itu hendaklah dalam masa satu bulan dari tarikh yang Rang Undang-undang ini mula berkuatkuasa memohon kepada depositori pusat untuk membuka akaun sekuriti di atas nama pemunya benefisial sekuriti tersebut dan memindahkan sekuriti tersebut kepada akaun sekuriti pemunya benefisial itu.

Selepas luput tempoh satu bulan sekiranya depositori pusat mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa akaun sekuriti tidak dibuka atas nama pemunya benefisial atau nomini diberi kuasa sekuriti-sekuriti dalam akaun sekuriti itu akan dipindahkan kepada Menteri Kewangan dan Menteri Kewangan melupuskan sekuriti-sekuriti itu. Hasil pelupusan itu akan diuruskan seolah-olah ianya adalah wang yang tidak dituntut.

- (v) Larangan ke atas transaksi-transaksi luar pasaran ataupun off market - Kecuali bagi dagangan terus diiktirafkan dalam kaedah-kaedah Bursa Saham Kuala Lumpur, semua transaksi luar pasaran (off market) adalah dilarang. Oleh itu semua rujukan kepada luar pasaran adalah dipotong. Fasal 18 bertujuan meminda seksyen 31 untuk menghendaki sesuatu depositori pusat atau ejen depositori diberi kuasa membuat catatan dalam akaun sekuriti berhubung dengan dagangan terus atau transaksi lain sepertinya yang dijalankan menurut kaedah-kaedah depositori pusat ataupun bursa saham. Dengan ini semua transaksi luar pasaran adalah tidak sah dan catatan tidak boleh dibuat dalam akaun-akaun sekuriti.
- (vi) Meningkatkan keupayaan penguatkuasaan Suruhanjaya Sekuriti dan Depositari Pusat - Fasal 23 bertujuan meminda seksyen 41 dengan menambah keadaan dalam mana sesuatu akaun sekuriti boleh

digantung. Satu keadaan ialah apabila depositori pusat mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa terdapat pelanggaran kaedah-kaedah depositori pusat BSKL ataupun pusat penjelasan yang diiktirafkan. Satu contoh lagi ialah apabila Suruhanjaya Sekuriti mengeluarkan notis kepada depositori pusat menyatakan bahawa adalah dipercayai undang-undang sekuriti telah dilanggar. Fasal 25 meminda seksyen 58 dengan menambah jenis-jenis perintah mahkamah yang boleh dipohon oleh depositori pusat ataupun Suruhanjaya Sekuriti berkenaan dengan sebarang pelanggaran kaedah-kaedah depositori pusat atau peruntukan-peruntukan SICDA.

Selain itu berbagai pindaan kecil yang berbangkit daripada pindaan langsung daripada pindaan-pindaan di atas juga dimasukkan ke dalam seksyen 3, 4, 10, 28, 35, 39 dan 58. Cadangan pindaan kepada Akta berkenaan adalah perlu bagi menyokong tindakan-tindakan secara pentadbiran yang telah diambil oleh BSKL, SCANS dan MCD. Langkah tidak mengizinkan kegiatan nominee adalah bertujuan untuk memastikan ketelusan dalam urusan sekuriti di pasaran saham negara dan membanteras urusan saham-saham Malaysia di Bursa Saham yang tidak diiktiraf. Matlamat akhir pada pindaan tersebut adalah untuk mengembalikan semula keyakinan pelabur-pelabur terhadap pasaran saham negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik [Menteri Pengangkutan]: saya mohon menyokong cadangan itu.

Tuan Yang di-Pertua Tun Mohamed Zahir: Ahli-ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti (Depositari Pusat) 1991 dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

10.50 pagi

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di Pertua, yang pertama, saya rasa sangat kesal bahawa cadangan Yang Berhormat dari Jelutong bahawa perbahasan Rang Undang-undang di hadapan Mesyuarat Khas ini ditangguhkan sehingga semua ahli Parlimen ada masa untuk meneliti dan dapat pandangan input daripada pihak-pihak yang berpengetahuan mengenai bidang ini ataupun membolehkan orang ramai untuk memberi pandangan-pandangan mereka ditolak, dan kita tidak menolak kemungkinan perlunya mengadakan satu persidangan khas tetapi apa yang kita menyoalkan ialah kenapa persidangan khas ini diadakan dalam satu suasana di mana ahli-ahli Parlimen tidak ada masa untuk meneliti Rang Undang-undang ini.

Berapa ahli Parlimen dalam Dewan yang mulia ini berani kata, berapa Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini berani kata bahawa mereka dapat Rang Undang-Undang ini sebelum hari ini, sebelum pagi ini, berapa orang? Berapa orang? Tidak ada, tidak ada orang yang berani menunjukkan tangan. Ini bukan kes serius dan rasional dalam perkara ini. Saya boleh lihat tidak ada orang yang berani kata bahawa mereka ada dapat Rang Undang-undang ini sebelum hari ini, pagi ini, dan saya rasa kita bukan bincang mengenai isu fahaman politik, perbezaan politik, tetapi fair play, dan apabila Yang Amat Berhormat menolak cadangan Yang Berhormat dari Jelutong untuk memberi masa supaya bukan sahaja ahli-ahli Parlimen tetapi orang ramai pun ada masa untuk meneliti Rang Undang-undang ini beliau kata bahawa apa yang dibuat, dibenarkan oleh peraturan mesyuarat, dibenarkan oleh peraturan mesyuarat. Adakah ini satu alasan yang cukup untuk real rule, ran through, dengan izin, Rang Undang-undang apa Rang Undang-undang. Benar, peraturan mesyuarat membenarkan bahawa tanpa notis diberi kepada ahli-ahli Parlimen hari ini serta-merta kita bahas satu Rang Undang-undang dalam peringkat tiga-tiga bacaan, oleh kerana mengikut Peraturan Mesyuarat 90 (2) ada kuasa untuk suspend semua peraturan mesyuarat.

Mengikut peraturan itu kita pun boleh, lebih baik kita menggantungkan (suspend) peraturan mesyuarat mengenai tidak perlulah bahas. Kita sekarang undilah lima Rang Undang-undang ini sekali gus - pass, apa mahu bahas, boleh, ada kuasa. Oleh kerana ini ada dalam peraturan mesyuarat, itulah rule by law bukan rule of law. Rule of law ialah ada justice, ada fair play bukan oleh kerana

ini ada dalam peraturan, ini ada dalam undang-undang boleh buat semacam penangkapan Anwar Ibrahim. Undang-undang ada, boleh buat.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Hoi, mahu sokong diakah?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak kira, tidak kira ...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ada pakatkah?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak kira, tapi fair play. Bukan di sini untuk mempertahankan membelakan Yang Berhormat dari Permatang Pauh ialah cara keadilan. Undang-undang ada, tetapi semangat undang-undang itu rule of law dan bukan rule by law sebab itu kenapa kita mahu memaksakan satu perbahasan mengenai kelima-lima Rang Undang-undang ini tanpa memberi masa yang cukup, tanpa memberi masa langsung kepada semua ahli parlimen.

Saya percaya ahli-ahli parlimen tidak kata bahawa mereka tidak ada masa pun tak apalah. Mereka akan undi sokong blindly, percaya penuh, kalau begitu tidak payah kita perbahaskan. Kalau sikap inilah, kepercayaan yang penuh tanpa, tidak kira apa dalam kanun, kenapa datang ke sini percaya penuh, rubber stamp, itulah Dewan Rakyat Parlimen, rubber stamp sahaja. Itulah standard perbahasan dan saya harap, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih boleh kaji perkara ini, supaya memberi masa, masa untuk kita, adil kepada semua pihak, atau adakah kita sudah sampai ke satu tahap di mana semangat keadilan tidak ada lagi dalam pentadbiran kerajaan. Sama ada mengenai pentadbiran, keadilan ataupun urusan Parlimen. Tidak kira, we don't care, we have the power, so what, adakah ini sikap kita? Apa yang kita kuarir dengan jawapan tadi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini dibenarkan oleh peraturan mesyuarat kita boleh buat.

Kita tahu, ada kuasa, ada majoriti, ada 5 - 6 majoriti, tetapi adakah ini adil kepada institusi Parlimen, kalau kita mahu Parlimen menjadikan satu rubber stamp - boleh, saya percaya itu bukan tujuan dan maksud Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya kita boleh adakan satu perbahasan yang bermakna, yang berguna Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata bahawa Yang Berhormat dari Jelutong lima minit boleh baca, boleh tahu apa dalam Rang Undang-undang ini.

Perdana Menteri: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, kita boleh beri jalan. Bukan semacam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi tidak mahu bagi jalan .

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bercakap berkenaan rule of law, rule by law dan sebagainya, tetapi partinya terlibat dalam demonstrasi untuk menyekat daripada perbicaraan dilakukan secara tertib. Apakah ini semangat yang dia bercakap berkenaan dengan rule of law ini, ada demonstrasi, menunjukkan keburukan negara kita kepada orang asing, bersubahat dengan pemberita asing untuk memberi laporan yang tidak betul, itukah semangat yang ada kepada dia? *[Tepuk]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Menyampuk dalam bahasa Cina]*

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang kita tahulah siapa mahu membawa isu-isu yang tadi dia kata bahawa dia buat sebelum saya komen mengenai ulasan atau interruption Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Beliau membuat satu dakwaan yang tidak berasas dan tidak bernas bahawa parti pembangkang khususnya parti DAP adalah menyalahgunakan peraturan mesyuarat, ada kemukakan usul-usul dalam perbahasan dan dalam perbahasan ada buat percakapan-percakapan yang begitu berasas, apabila sebenarnya tak pernah satu usul parti pembangkang yang pernah sampai tahap diberi perbahasan. Mana, tengok mana dalam penggal Parlimen ini satu usul sama ada pihak DAP atau pihak PAS yang pernah diberi masa untuk dibahaskan tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh buat tuduhan yang liar, tuduhan yang liar bahawa dalam perbahasan

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis, sabar, nanti saya akan bagi, kita bukan, unreasonable kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebelum kita ada ...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Kerana kita tidak ada perbahasan, kita bukan kata di bawah peraturan 18 spesifik, kalau itu spesifik kita ada perkara-perkara yang lain.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti saya roundup dalam perkara ini, tetapi mengenai usul substantive yang kita akan bagi, tak takut, tak takut, tak macam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Perdana Menteri: Awak yang takut.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri takut, kita tak takut, saya akan bagi.

Perdana Menteri: Kawan you ada cakap tadi orang takut. Sekarang ini saya kata awak takut.

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan bagi. Oleh kerana Yang Amat Berhormat takut, tak bagi, saya akan bagi, nanti, sabar, bukan berdiri ada hak, saya akan bagi, kita tak pernah ada satu usul yang substantive, yang ada dibahas, bagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh buat tuduhan-tuduhan liar macam itu. Saya bagi jalan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya agak terkejut sedikit mendengar bahawa Ahli Yang Berhormat sudah jadi jurucakap PAS kerana dia bercakap kata bagi pihak DAP dan PAS. Saya harap PAS cuma bagi izinkan kepada jurucakap baru daripada PAS. Yang keduanya tentang usul yang dibawa oleh parti lawan itu, kebanyakannya tidak ada isi langsung, cuma setakat menentang saja. Yang hendak menentang, kata saya menentang sudahlah, buat apa hendak bawa usul lagi kerana apa juga yang kita kata belah sini tidak akan diterima oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebab itu tak guna kita adakan apa-apa perbahasan tetapi semua ini ditetapkan oleh Tuan Speaker. Jadi melainkan Ahli Yang Berhormat yang kerap kali tidak pun menunjukkan hormat kepada Speaker yang selalu mengata kepada Speaker, yang itu antara Ahli Yang Berhormat dengan Speaker. Kalau Speaker tidak bagi apa yang kita hendak buat.

Tuan Lim Kit Siang: Nampaknya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memutarbelit. Inilah perverse illogic, Mahathir's illogic. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata bahawa dalam ucapan perbahasan usul DAP di mana kita ada cakap perkara-perkara yang relevan. Apabila kata kita tidak pernah mengadakan satu usul sampai di peringkat boleh dibahaskan, dia kata kenapa kita mahu memberi masa untuk perbahasan oleh kerana inilah semua bantah kerajaan sahaja. Kenapa putar belit, 'twist and turn', inilah 'twist and turn' dan mengenai komen saya sudah jadi jurucakap PAS itu adalah low blowlah, itu tak setaraf dengan Perdana Menteri. Ini parliamentary secretary mungkin. Perdana Menteri ada lebih standard. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata bahawa DAP ada terlibat dalam demonstrasi mengenai kes Anwar, kita tak pernah, DAP tak pernah terlibat di mana-mana demonstrasi.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Bohong!

Tuan Lim Kit Siang: Demonstrasi, siapa cakap bohong, berdiri, siapa cakap bohong itu?

Dato' Annuar bin Haji Musa: Berapa kali dalam surat khabar kata Lim Kit Siang pergi ke rumah Dato' Seri Anwar, pergi berunding apa?

Tuan Lim Kit Siang: Jumpa itu demonstrasi? Wah! itu dictionary yang baru Barisan Nasional.

Dato' Annuar bin Haji Musa: DAP menunjukkan kononnya tidak terlibat, kononnya, dia tidak terlibat.

Tuan Lim Kit Siang: Demonstrasi, apa erti demonstrasi? Kalau begitu, kalau Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar menjadi IGP, kita semua sudah masuklah. Apa ada rasional, jangan wild liar, kalau kata bahawa ada demonstrasi, kalau kata DAP ada terlibat dalam demonstrasi, tunjuk bukti, jangan berdiri cakap sebagai seorang yang sudah hilang....

Dato' Annuar bin Haji Musa: Tanjong, demonstrasi ini kalau hendak tunjukkan support sama ada ramai atau seorang-seorang. DAP diketahui oleh masyarakat terlibat tunjuk sokongan yakni demonstrasi sokongan, ramai dan seorang-seorang termasuk oleh Lim Kit Siang sendiri.

Tuan Lim Kit Siang: Pendirian saya sangat jelas bahawa cara pemecatan Yang Amat Berhormat dari Permatang Pauh sebagai Timbalan Perdana Menteri, sebagai Menteri Kewangan, cara tidak adil, cara penangkapannya tidak adil. Kenapa polis perlu menjadi komando dengan memakai topeng ski-mask, kenapa perlu? Adakah kediaman Yang Amat Berhormat Permatang Pauh menjadi satu terrorist hideout, kenapa? Bukankah ini keterlaluan cara-cara penangkapan, apabila beliau ditangkap polis kata bahawa beliau akan dibawa ke mahkamah akan dihadapkan keadilan dituduh tetapi tidak, sampai sekarang belum tahu. Mungkin pagi inilah saya dengar. Tetapi kenapa begitu lama? Adakah ini adil, dari segi cara.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tentu tahu bahawa apabila kita cuba membawa caj Timbalan Perdana Menteri ini ke mahkamah ada ugutan untuk mengadakan rusuhan dan sebagai polis mereka terpaksa menjaga keamanan dalam negara kita ini. Mereka memakai topeng itu adalah satu pakaian yang digunakan oleh semua pihak. Saya tak pernah pun dengar Ahli Yang Berhormat kompelin tengok orang lain pakai, di Britain pakai, di Korea dia pakai, barangkali apa orang asing buat betul, orang dalam negeri tak boleh buat. Ini kaki ampu orang asing. Orang asing apa buat pun betul, jadi kita tak ada langsung nasionalism kita sendiri, yang ini menjadi masalah dengan DAP. Tapi DAP kata dia tak terlibat, sukarlah sedikit kita hendak terima, kita tengok

ada orang DAP terlibat. Mereka juga sokong menyokong. Saya sokong anak you kena tangkap, you sokong saya kena tangkap, ini cara dia. Ini ada 'quid pro quo', you bagi sikit, kita bagi nanti, inilah yang dok buat, sekarang ini pun dok cari peluang dengan cara demonstrasi nak tukar undang-undang, kalau nak tukar undang-undang datang sini. Kalau tak boleh datang di sini, bila ada pilihan raya kita bertandinglah. Ini cuma nak buat cara demonstrasi.

Tuan Lim Kit Siang: Ini semua memutar belitlah. Mana kata jangan kata bahawa kalau sebenarnya kerajaan atau Barisan Nasional cinta negara, tak mahu apa-apa hubungan dengan kuasa-kuasa ataupun unsur-unsur luar negeri, kenapa mengadakan Solomon Barney Smith Yahudi, Yahudi bukan sahaja Yahudi tetapi spekulator yang besar dalam Hong Kong, attack Hong Kong dollar kenapa? Adakah ini menunjukkan bahawa sebenarnya ada unsur-unsur puak-puak dalam kerajaan dan tidak cinta negara. Kalau itulah logik, logik Mahathir. Janganlah kita mumutarbelitkan.

Mengenai ski-mask kalau untuk tangkap terrorist itu kita biasa. Tetapi kalau tak silap saya, saya tak tahu, bahawa peguam-peguam bekas Timbalan Perdana Menteri sudah menyampaikan surat kepada pihak polis bahawa beliau rela bekerjasama bila-bila kalau tarikh ditetapkan untuk menahan beliau, diberitahu dan beliau akan bekerjasama. Kenapa dalam datang belakang ini perlu komandor skuad digunakan. Ini mahu tunjuk kuasa, contempt, contempt bukan sahaja sensitiviti-sensitiviti keluarga bekas Timbalan Perdana Menteri, sensitiviti rakyat Malaysia yang rasa ini terlalu, too much, kenapa kita tidak boleh lebih sivil kepada rakyat kita sendiri, orang kita sendiri. Pecah pintu dan lain-lain apabila boleh dengan senang masuk, kenapa perlu itu dan kita dalam DAP, pendirian kita jelas bahawa apa yang kita tidak senang ialah cara pemecatan, cara penangkapan, cara penahanan bekas Timbalan Perdana Menteri di bawah ISA. Sudah dekat empat minggu begitu banyak tuduhan yang serius dilemparkan terhadap beliau, sama ada sexual misconduct, sama ada korupsi, sama ada sediton, sama ada tampering dengan bukti atau siasatan pihak polis, sama ada pembunuhan, sama ada

high treason, kenapa empat minggu belum ada apa-apa pendakwaan, mungkin pagi ini ada dan kalau begitu kenapa ISA digunakan?

Kenapa tidak membenarkan isteri beliau Datin Sri Wan Azizah dan anak-anak beliau untuk berjumpa dengan bekas Timbalan Perdana Menteri, bukankah kita perlu menunjukkan kita ada peri kemanusiaan bahawa tak kira apa-apa undang-undang yang kita ada, bahawa kita boleh menggunakan undang-undang itu tanpa kezaliman, tanpa inhuman treatment dan kenapa kita tidak boleh membenarkan rule of law bukan rule by law, rule of law di mana prinsip natural justice adalah diterima dan saya harap

Perdana Menteri: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Teng Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim selepas ianya dipecat telah mengadakan perhimpunan-perhimpunan yang salah dari segi undang-undang dan sepatutnya polis menangkapnya lebih awal ataupun mendakwa dia lebih awal, tetapi polis begitu prihatin tidak mahu mengambil tindakan walaupun telah diberitahu kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim bahawa perhimpunan-perhimpunan yang besar-besar yang diadakan di rumahnya dan di tempat-tempat lain menyalahi undang-undang tetapi dia tidak peduli. Polis tidak ingin guna ISA tetapi apabila dia pergi ke masjid dan ke Dataran Merdeka untuk menyuruh penyokong-penyokongnya merusuh, pada ketika itu dia ditahan kerana dia menyuruh orang merusuh, memecah keamanan sebab itu dia ditahan di bawah ISA. Tujuannya ialah supaya dia tidak lagi boleh menghasut penyokong-penyokongnya supaya membuat rusuhan.

Sekarang ini undang-undang akan berjalan seperti biasa dan dia akan dihadapkanke mahkamah tetapi untuk menghadapkannya di mahkamah menjadi satu masalah kerana ada ugutan kalau dia dibawa daripada tempat tahanannya ke mahkamah maka akan ada rusuhan secara besar-besaran di seluruh Malaysia, tujuannya ialah supaya keadaan seperti yang terdapat di Indonesia akan berlaku

juga di Malaysia dengan rusuhan pecah rumah, pecah kedai, curi barang dan sebagainya untuk menakutkan rakyat. Di Indonesia apabila ini berlaku maka Presidennya terpaksa undur diri, harapan Dato' Seri Anwar Ibrahim ialah supaya saya undur diri dan kerajaan jatuh dan dia akan dilepaskan tanpa dibicarakan dalam mahkamah, kalau tak dibicarakan dalam mahkamah maka kesalahannya tidak akan terdedah itu pendekatannya.

Hari ini pun masih ada usaha untuk mengadakan tunjuk perasaan secara besar-besaran supaya kerajaan tidak boleh menghadapnya ke mahkamah tetapi saya fikir kerajaan tidak boleh tahan lama-lama sangat kita nak bawa dia ke mahkamah, nak bicara dia seperti orang biasa. Ramai lagi menteri-menteri lain yang telah diberhentikan tanpa masalah di dunia ini banyak menteri, Timbalan Perdana Menteri pun biasa dipecat ataupun diberhentikan tidak ada masalah. Dalam UMNO ini pun ada menteri yang kita berhentikan tetapi terus menjadi ahli UMNO. Ini berhenti saja daripada UMNO membuat rusuhan, buat parti baru, buat gerakan baru, buat gerakan reformasi. Reformasi apa, masa dia ada kuasa dia tak mahu reform, bila tidak ada kuasa baru nak reform ini semua adalah untuk melindungi dirinya daripada dituduh secara tertib dalam mahkamah. Mahkamah perlu keamanan untuk membicarakan sesuatu kes, kalau ada rusuhan di luar maka hakim-hakim tidak dapat memikirkan dengan secara yang baik dan memberi keadilan, nampak jelas sekali bahawa penyokong-penyokong Anwar termasuklah juga parti DAP yang tumpang tui kalau boleh anak sendiri dilepas. Bolehlah juga kalau jatuh kerajaan ini mungkin anak terlepas. Tetapi kerajaan ini nampak taklah nak jatuh sangat, tetapi Ahli Yang Berhormat bercakap sangat berkenaan keadilan ini. Bila ahli partinya yang lain kena tangkap dia tak pedulipun bila anak dia kena tangkap barulah parti digerakan itu, ini [*Tepuk*] apa semua keadilan apa/? Itulah cara putar belit Ahli Yang Berhormat kerana ini adalah amalan biasa beliau yang selalu putar belit, bila kita nak bincang berkenaan dengan undang-undang, nak menyelamatkan ekonomi negara dia tak hendak bincang cakap benda yang lain sebab bagi dia Dewan ini adalah untuk kepentingan politik peribadinya bukanpun

politik DAP, politik peribadinya, dan familynya, nepotisma yang terdapat dalam Malaysia nampak jelas apa bila Ahli Yang Berhormat menggunakan partinya untuk mempertahankan anaknya, itu nepotisme, yang keterlaluan .

Tuan Lim Kit Siang: Yang pertama ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang memulakan perbincangan mengenai kes Anwar bukan saya.

Yang kedua saya harap apa yang kita lihat bukan apa yang disifatkan sebagai pencuri dipanggil kecurian thief shout thief, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata mengenai nepotisme, kronisme, dan korupsi, Thief shout thief saya di sini bukan berdiri untuk membela bekas Timbalan Perdana Menteri tetapi berdiri atas keadilan.

Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada membuat satu tuduhan yang sangat serius bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri ada pergi ke Masjid Negara, dan menyuruh orang ramai merusuh, saya tak tahu kalau itu benar dia patut dibawa ke mahkamah , ke hadapan ke pengadilan kerana itu satu caj yang serius, bahawa inside orang ramai untuk merusuh tetapi adakah benar, adakah bukti, atau adakah ini satu tuduhan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tanpa bukti tetapi oleh kerana keistimewaan kedudukan beliau boleh buat begitu. Cara ini penyalahgunaan kuasa, penyalahgunaan kedudukan beliau kalau ada bukti bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri ada pergi ke Masjid Negara yang menyuruh orang ramai merusuh tentu pihak polis ada cukup bukti untuk mendakwa beliau. Adakah ini antara dakwaan-dakwaan yang akan dihadapkan terhadap beliau, kalau tidak adakah adil Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk buat tuduhan semacam ini apabila bekas Timbalan Perdana Menteri tidak ada di sini untuk menjawab.

Saya ada ikuti perkembangan dan mungkin saya tidak tahu apa segala perkara yang berlaku tetapi kalau saya tak silap bekas Timbalan Perdana Menteri tak pernah buat begitu, tak pernah pergi ke Masjid Negara, tak pernah pergi yang ke masjid menyuruh *[ketawa]* correct me if I am wrong dan beri bukti, Berdiri correct me if I am wrong, saya kata saya tak tahu pada pengetahuan saya yang

mengikuti perkembangan dalam media massa sama ada elektronik atau printed bahawa tak pernah berlaku di mana bekas Timbalan Perdana Menteri ada menyuruh orang ramai untuk merusuh adakah bukti? Adakah rela Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berdiri kata ada bukti itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri Dalam Negeri bangun.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan rekod sedikit Yang Amat Berhormat bekas Timbalan Perdana Menteri ditangkap selepas peristiwa merusuh di galeri UMNO, di PWTC dan juga ada lebih kurang 1,000 - 2000 orang yang pergi ke kediaman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Sri Perdana menunjuk perasaan di situ. Mereka menggunakan perkataan yang kesat melaung-laungkan itu sebabnya kita akan check balik rekod tetapi akibat daripada perjumpaan di Masjid Negara dan juga di Dataran Merdeka maka galeri UMNO telah pun dipecah dan dirosakkan, jadi kalau kita nak gunakan perkataan 'rusuhan' Yang Amat Berhormat boleh cari defination sendiri apa maksud 'rusuhan'.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab point saya. Point saya ialah adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adil apabila beliau buat tuduhan bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri, apabila di Masjid Negara adalah menyuruh orang ramai merusuh dan itulah satu act specific bukan perkara yang ditimbulkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, itu hal yang lain. Saya tidak mempertahankan perkara itu tetapi itu hal yang lain. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada bukti untuk mempertahankan, menunjukkan, membuktikan tuduhan beliau. Kalau tidak, ini tidak adil. Inilah satu general dan wild statement, adakah beliau rela untuk menarik balik kenyataan itu.

Perdana Menteri: Saya tidak rela tarik balik kerana untuk menyuruh orang merusuh bukan kita perlu specific. Dato' Seri Anwar mengaku tidak berkata, "Pergilah ke Putra World Trade Centre, pecah masuk ke muzium UMNO dan

koyak gambar pemimpin-pemimpin UMNO”. Tidak ada, dia tidak kata langsung, yang itu saya mengaku tetapi ada caranya bila dia bercakap tujuannya satu untuk membakar semangat supaya benci kepada orang tertentu. Dan dengan itu dia tahu sebagai seorang ahli pidato yang terkenal, seorang student leader yang biasa menggunakan cakap-cakapnya untuk membakar semangat penuntut-penuntut. Dia tahu, apa yang dia kata itu akan membawa kepada rusuhan. Dia juga tahu undang-undang.

Dia tidak kata, “Pergi merusuh, ambil batu baling”. Tidak, dia tidak kata tetapi kesan daripada ucapannya ialah mereka telah pecah masuk dalam Putra World Trade Centre, koyak segala gambar-gambar, mereka melulu pergi ke kediaman saya dengan cakap-cakap yang didengar. Saya tidak boleh hendak jaminlah, tetapi cakap-cakap yang didengar iaitu, “Kita pergi bakar rumah Perdana Menteri”. Dan ini hasil daripada ucapannya di masjid dan juga di Dataran Merdeka.

Sebelum daripada itu, orang ini tidak pernah pergi, tidak pernah berkumpul, tidak pernah pergi ke Putra World Trade Centre, tidak pernah cuba pergi ke rumah saya untuk membuat apa-apa. Jadi kita boleh kaitkan ucapannya itu dengan kegiatan orang yang berkumpul itu bermakna hasut. Jadi orang yang menghasut ini seperti Ahli Yang Berhormat biasa buat juga [*ketawa*] samalah. Dia tidak kata betul-betul pergi merusuh tetapi indicationnya tu, meaning, dia punya terjemahan apa yang diperkatakan jelas. Hasil daripada itu kita tidak dapat nafi. Apabila dia berucap maka rusuhan berlaku dan selepas itu ada lagi rusuhan, pergi ke masjid. Masjid tempat kita sembahyang, tempat orang Islam berjumpa, berjemaah di situ kita hendak dengar syarahan-syarahan agama. Ini bawa poster pergi ke masjid hendak guna masjid, hendak ganggu orang sembahyang daripada membuat ibadat. Itu bukan tempat dia.

Tetapi semua ini berpunca daripada ucapan yang dibuat oleh Dato’ Seri Anwar. Sebelum dari itu walaupun kita tahu dia dalam rumah, dia bercakap dengan pemimpin-pemimpin tertentu untuk membuat itu aturan, ini perlu dibuat,

kalau dia ditangkap apa yang patut dibuat, semua itu sudah disusun rapi. Kita tahu itu tetapi tidak ada tindakan yang diambil terhadap Dato' Seri Anwar kerana kita tidak hendak melihat rusuhan terutama di masa sukan Komanwel di adakan di negara kita. Kita hendak imej negara kita baik tetapi dia sengaja sebelum sukan Komanwel itu tamat dia sengaja mencetuskan rusuhan dan ini dia tidak boleh nafi. Kalau dia tidak ada di Masjid Negara dan di Dataran Merdeka pada hari itu tidak mungkin ada rusuhan di Kuala Lumpur ini, tetapi kerana dia berada dan berucap maka ada rusuhan.

Jadi kaitan antara ucapannya, perkataan tidak usah kiralah tetapi apa yang diucapnya dengan tindakan oleh penyokong-penyokongnya adalah kaitan yang rapat yang tidak boleh dinafi oleh sesiapa melainkan kalau orang yang buta tuli tidak ada telinga, tidak mahu dengar apa yang dikata kerana parti lawan walaupun kita bagi terang-terang kata ini putih dia nak kata hitam dia kata hitam juga. Tidak ada guna dok bercakap. Jadi tujuannya supaya kita tidak lulus undang-undang ini dan dengan itu dapatlah dia sokong CLOB untuk menghancurkan negara kita.

[Tepuk]

Tuan Lim Kit Siang: Itulah kesimpulan apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri bangkit hal kes Anwar dan sekarang ada exchange itu, akhirnya dia sampai satu kesimpulan bahawa oleh kerana komplot DAP mahu menghalang pihak kerajaan untuk ambil tindakan terhadap CLOB, atas alasan ini bagaimana kita boleh percaya mengenai conclusion yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri khasnya mengenai apa yang berlaku pada 20 haribulan September. Sekurang-kurangnya Yang Amat Berhormat tarik balik kenyataan beliau bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri dalam Masjid Negara ada menyuruh orang ramai merusuh, tarik balik sungguhpun *[ketawa]* tadi kata tarik balik - menyebabkan itu hal yang lain tetapi tidak mengakui bahawa beliau tidak kata bahawa beliau ada menyuruh orang ramai untuk merusuh. Bukan atau ada.

Perdana Menteri: Kalau hendak menjadi penterjemah bagi parti PAS tidak apa, jangan terjemah apa yang saya cakap.

Tuan Lim Kit Siang: Sebab itu cause and effects. Itu perbezaan. Seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa kita sekarang berucap oleh kerana mahu menggagalkan usaha untuk control atau untuk hapuskan CLOB, bagaimana kita boleh menerima hakikat itu. Dan kalau itulah kesimpulan pihak kerajaan, patut apa yang perlu dibuat ialah untuk dakwa bekas Timbalan Perdana Menteri dalam mahkamah atas hasutan dan bukan di bawah Internal Security Act. Dan hari ini saya kalau tidak silap, hari ini, pagi ini bekas Timbalan Perdana Menteri akan di bawa ke mahkamah dan didakwa. Oleh kerana beliau sudah di dakwa, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi satu kenyataan yang jelas sama ada beliau akan dibebas daripada ISA atau dia akan terus ditangkap di bawah ISA. Apa kedudukannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat nanti sekejap Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Dia berdiri beberapa kali. Sekarang saya tanya, dia tidak mahu berdiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak tanya dia berdiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya Okey.

Perdana Menteri: Okey. Nak suruh saya berdiri, saya berdirilah. Saya ikut sahaja apa yang Ahli Yang Berhormat kata. ISA satu perkara lain. Apa yang dia didakwa di mahkamah itu perkara lain. Masalah ISA ialah kerana hasutan, untuk adakan rusuhan. Dan kalau dia dibenarkan keluar, dia akan terus menghasut. Kita sudah nasihat supaya jangan buat tetapi dia buat juga. Orang ini dia hendak cuba apa kerajaan boleh buat terhadap dia kerana dia hendak jadi satu

....., satu orang yang kononnya begitu berani, kena tangkap pun tidak apa. Jadi dia bila dia keluar, kalau dia dilepas, saya yakin dia akan pergi ke sana-sini untuk menghasut orang apa juga yang boleh dibuat untuk menutup kesalahannya itu akan dibuat. Kita tahu, kita minta daripada awal lagi, biarlah mahkamah tentukan sama ada dia benar ataupun tidak benar. Tetapi dia tidak mahu, awal-awal lagi dia kata, “Saya akan ditangkap di bawah ISA”. Kenapa dia kata, kerana dia tahu apa yang perlu dibuat olehnya untuk ditangkap di bawah ISA. Dan dia adakan rusuhan supaya dia ditangkap di bawah ISA. Bukan niat kerajaan hendak tangkap tetapi dia hendak, dia sudah beritahu. “Tengok ini akan ada tuduhan kepada saya”. Dia tahu akan ada tuduhan kerana dia buat salah. Jadi kerana ada tuduhan, bila kena tuduh. “Tengok saya dah kata dah” Ini pre-empting, strategi yang cekap digunakan oleh Dato’ Seri Anwar. Kawan saya, saya sendiri tidak boleh percaya apa yang dia buat ini tetapi akhirnya terpaksa terima hakikat orang itu mengaku bahawa dia buat benda yang dia kata tidak buat ini, dia buat. Biarlah mahkamah tentukan sama ada saya cakap bohong ataupun dia cakap bohong atau pendakwa raya cakap bohong, kenapa ganggu mahkamah. Kita hendak keadilan melalui mahkamah tetapi DAP dan orang lain hendak mengganggu tidak mahu dia dibicara dalam mahkamah dalam keadaan tenang, jangan ada rusuhan, jangan berhimpun di luar mahkamah pula, menjerit nama Allah yang tidak patut dijerit untuk mempertahankan orang yang berdosa besar.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Amat Berhormat kata bahawa biarlah mahkamah buat keputusan tetapi Yang Amat Berhormat sendiri sudah buat keputusan, bahawa already convicted dan tunggu sentence sahaja, bukan sahaja ada satu perbincangan dan satu conviction oleh mass media, sekarang apa yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata ialah conviction, bahawa beliau salah. Wahhal beliau yang salah itu nampaknya sudah satu keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan bukannya apa yang dihadapkan oleh bekas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ialah double jeopardy. Kalau kita mahu serah kepada mahkamah untuk buat keputusan salah atau tidak salah, kenapa teruskan di bawah ISA? Oleh kerana apabila seorang terus ditahan di bawah ISA, ini tentulah akan menghalang semua persediaan untuk buat defence dengan peguam-peguam sekarang bukan sahaja tidak boleh berhubung dengan peguam-peguam, isterinya, anak-anaknya semua putus access, bukannya ini ketidakadilan yang sangat ketara?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tahu benar bahawa keputusan saya adalah keputusan saya, dia tidak mempunyai kuasa undang-undang. Saya boleh kata Anwar salah, ramai

orang lain boleh kata Anwar salah tetapi tidak mempunyai kuasa undang-undang dan saya tidak boleh masukkan dia ke dalam jel kerana saya buat keputusan. Tetapi sebagai Perdana Menteri saya boleh berkata dia salah, tidak layak jadi Timbalan Perdana Menteri dan saya hukum dia berhenti jadi Timbalan Perdana Menteri dan ini juga saya lakukan kepada orang lain.

Dalam UMNO, kalau ada menteri-menteri yang salah kita singkirkan, kita tidak tunggu mahkamah, orang yang didapati oleh mahkamah tidak salah pun, tetapi kalau dalam anggapan kita, dia memburukkan imej parti, kita suruh dia berhenti, itu tindakan kita, tidak mempunyai maksud undang-undang, undang-undang akan ditentukan oleh mahkamah. Ahli Yang Berhormat sengaja putar belit kerana dia ahli putar belit, jadi dia cakap antara mahkamah dengan saya, dia tidak tahu, dia tidak kenal, saya bukan judge, saya Perdana Menteri. Perdana Menteri di mana-mana pun diberi kuasa untuk memberhentikan mana-mana menteri, sepatutnya bila kena berhenti, berhentilah, terima sahajalah. Tetapi ini bila sudah berhenti, oh, hendak ada reformasi, kenapa tidak ada reformasi sebelum berhenti, ada reformasi sebelum berhentilah, tetapi kerana hendak tutup kesalahan sendiri, kerana kesalahan ini amat buruk sekali, dia tahu. Saya tidak hendak kenakan perkara ini kepada dirinya jika ianya tidak benar. Tunjukkan dalam mahkamah benda tuduhan ini tidak benar, tidak ada, okeylah.

Tuan Lim Kit Siang: Saya bukan ahli putar belit, apa yang kita ada ialah Perdana Menteri yang putar belit yang utama dalam dunia ini.... [*Disorak*] dan you want to say it, people must be allowed to say to you dan kenapa mahu *boo* ...kenapa apabila Perdana Menteri kata, tidak ada reaksi... 'fair play', keadilan, nanti-nanti, keadilan dan di sini

Perdana Menteri: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat ...

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, di sini apa yang mustahak ialah bahawa seorang tidak di

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Point of order ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat ...

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Point of order ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ya Machang bangun mengikut peraturan mesyuarat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: ... 36(1), Tuan Yang di-Pertua. Kita sekarang sedang membincangkan satu akta untuk Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991. Sekarang ini sudah melarut-larut dah, nampaknya DAP membangkitkan perkara-perkara yang tidak ada langsung kaitan dengan Akta yang sedang dibincangkan ini. Saya minta ruling, Tuan Yang di-Pertua. Kita hanya ada masa 2 hari - ada lima bil, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melarut beri peluang sampai ini, barangkali sampai besok pun tidak habis. Ada forum lain saya percaya untuk membahaskan isu ini, bukan masa ini, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Baiklah, Yang Berhormat, saya akan buat keputusan. Yang Berhormat dari Tanjong, banyak masa telah pun Yang Berhormat menyentuh atas perkara yang tidak bersabit dengan rang undang-undang Kementerian Kewangan ini. Sebab setahu saya Yang Berhormat, apa yang diujahkan tadi itu bersabit dengan Kementerian Dalam Negeri, bukannya

Kementerian Kewangan. Yang Berhormat, kalau ada hujah-hujah yang lain, kembalilah kepada rang undang-undang ini. Jangan merayau jauh sangat.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Bukan saya timbulkan hujah-hujah ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang timbul hujah-hujah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Tapi, Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Ya, dan kalau

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat nanti, tetapi Yang Berhormat jangan lupa, sekarang ini Yang Berhormat sendiri yang berhujah, yang berucap..... biarpun ada sebarang soalan yang dibangkitkan yang tidak bersabit dengan rang undang-undang ini, Yang Berhormat boleh tidak layan

Tuan Lim Kit Siang: Saya layan, mana boleh tidak layan. Kalau tidak layan, kerusi pun jatuh....

[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, balik kepada tajuk.

Tuan Lim Kit Siang: Mesti mahu layan, Timbalan Perdana Menteri boleh jatuh, siapa tidak boleh jatuh, mahu layan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, balik kepada tajuk.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya tidak tahu adakah kedudukan hujah-hujah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri begitu lemah, sekarang perlu diselamatkan, perlu diselamatkan oleh Yang Berhormat dari Machang, oleh kerana

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat ...

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti Yang Berhormat. Ya, ada peraturan mesyuarat yang dibangkitkan

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tadi, dia kompelin kata Dewan tidak cukup masa hendak bahas

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti, Yang Berhormat. Itu saya kekalkan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Jangan main-main.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dulu. Saya rasa Yang Berhormat, setiap orang ahli Dewan ini mempunyai hak yang sama. Yang Berhormat dari Machang itu bangun atas peraturan mesyuarat, bangkitkan 36(1), itu pun tidak salah. Yang Berhormat tidak payahlah mempertikaikannya.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada buat beberapa tuduhan yang sangat serius dan saya rasa perlulah untuk menerangkan, khasnya mengenai tuduhan bahawa kita pihak di sini tidak demokratik, tidak adil

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat diingatkan bahawa keputusan saya tadi itu tetap dikekalkan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ini mengenai kalau

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat nanti.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, setahu saya Yang Berhormat memang mempunyai peluang yang lain untuk membuat usul yang berasingan dan bukannya menyentuh soal ataupun isu yang tidak relevant Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: ... relevant.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang tidak relevant dengan rang undang-undang ini. Kalau Yang Berhormat teliti, baca dengan teliti Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Kita ambil mungkin dekat setengah jam lebih di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada ambil bahagian yang aktif, adakah ini semua irrelevant, adakah ini semua buang masa Dewan yang mulia ini, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah buang masa Dewan yang mulia ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, balik kepada tajuk, sekarang Yang Berhormat yang berucap.

Tuan Lim Kit Siang: Rang undang-undang di hadapan kita ialah mengenai satu usaha kerajaan yang mahu menangani krisis ekonomi. Betul? [*Tepuk*] Akar umbi krisis ekonomi ialah kepercayaan. Khasnya kepercayaan dan sekarang kita adalah satu krisis politik, satu krisis demokrasi, selain daripada krisis ekonomi dan kewangan. Kalau krisis yang lebih besar ini – krisis demokrasi, krisis politik khasnya cara kerajaan, cara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menangani isu bekas Timbalan Perdana Menteri tidak memberi satu gambaran untuk memulihkan keyakinan tetapi sebaliknya memburukkan keyakinan - rang undang-undang ini atau lain tidak akan memberi kesan yang positif. Sebab itu tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak buang masa dalam Dewan ini, apabila beliau berhujah mengenai kes Anwar Ibrahim dan itulah isu yang pokok oleh kerana inilah isu orang ramai, rakyat Malaysia ialah prihatin dan mereka tanya kalau isu itu tidak boleh ditangani dengan baik, apa ada kesan positif sama lima rang undang-undang ini.

Kalau kita mahu transparency securities market tetapi tidak ada transparency pemerintahan kerajaan, tidak ada transparency penangkapan bekas Timbalan Perdana Menteri dan tentu kita ada transparency apabila bukan sahaja beliau didakwa di mahkamah, dia terus ditahan di bawah ISA, apa transparency yang kita sebut, apa transparency clause? Apa transparency kalau Perdana Menteri boleh buat tuduhan-tuduhan terhadap lain-lain orang yang tidak boleh jawab, tidak ada ruang dalam surat khabar, dalam radio, dalam televisyen untuk jawab. Sama ada sebenarnya banyak krisis demokrasi, krisis politik ialah bukan sahaja apa yang disebutkan itu serah kepada mahkamah tetapi oleh kerana ada policy differences antara bekas Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri, sama ada mengenai KKN – cronyism, kronisme, corrupcy, nepotisme atau mengenai dasar-dasar yang lain, tetapi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat tuduhan bahawa DAP nepotistic, kalau nepotistic mahu tukar tempat? Lim Guan Eng tukar dengan Barisan, tukar dengan Mokhzani, tukar dengan Mukriz, bukanlah, - janganlah kita memutarbelitkan. Kita tidak mahu Ahli Parlimen

Perdana Menteri: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Nanti. Kita tidak mahu Ahli Parlimen memutar belit, kita pun tidak mahu Perdana Menteri memutar belit, boleh, sebagai ‘gentleman’, agree? Jangan memutar belit.

Perdana Menteri: Ahli Yang Berhormat telah menunjuk nepotismenya sebelum jadi kerajaan. Saya telah jelaskan siapa yang memilih apa, daripada kementerian saya semuanya saya dedah - daripada Perdana Menteri tetapi yang tidak didedah ialah daripada Kementerian Kewangan, sampai sekarang ini pun kita tidak tahu Kementerian Kewangan beri kepada sesiapa.

Tuan Lim Kit Siang: Okay - Full inquiries. Adakah Yang Amat Berhormat rela satu full inquiry mengenai tuduhan KKN, baik pun terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri.

Perdana Menteri: KKN adalah dalam DAP. DAP diguna oleh Lim Kit Siang untuk mempertahankan anaknya. Ahli-ahli DAP yang lain tidak dipertahankan, sebab itulah tiga orang itu lari, kena buang, kena pecat.

Tuan Lim Kit Siang: Oh, Tiga orang dibuang.

Perdana Menteri: Ahli Yang Berhormat pecat ahli-ahlinya sendiri tetapi itu okay.

Tuan Lim Kit Siang: Itu menunjukkan kita lebih demokratik daripada UMNO. Apabila kita pecat orang kita ada discipline inquiry, UMNO tidak ada, UMNO lebih tidak demokratik. Itulah kuku besi, autokratik, setuju?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Setuju? Dalam DAP apabila ada tindakan tatatertib ada discipline inquiry, mana ada di dalam UMNO? Presiden putus sahaja, Mahathir putus, cukup!

Perdana Menteri: Beri orang lain cakaplah, saya hendak dengar orang lain. Dalam UMNO kita tukar pemimpin, sudah empat orang Presiden, sudah beberapa orang jadi Secretary General, kita tukar orang sepanjang masa. Dalam DAP tidak boleh tukar, tukar kena pecat.

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa tidak boleh tukar? Sudah tiga orang Setiausaha Agung. Setujulah, UMNO lebih tidak demokratik apabila dibandingkan dengan DAP. Setujukah? Kes Anwar atau kes tiga orang Ahli DAP sangat nyata. Kenapa radio dan televisyen tidak mahu buat liputan itu? Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sengaja mahu memutar belit.

Perdana Menteri: Pemimpin DAP yang menjadi diktator belum pun menjadi Perdana Menteri, kalau jadi Perdana Menteri ‘God at lastlah’. Ahli Yang Berhormat tidak payah sokong yang ini, saya minta Ahli Yang Berhormat tolak Rang Undang-undang ini, senang sahaja kerana buat apa hendak dengar Ahli Yang Berhormat obviously tidak mahu sokong yang ini, tidak usah sokonglah.

Tuan Lim Kit Siang: Obviously Perdana Menteri tidak mahu perbahasanlah. Undi tidak payah perbahasan, tidak mahu beri notis pun untuk meneliti, bahas.

Perdana Menteri: Ahli Yang Berhormat sudah lama di dalam Dewan ini tetapi masih tidak tahu tatatertib Dewan ini. Kita bercakap pasal undang-undang ini, bahaslah undang-undang ini.

Tuan Lim Kit Siang: Saya jawab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, point-point yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, boleh check *Hansard* sama ada betul atau tidak betul.

Perdana Menteri: Boleh check. Saya tidak bangkitkan hal ini. Yang bangkitkan ialah Ahli Yang Berhormat yang bawa perkara ini panjang-panjang.

Tuan Lim Kit Siang: Apa yang saya cakap ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang timbulkan perkara Anwar, bukan? [Disampuk] Ya. Check *Hansard* dan inilah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun bersetuju. Inilah isu yang pokok, kredibiliti, keyakinan.

Perdana Menteri: Ahli Yang Berhormat sahaja yang berkata ini isu pokok, saya tidak pernah kata. Ahli Yang Berhormat sebenarnya fikirannya terpengaruh dengan anaknya kena tangkap, jadi apa juga yang boleh dikaitkan dengan anaknya kena tangkap itu yang akan dibawa ke dalam Dewan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Sampai sekarang kita belum sebut perkara itu, 'you are haunted by it' oleh kerana apabila Perdana Menteri buat keputusan seseorang itu bersalah mahkamah pun mahu ikut, bukan? Itulah kuasa Perdana Menteri di Malaysia.

Perdana Menteri: Kalau suara kuat, ikut Ahli Yang Berhormat orang itu menang, jadi suara Ahli Yang Berhormat kuat, okay.

Tuan Lim Kit Siang: Perdana Menteri kata salah, Anwar salah, mahkamah mahu ikut, bukan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti Yang Berhormat, ada Peraturan Mesyuarat. Yan, Peraturan Mesyuarat yang ke berapa?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: 36(1). Bercakap luar dari perbahasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tanjong saya ingatkan apa yang diputuskan tadi itu merupakan kata dua. Saya rasa Yang Berhormat elok balik kepada tajuk dan kalau Yang Berhormat ghairah sangat hendak menyentuh soal ataupun isu yang lain, saya rasa saya terpaksa memberhentikan ucapan Yang Berhormat. Yang Berhormat itu bukan niat saya tetapi Yang Berhormat janganlah buat begitu. Balik kepada tajuk.

Tuan Lim Kit Siang: Kepercayaan ialah isu yang pokok dan kalau kita ada apa-apa usaha yang boleh berjaya untuk memulihkan kepercayaan tentulah segala usaha kerajaan yang lain tidak akan dapat kesan yang positif. Sungguhpun ada ruang untuk membincangkan sama ada beberapa langkah diambil tepat, tidak tepat, tetapi akhirnya apa yang mustahak ialah pemulihan keyakinan dan saya harap dalam perkara ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan lebih peka terhadap sensitiviti-sensitiviti, aspirasi-aspirasi dan hasrat rakyat mahu melihat satu proses keadilan diikuti sama ada di dalam

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan. Proses keadilan, adakah Yang Berhormat dari Tanjong bersetuju dengan saya, beberapa Ahli Yang Berhormat dari UMNO ada mencabar Anwar Ibrahim untuk mengambil sumpah di Masjid Negara. Beliau ada buat demikian, adakah itu lebih tinggi daripada satu mahkamah? Adakah Perdana Menteri terima apa yang dia buat sebagai satu tanda beliau tidak bersalah? Bolehkah saya dapat pendirian?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dulu, Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Point of Order 36(1), Jelutong punya penjelasan tidak ada kena mengena dengan apa yang hendak dibincangkan sekarang, jauh benar perginya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Saya akan buat keputusan. Yang Berhormat Tanjong walaupun Jelutong tadi ungkitkan kembali apa yang saya tegah, Yang Berhormat diingatkan sekali lagi, Yang Berhormat teruskan ucapan tanpa terpesong. Kalau Yang Berhormat hendak jawab lagi, saya akan menegah sama sekali.

Tuan Lim Kit Siang: Rang Undang-undang ini mengikut huraian ialah untuk meminda Akta ini untuk mewujudkan lebih ketelusan dalam pasaran saham, ketelusan, kita mahu ketelusan di semua peringkat dan ketelusan ialah satu aspek mustahak kepada isu keadilan, janganlah kita takut perkataan keadilan dalam Dewan yang mulia ini. Nampaknya keadilan sudah jadi satu isu yang semua takut, kenapa? Saya harap bahawa tadi saya sebut dalam perkara menangani krisis ekonomi kita, bahawa keadilan menjadi satu landasan kita dan semua tuduhan-tuduhan yang ada dibuat, semua isu-isu yang ada dibangkit dihadapi daripada proses ini, sama ada tuduhan yang dibuat terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri atau oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, semua patut dapat siasatan yang sedalam-dalamnya dan tadi saya ada sebut bahawa tuduhan yang liar, yang serius tuduhan yang berat terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri mengenai kronisma, rasuah, patut disiasat termasuk semua tuduhan yang dibuat terhadap Perdana Menteri sendiri, mengenai rasuah, mengenai kronisma, mengenai nepotisma, adalah satu siasatan Parlimen, untuk, kenapa takut.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin : [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin : Kami dah fed up Tuan Yang di-Pertua, 36(1). Yang Berhormat daripada Tanjong ni gila talak. Tuan Yang di-Pertua bagi macam ini, bila kita boleh selesai bill, rang undang-undang ini, saya minta Yang Berhormat daripada Tanjong seorang Ketua Pembangkang, guna akal supaya jangan keluar daripada rang undang-undang yang kita hendak bahaskan ini. Yang Berhormat Jelutong tengok apa kepada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Baiklah Yang Berhormat Tanjong, saya dah kata tadi Yang Berhormat, sama ada Yang

Berhormat hendak balik kepada tajuk ke....., ataupun hendak ikut apa yang disediakan, Yang Berhormat terus hendak mengungkitkan kepada isu yang sama.

Tuan Lim Kit Siang: Isu ialah inilah yang sama

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Kalau Yang Berhormat ...jawab saya....

Tuan Lim Kit Siang: Ya yang sama ...kepada saya inilah yang sama, isu basic, sama, ya inilah yang sama, yang relevent, terikat yang tidak boleh dipisah daripada isu yang kita hadapi dalam masa ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat memang mempunyai peluang yang lain untuk membangkitkan usul yang berasingan atas isu Yang Berhormat hendak kemukakan tetapi bukan sekarang. Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Inilah sidang khas Parlimen

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa masa dan peluang yang cukup telahpun diberi kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya terpaksa memberhentikan ucapan Yang Berhormat kerana....

Tuan Lim Kit Siang: Ah.....itu lah tak tahulah inikah keadilan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Bukan keadilan dipertikaikan Yang Berhormat, jangan putar belit, sebab yang ini Yang Berhormat, rupa-rupanya mencabar keputusan Kerusi.

Tuan Lim Kit Siang: Itu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Ini apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahulah, ha... itulah jenis keadilan, inilah jenis demokrasi ala Mahathir

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Kee Teat]: Yang Berhormat yang lain, ada yang hendak berucap, ya Kepong

11.53 a.m.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Rang Undang-undang yang dibangkitkan hari ini ialah satu rang undang-undang mengikutkan keputusan, kerajaan untuk mengadakan langkah-langkah untuk mengembalikan syer-syer dan perniagaan saham yang diadakan di Singapura, CLOB, untuk dikembalikan kepada negara ini dan juga beberapa langkah yang dibuat untuk memperketatkan kaedah kawalan di pasaran. Ini Tuan Yang di-Pertua, walaupun Tuan Yang di- Pertua tidak mengizinkan Yang Berhormat Tanjong, tetapi yang pentingnya ialah keyakinan. Keyakinan yang dirosakkan oleh pihak luar spekulator dan juga kerana kelemahan-kelemahan yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat tadi, kelemahan yang terdapat di dalam sistem kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil sedikit masa untuk mengambil bahagian di dalam Rang Undang-undang ini yang merupakan satu siri rang undang-undang lima, jumlahnya untuk langkah-langkah yang telah saya sebutkan tadi.

Yang pertamanya ialah saya berpendapat juga di dunia pertukaran asing, misalnya, tiap-tiap hari ada US\$1,300 billion diniagakan melalui pertukaran asing dan hanya 5% sahaja yang kena mengena dengan perniagaan yang dalam ertikata sebenarnya. Ini bermakna satu perniagaan yang sangat tidak sehat, kita tidak payah kerja, hanya buat itu manipulasi dan spekulasi kita dapat wang. Itulah saya pun setuju dengan pendapat Yang Amat Berhormat kita mesti membuat satu kawalan ke atas pertukaran asing sama ada di dalam negara ataupun di luar negara. Ini memang satu perkara...

Seorang Ahli: *[Bangun]*.

Dr. Tan Seng Giaw:tunggu sekejap.....tunggu sekejap. Bila kita buat cadangan ini kita mesti ada keyakinan ke atas apa yang kita buat. Memang Tuan Yang di-Pertua.....pertamanya....

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Yang di Pertua: Yang Berhormat, ya, menteri bangun

Dato Haji Annuar bin Haji Musa: Pertama saya hendak tanya macamana Kepong jauh pendapatnya dari Ketua Pembangkang. Bila Kepong bercakap, DAP semua keluar Dewan, tidak hendak dengar?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini satu batu api juga [*Ketawa*] satu batu api. Memang ada urusan yang lain, ya memang ada urusan yang lain. Jadi yang pentingnya kita bersama-sama memperbincangkan bagaimana kita dapat memulihkan keyakinan, kepercayaan kepada sistem kita di negara ini. Itu memang penting. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini untuk memastikan. Sekarang kita telah berhentikan syer-syer kita diperniagakan di luar negara. Dan kemudian kita adakan rang undang-undang ini supaya semua saham yang diniagakan di dalam negara, supaya kita dapat mengkontrolkan semua. Ini memang satu langkah yang betul, memang satu langkah yang betul, cuma itu semasa kita menutupkan sama ada tukaran asing, saham-saham adakah ini akan pada akhirnya menyusahkan kita, kita mesti fikir dengan baik setakat mana yang kita boleh buat tanpa menjejaskan keyakinan. Keyakinan, dan bukan sahaja keyakinan kepada ekonomi, keyakinan kepada kestabilan politik kita, memang kegawatan politik sekarang memang menjejaskan, memang menjejaskan kerana ekonomi dan politik tidak boleh dipisahkan, sebab itulah saya berharap bekas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dapat dihadap ke mahkamah, kita selesaikan di mahkamah.....

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa : Yang Berhormat cakap baik, kalau terus baik..... ramai yang duduk di belakang Yang Berhormat dalam DAP.

Dr. Tan Seng Giaw: Batu api.....tak pernah saya dengar, cuma sebelah situ, Yan mungkin. Tapi sekarang Peringat pun masuk dah. Tuan Yang di-Pertua, inilah saya tekankan masalah ini mengenai kita sudah pun mula dengan proses untuk mengembalikan saham-saham ini , boleh juga kita tetapkan matlamat kita supaya jangan kita buat terlalu sangat sehingga orang tidak mempercayai kepada perniagaan saham kita. Cuma sebab ini sejak 1990 ini kali yang pertama

saya setuju. Kita pun tidak tahu setakat mana kita boleh jalankan langkah-langkah ini tanpa menjejaskan keyakinan ke atas kita.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, itu CLOB, saya pun tidak tahu bila itu CLOB (Central Limit Order Book) ditubuhkan oleh pihak Singapura seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat tadi. Bila kita asingkan pasaran saham kita daripada Singapura pada tahun 1990, adakah perjanjian di antara Malaysia dengan Singapura? Sebab waktu itu mereka adakan CLOB supaya sejumlah lebih 100 syarikat Malaysia yang disenaraikan di dalam Bursa Saham Singapura waktu itu, pihak pelabur-pelabur Singapura dapat terus berniaga dengan saham-saham di Malaysia dan waktu itu adakah perjanjian ataupun secara lisan sahaja tidak bolehlah adakan CLOB dan dengan CLOB ini memang kita tak dapat mengawal, dengan kita tak dapat mengawal mereka boleh buat apa-apa sahaja, maklumlah manusia yang menceburkan diri di dalam pasaran saham bukan semua orang yang begitu jujur dan ikhlas tanpa menjejaskan ekonomi orang. Dan inilah saya hendak mengetahui daripada Yang Amat Berhormat kalau ada perjanjian mengapa pihak Singapura tidak dapat memberhentikan dalam beberapa tahun. Mungkin waktu itu kita tak fikir macam mana CLOB boleh menjejaskan pasaran saham kita. Itu mungkin salah satu kelemahanlah kalau itu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya langkah-langkah ini nampaknya pihak Singapura tidak boleh lagi adakan CLOB. Dengan ini adakah kesan yang buruk ke atas kita? Cuma kita fikirkan kesan yang positif sahaja, adakah kesan yang buruk dan kalau tak silap saya semalam saya ada baca satu kenyataan daripada Perdana Menteri Singapura yang mengatakan langkah-langkah kita hendak memiskinkan Singapura. *[Ketawa]* Daripada laporan akhbar tempatan yang mengatakan itulah kenyataan Perdana Menteri Singapura dan memang saya setuju bahawa semasa

sekarang walaupun Yang Amat Berhormat ada satu kenyataan yang mengatakan itu sejak kita melaksanakan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Penjelasan sedikit, tadi Yang Berhormat ada mengatakan Perdana Menteri Singapura ada mengatakan usaha kita ini kononnya memiskinkan mereka, Kepong sendiri macam mana? Setujukah dengan pandangan dan kenyataan Perdana Menteri Singapura, hendak tengok macam mana Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw : Tuan Yang di-Pertua, Rompin ini dia sibuk sangat dengan urusan perniagaan dia, dia tak begitu mengambil perhatian sangatlah mengenai kenyataan kita, sehingga dia tak tahulah apa yang kita cakap di sini. Baik kita tumpukan perhatian kepada masalah di hadapan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Dia belum jawab *[ketawa]* perkara yang saya minta dia jelaskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Petua, sebelum saya teruskan ucapan saya, baik Yang terhormat Rompin itu sabar sikit. Sebelum kita sentuhkan masalah itu dia tanya dah. Ini bukan cara, kita tunggu...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tak mahu jawab dah. Yang Amat Berhormat pernah berkata bahawa dengan kawalan sekarang rizab kita sudah meningkat. Itu satu gejala baiklah. Meningkat pada AS\$90 juta, itu satu cara yang baik sebab saya sentiasa tekankan, kita mesti tambahkan rizab kita kalau boleh pada masa hadapan, kalau boleh kepada AS\$200 bilion itu lebih baik. Mungkin mustahil pada masa ini, tetapi itu gejala yang baik. Kita sudahpun bangkitkan masalah ini beberapa tahun dahulu dan dianggarkan bahawa terdapat wang tunai Ringgit di Singapura,

RM100 juta tunai dan juga mungkin RM20 bilion atau RM25 bilion yang disimpan di Singapura, Thailand, di Hong Kong dan walaupun Yang Amat Berhormat mengatakan wang itu sudah sedikit sebanyak kembali kepada Malaysia, saya berharap dapat dikembalikan tetapi pada pendapat saya adakah kemungkinan besar sebahagian besar tak akan dikembalikan? Kerana kalau dikembalikan kadar tukaran sudah ditetapkan pada lebih RM4 kerana apabila dikembalikan dengan kadar RM3.8 memang rugi, kecuali orang yang tidak ada wang simpanan, cuma hendak mengambil kesempatan yang ditawarkan oleh pihak bank-bank Singapura. Inilah tidak baik untuk negara kita, kerana itu setujulah Rompin jangan kita tergopoh-gapah hendak tanya, kita tunggu. Dan dengan kadar faedah yang lebih daripada 24 peratus atau 25 peratus memang kita disini sekarang berapa peratus, 7 peratus 8 peratus memang ada orang yang hendak mengambil kesempatan dan mengambil peluang keluar wang kepada Singapura. Itulah saya pernah menasihatkan ahli-ahli Parlimen Singapura jangan kita buat begitu, semasa kita menghadapi kesusahan kadar faedah dinaikkan, macam mana kita nak hidup. Saya pun harap Rompin sebagai peniaga jangan ambil wang itu keluar kepada Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, itulah salah satu masalah yang diwujudkan oleh negara Singapura sehingga menjejaskan kepentingan Malaysia. Memang mereka jaga kepentingan mereka dan kita jaga kepentingan kita dan kita berharap kita juga boleh menerima satu konsep bahawa kita mengkayakan jiran supaya kita sama-sama dapat menikmati kekayaan. Itu memang satu falsafah yang baik. Walau bagaimanapun, itu Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya rang undang-undang ini cuma satu sahaja saya hendak tekankan bahawa kalau kita memperhatikan sebelum ini pun kita buat beberapa pindaan tetapi kadangkala pindaan yang dibuat kerana kemahuan politik, kerana kekurangan keazaman, kita tak dapat melaksanakan, kita tak dapat menguatkuasakan, itulah yang ditekankan saya hari ini supaya kita

mempunyai keazaman politik untuk menguatkuasakan semua yang diluluskan hari ini sebab bagi sayalah selain daripada masalah kerana spekulasi daripada hedge funds luar negara yang menjejaskan ekonomi kita, salah satu kelemahan adalah kita tidak mempunyai keazaman politik yang cukup, kemampuan politik yang cukup untuk menguatkuasakan rang undang-undang yang diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini. Mulai saat hari ini kita mesti memastikan semua dikuatkuasakan dengan baik. Itu memang salah satu kekhuatiran ialah apabila kita adakan sesuatu kawalan termasuk kawalan pasaran tukaran asing, kawalan saham, kuasa diberi kepada segelintir orang, memang kita tak boleh elakkan kita kena beri kepada segelintir orang tetapi segelintir orang yang mengambil kesempatan untuk mengkayakan diri ataupun cara-cara yang lain akibatnya menjejaskan kepentingan negara.

Saya berharap Yang Amat Berhormat dapat memastikan semua ini bila kita kuatkuasakan dan tidak ada orang yang mengambil kesempatan. Misalnya kalau kita tetapkan peraturan-peraturan kawalan kepada tukaran asing, memang kalau saya hendak pergi ke London, ataupun anak saya hendak kembali daripada London misalnya, kita tak boleh bawa lebih daripada sepuluh ribu. Memang ada orang hendak bawa dengan lebih banyak, hanya segelintir orang yang buat itu yang dapat kuasa untuk mengawal. Kalau orang ini tak jujur, tak ikhlas, matilah kita semua dia boleh buat macam-macam, cara-cara kongkalikung, kongkalikung banyak sebab itu Yang Amat Berhormat mesti memastikan orang yang menguatkuasakan itu benar-benar jujur dan ikhlas, jangan lagi kita menyeleweng kerana negara ini menghadapi krisis ekonomi dan kegawatan politik. Kita mesti terangkan. Tadi Yang Amat Berhormat sudah sebutkan mengenai arbitraging, arbitraging iaitu bayar di stok di Malaysia dan stok ini dijual di CLOB untuk mengambil kesempatan naik turun harganya dan dengan mengaut keuntungan mengakibatkan keluaran tukaran asing kepada negara ini. Bolehkah Yang Amat Berhormat itu bagi satu anggaran di dalam tempoh 8 tahun sejak tahun 1990 kerugian kita dalam arbitraging ini, mungkin berbilion-bilion ringgit kita rugi kerana arbitraging dan

memang itu salah satu masalah yang dihadapi oleh negara kita dan apabila itu kita buka sedikit, unpluck our self on the world economy, sekarang kita tutup sedikit apabila kestabilan ekonomi wujud ini memang satu waktu, satu jadual waktu (one time table,) diperlukan, memang diperlukan.

Apabila kita bukakan sedikit apakah boleh berlaku lagi arbitraging ini. Memang kita mesti fikirkan satu waktu yang panjang untuk menyelesaikan satu masalah arbitraging ini, sebab itu merupakan satu masalah yang besar dan itu ekoran daripada masalah seumpama ini setahu saya ada pemimpin-pemimpin korporat di negara ini mungkin yang lebih diketahui oleh Yang Berhormat Rompin kerana ini syer-syer inilah yang pada mulanya bersubahat dengan korporat-korporat asing, sekarang saya tidak mahu sebutkan namalah tak manis jugaklah. Kapten-kapten ekonomi ini ada yang jujur juga kerana mereka pada mulanya tidak mahu.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Rompin bangun Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, yang jujur itu termasuk Rompinkah, saya pun tak tahulah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk].*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini point of order boleh penjelasan pun boleh, tapi dalam suasana begini Kepong, elok kita satukan pasukan kita. Tak perlulah kita tuduh mana-mana pihak dalam negara kita, yang sebenarnya tidak ada. Yang eloknya Kepong satu hujah yang baik, saranan yang baik, tak perlulah kita tuduh mana-mana dalam negara kita ini yang pentingnya kita satukan pasukan kita untuk menghadapi mereka-mereka yang di luar yang tidak mahu melihat kita memulihkan ekonomi negara kita dan teruskanlah Kepong dengan hujah-hujah yang baik.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak tuduh sesiapa termasuk Rompin, tidak tuduh sesiapa. Saya tahu siapa yang kapten industri yang besar yang memang

berpengaruh kerana mungkin tidak tahu syarikat asing ini bila kita kongsi bekerjasama dengan mereka di dalam saham-saham, mereka boleh berbuat sesuatu.

Pada 14 bulan yang lepas kerana mengambil kesempatan kegawatan ekonomi dan kapten-kapten industri ini menghadapi kesusahan kerana manipulasi saham oleh syarikat-syarikat perkongsian mereka. Ini memang satu pengalaman yang pahit oleh kapten-kapten industri kita yang tidak berwaspada yang tidak berhati-hati apakah orang boleh buat ke atas kita. Mungkin kerana kita di dalam masalah itu pasaran saham ini, tak sampai 9 tahun lagi kita pisah daripada Singapura mungkin tak cukup pengalaman untuk menghadapi cabaran daripada global ekonomi kita itu, ha itu setuju.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai satu perkara lagi saya nampak di dalam Rang Undang-undang ini di

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*.

Dr. Tan Seng Giaw: 15 minit lagi. Tuan Yang di-Pertua,....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Sila teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tadi saya nampak ada kebanyakan tu baru terima tapi tak baca lagi termasuk Rompin. Tuan Yang di Pertua, itu satu perkara saya nampak ada penalty ditambahkan kepada RM1 juta. Mengapa untuk kerajaan tetapkan kepada RM1 juta untuk penalty. Saya hairan juga satu angka, RM1 juta bagi orang korporat itu satu perkara remeh temeh sebab yang kita takut ini syarikat-syarikat besar, bukan individu. Satu juta, saya pun tak tahulah mengapa kita tetapkan satu angka satu juta kerana kesalahan, mungkin tidak cukup untuk korporat.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya mempunyai banyak perkara lagi untuk menyoalkan di dalam perbahasan ini tetapi ada empat lagi, rang undang-undang. Ini saya akan bangkitkan lagi banyak perkara di dalam empat rang undang-undang ini cuma sebelum saya akhiri ucapan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya nampak di dalam pasarannya, ringgit kita misalnya walaupun Yang Amat

Berhormat tetapkan pada paras 3.8 dan saya nampak memang ada syarikat Dow Jones yang menentang, memang di dalam *Asian Wall Street Journal* saya nampak mereka tidak setuju, tidak setuju termasuk hari ini mereka kata misalnya *Japan is likely to pledge in to support Asia, financial inisiative could draw some fire by including Malaysia*. Kalau Jepun nak bantu Malaysia pun akan ditentang oleh pihak negara maju. Adakah ini benar? Memang itu tidak baik. Sangkaan tidak baik daripada *Asian Wall Street Journal*, adakah setuju Yang Berhormat Rompin. Dan memang satu perkara yang tidak baik untuk negara ini, mengapa itu Syarikat seperti Dow Jones Sendirian Berhad yang memiliki Wall Street Journal yang boleh mengambil pendapat yang begitu buruk terhadap negara kita. Apakah sebabnya mereka buat demikian dan apakah langkah yang boleh kita ambil untuk menghadapi cabaran yang begitu besar. Dan saya akan teruskan ucapan dengan bil-bil yang lain yang hampir serupa teks isi kandungannya dan sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Marang selepas ini saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menjawab.

12.20 tgh.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]: Tuan Yang di-Pertua, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya juga ikut merasa kesal kerana rang undang-undang ini lewat diberi kepada kami dan tidak sempat untuk meneliti dengan cara yang lebih detail, walaupun kita mempunyai peraturan-peraturan Dewan yang boleh bertimbang rasa sama ada hendak dibahaskan dengan segera ataupun boleh ditangguhkan dengan memberi masa yang membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya mengkajinya dengan lebih cermat.

Tetapi oleh kerana pihak kerajaan kelihatan tergesa-gesa untuk melaksanakan undang-undang yang dikemukakan ini sebagai tanggungjawab, saya

rasa saya perlu juga melibatkan diri di dalam perbahasan yang berkait dengan masalah kegawatan ekonomi yang dialami oleh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, betapa cemasnya kerajaan dalam menghadapi kegawatan ekonomi dapat dilihat, sehingga terpaksa kita menempa sejarah melantik dua orang Menteri Kewangan dalam serentak dan mungkin kerana mengambil contoh daripada Kerajaan Negeri Kelantan yang pernah melantik dua orang Timbalan Menteri Besar – Timbalan Menteri Besar 1, Timbalan Menteri Besar 2.

Walau bagaimanapun, sebagai seorang rakyat yang bertanggungjawab dan sebagai Wakil Rakyat, saya merasakan bahawa perlu mengemukakan pandangan-pandangan di dalam membincangkan undang-undang yang kita anggap sebagai satu perkara yang penting demi kepentingan negara di dalam menghadapi masalah-masalah kegawatan sekarang.

Saya merasakan di sana terdapat banyak perkara yang tidak bermoral di dalam kegiatan ekonomi dan tidak dinafikan bahawa kawalan undang-undang adalah penting bagi menghadapi mereka yang tidak bermoral ini tetapi di sana mestilah ada langkah-langkah untuk memoralkan manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang bermoral dalam semua kegiatan termasuklah di dalam kegiatan ekonomi.

Tadi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa saham tidak lagi menjadi cara untuk mengumpul atau menambahkan modal bahkan seolah-olah saham itu telah menjadi komoditi, menjadi barang dagangan dan ini menghilangkan rasa kemasyarakatan ataupun rasa bermasyarakat yang wajib ada di dalam diri manusia kerana Allah S.W.T. menjadikan manusia ini hidup bermasyarakat dan perlu tolong menolong di antara satu sama lain dan bertimbang rasa di antara satu sama lain.

Tetapi oleh kerana tidak bermoral, maka sifat timbang rasa ini tidak ada. Contohnya negara yang mempunyai bahan-bahan yang tertentu seperti petroleum hendaklah bekerjasama dengan negara-negara yang banyak bahan logam, yang banyak pakar dan lain-lain, perlunya pertukaran bahan yang diberi oleh Allah

S.W.T. dan pertukaran pengalaman. Tetapi apa yang berlaku ialah perlumbaan yang tidak berakhlak.

Kita melihat seorang individu yang memerlukan pakaian. Tidak mampu bagi seorang individu untuk menghasilkan sehelai pakaian, dengan tidak adanya hidup bermasyarakat di antara satu sama lain. Manusia memerlukan pakaian, pakaian daripada kain, kain dari benang, benang dari kapas, untuk menanam kapas mestilah ada cangkul sekurang-kurangnya secara purba ataupun secara moden, mempunyai traktor, mestilah ada logam besi, ada petroleum untuk menggerakkannya dan mesti ada pelombong.

Adalah tidak mungkin bagi seorang manusia untuk menghasilkan sehelai baju, dia seorang sahaja yang melombong, dialah yang melombong besi, dialah yang tukang besi, dia seorang sahaja yang menanam kapas yang memintal benang, yang menenun kain dan yang menjahit – barangkali meninggal dunia dahulu barulah kita berjumpa dengan pakaian.

Di sini menunjukkan bahawa di sana perlu adanya pembahagian kerja sebagaimana perlu adanya pembahagian bahan-bahan yang diberi oleh Allah S.W.T. dan mereka yang mempunyai modal hendaklah meletakkan saham yang mempunyai modal yang banyak boleh melibatkan diri di dalam pasaran saham. Tetapi akibat mementingkan diri dan tamak yang ada kepada manusia, maka berlakunya hal-hal yang boleh merosakkan diri mereka sendiri.

Tidak dinafikan undang-undang adalah suatu perkara yang perlu di dalam menangani masalah ini termasuklah di dalam muamalah berjual-beli dan perniagaan. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda [*Membaca Hadis*] yang bermaksud “Allah S.W.T. memberi rahmat kepada seseorang yang bertimbang rasa apabila ia menjual, apabila ia membeli dan apabila ia mengendalikan sesuatu urusan di dalam perdagangan, di dalam perniagaan dan sebagainya.”

Tetapi sifat timbangrasa ini tidak ada dan bagi mengawalinya mestilah dengan menguatkuasakan undang-undang. Ini suatu perkara yang perlu, yang tidak boleh dinafikan. Di sana terdapat unsur-unsur yang menggawatkan ekonomi

dan menjahanamkan ekonomi iaitulah riba yang diharamkan oleh Islam dengan sekeras-kerasnya.

Orang-orang Yahudi menjadikan riba sebagai bahan untuk menyerang kegiatan ekonomi bangsa lain dan sehingga hari ini kita tidak mempunyai sikap yang tegas terhadap riba, yang menjadi punca kepada kemusnahan dan keruntuhan ekonomi, yang menjadi punca kepada mereka yang tamak bagi menekan dan menindas.

Oleh kerana itu Allah S.W.T. telah mengharamkan riba ini dengan sekeras-kerasnya, di antaranya Firman Allah S.W.T. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud “Sesungguhnya orang-orang yang memakan riba itu, tidaklah bangun daripada kuburnya apabila dibangkitkan oleh Allah melainkan seperti orang gila yang dirasuk oleh syaitan kerana mereka menyatakan bahawa Allah menghalalkan riba pada hal Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Memang mereka yang gila di dalam masalah ekonomi ini, yang melakukan spekulasi, manipulasi dan lain-lain adalah mereka yang gila di dalam muamalah riba. Mengapa sehingga hari ini, kita tidak berani terus mengharamkan riba.

Saya mengalu-alukan tindakan kerajaan menghadapi IMF yang mahu menekan supaya kadar faedah ini ditinggikan dan kerajaan tidak mengikut IMF dan tidak tunduk kepada mereka yang merupakan suatu penjajahan ekonomi bentuk baru bagi mengambil alih Syarikat Hindia British, Syarikat Hindia Belanda dan lain-lain yang pernah menjadi aspek penjajahan di masa yang lalu.

Saya mengalu-alukan tindakan kerajaan tetapi biarlah juga kita menjadi contoh di dalam memerangi masalah riba ini dan dapat membuktikan bahawa muamalah riba adalah suatu muamalah yang menjahanamkan ekonomi dan mengharamkan riba, suatu perkara yang memulihkan ekonomi. Di sana ada kaedah-kaedah keuntungan yang bertimbang rasa, yang boleh mengganti masalah riba, yang digunakan oleh orang-roang yang tamak, mengapa kita tidak mengambil kesempatan daripada cara yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T.

Tuan Yang di-Pertua, pasaran saham yang dititikberatkan ini adalah penumpuan kepada golongan kapitalis, golongan yang berada. Kerajaan tergesa-gesa mengemukakan rang undang-undang ini bagi memelihara kepentingan golongan kapitalis yang besar. Kita tidak menafikan bahawa mereka mempunyai saham yang besar di dalam menentukan perkembangan ekonomi negara tetapi di sana terdapat nelayan-nelayan, petani-petani yang menghadapi penindasan dari orang-orang tengah yang meletakkan harga barang yang dijual oleh nelayan dan meletakkan harga barang yang dibeli oleh nelayan merupakan satu penindasan yang terlalu ketara. Mengapa kita tidak memberi perhatian yang serius sama seperti kita memberi perhatian kepada pasaran saham yang dikendalikan oleh kapitalis-kapitalis yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, di sana terdapat masalah yang memberi kesan kepada ekonomi negara ialah masalah kepercayaan masyarakat sama ada masyarakat dalam negara ataupun masyarakat antarabangsa kepada keadilan dan keamanan. Ini suatu perkara yang perlu diberi perhatian. Di sana terdapat perkara-perkara yang meragukan banyak pihak di dalam masalah keadilan.

Contohnya, apa yang dihadapi oleh bekas Timbalan Perdana Menteri. Saya tidak menentukan sama ada dia salah ataupun dia betul selagi belum diputuskan oleh mahkamah. Di sana kita hendaklah menyedari bahawa kaedah-kaedah yang telah ditetapkan oleh Islam dan diterima pakai oleh perundangan British yang menjadi undang-undang yang diamalkan di dalam negara kita bahawa orang yang dituduh tidak lagi dianggap sebagai orang yang bersalah tetapi apa yang berlaku hari ini seolah-olah dia sudah dianggap sebagai orang yang bersalah. Kita tidak mahu percaturan politik yang berlaku di dalam UMNO diheretkan ke dalam masalah sistem keadilan yang diamalkan di dalam negara kita. Islam telah mengenakan peraturan yang tegas, apa lagi tuduhan yang berhubung dengan masalah moral mestilah dengan cara yang bermoral. Kita tidak mahu tuduhan yang berkait dengan moral dilakukan pula dengan cara yang tidak bermoral.

Mengikuti ajaran Islam, seseorang yang salah dihukum apabila dia mengiktiraf ataupun memberi ikrar di atas kesalahan yang dilakukan secara rela hati – tidak dipaksa, bukan dipaksa. Kalau dipaksa ikrarnya tidak diakui. Mengikuti perundangan Islam yang adil hendaklah dia berikrar ataupun mengaku melakukan kesalahan itu dengan rela hati secara berterangan sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. apabila seorang yang bernama Ma'id bin Malek mengaku bahawa dia sudah berzina. Rasulullah berpaling ke arah lain dan memberi jalan kepadanya untuk bertaubat dengan Allah S.W. – di antara dia dengan Tuhan tetapi dia datang mengaku lagi. Ditanyanya adakah dia seorang yang gila, orang ramai menyatakan dia tidak gila, ditanya adakah dia pemabuk, diperiksa adakah di mulutnya berbau minuman keras. Apabila ternyata tidak berbau minuman keras, nyata dia telah melakukan kesalahan itu dengan ikrar secara sukarela.

Setelah dikenakan hukuman dia mahu melarikan diri apabila orang yang menjatuhkan hukuman bertindak menjatuhkan hukuman juga, Rasulullah s.a.w. telah menegurnya dengan sedih menyatakan mengapa kamu menghukumnya juga. Menunjukkan bahawa orang yang telah mengaku salah dalam perkara yang berkait dengan hudud apabila dia telah menarik pengakuannya hendaklah ditarik hukumannya dan terserah hubungannya dengan Allah S.W. dan dalam aspek Islam di sana ada hukuman di hari akhirat dan dia hendaklah disabitkan dengan empat saksi dengan perkara yang berkait dengan zina dan liwat dan mestilah hendak dibuktikan oleh empat orang saksi yang adil. Bukan saksi yang tidak adil. Saksi yang bermoral dan bermaruah, saksi yang tidak melakukan dosa besar dan tidak melakukan dosa-dosa kecil secara berterusan dan tidak melakukan perkara-perkara yang menjatuhkan maruah, walaupun tidak berdosa. Inilah orang yang dibolehkan menjadi saksi dan jumlahnya ialah empat orang. Kalau tidak ada empat orang saksi yang melihat perzinaan ataupun liwat itu berlaku, maka orang yang menuduh hendaklah dikenakan hukuman yang keras. Ini dinyatakan oleh Al-Quran [*Membaca ayat Al-Quran berkenaan*] “Dan orang-orang yang menuduh seorang

lain dengan zina, begitu juga dalam perkara liwat hendaklah mengadakan empat orang saksi kalau dia tidak boleh mengadakan empat orang saksi, maka yang menuduh hendaklah disebut sebanyak 80 kali”. Inilah hukuman yang ditetapkan oleh Allah S.W. bagi menjamin keadilan. Mengapa kita tidak mengambil iktibar daripada perkara ini? Apa yang berlaku di dalam negara kita hari ini memalukan negara, memalukan rakyat dan boleh menjejaskan institusi keadilan dalam negara kita. Oleh kerana itu, kerajaan hendaklah menangani perkara ini dengan sebijak-bijaknya. Perkara ini boleh menjejaskan kepercayaan dan keyakinan kepada pelabur-pelabur asing termasuklah rakyat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga perlu menyedari bahawa pendekatan undang-undang untuk bertindak tegas adalah merupakan satu cara. Di sana perlu disebarkan pendidikan dan fahaman bagi menimbulkan kesedaran dan keinsafan. Undang-undang yang tegas kalau tidak kena caranya akan meliarkan, akan berlaku penyorokan, penipuan yang membawa akibat. Dalam masalah kewangan berlaku ‘black market’ dan lain-lain lagi yang boleh menjejaskan masalah kewangan negara kita. Kita tidak menafikan bahawa undang-undang perlu dilaksanakan tetapi kalau tidak kena gayanya, maka undang-undang yang keras boleh meliarkan orang daripada datang ke negara kita dan boleh menimbulkan kesalahan menyorok, menipu dan lain-lain. Dan ianya bergantung juga dengan pihak yang berkuasa yang menguatkuasakan undang-undang mestilah dari kalangan orang yang ikhlas, bukannya dari kalangan orang yang tidak ikhlas yang ‘diharapkan pagar, pagar makan padi’. Kita tidak mahu perkara ini berlaku dan kita mahu supaya memastikan ketelusan seperti yang dicatatkan di dalam rang undang-undang ini hendaklah dilaksanakan dengan secara yang berhasil.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Dijemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjawab.

12.36 tgh.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Ahli-ahli dan kedua ahli yang kemudian yang perbahasannya telah menyentuh undang-undang yang sedang kita kemukakan kepada Dewan ini. Amat jelas sekali bahawa bagi mereka yang ingin membaca undang-undang ini, mereka mempunyai kesempatan untuk membacanya dan mengulaskan dengan cara terperinci. Sebab itu teguran ataupun kritikan bahawa kita tidak memberi masa yang cukup, walaupun boleh dikatakan berasas juga tetapi bagi mereka yang benar-benar ingin mengambil bahagian dalam perbahasan, tidak menjadi masalah kepada mereka untuk membaca undang-undang ini dan memberi pendapat yang bernas terhadap apa yang telah dikemukakan oleh pihak kerajaan bagi mempertahankan ekonomi negara kita.

Amat malang sekali kerana begitu banyak masa yang telah dihabiskan dengan perbincangan berkenaan dengan tajuk-tajuk yang lain yang begitu pandai sekali digunakan oleh pihak pemimpin parti lawan untuk mengalih perbahasan daripada satu perkara kepada perkara yang lain. Umpamanya dengan menggunakan perkataan ketelusan yang disebut di dalam ucapan saya tadi berkenaan dengan perlunya ketelusan dalam berniaga undang-undang, dengan mengaitkan ketelusan ini dibawanya perbahasan kepada ketelusan berkenaan dengan perkara-perkara yang lain khususnya berkenaan dengan penyingkiran Timbalan Perdana Menteri dan dengan itu dia membuat tuduhan-tuduhan – bermacam-macam tuduhan dan apabila dijawab, dianya tidak sanggup menerima apa juga jawapan yang diberi tetapi semakin lama suaranya semakin nyaring sehingga tidak dapat sesiapa menegurnya melainkan dianya menjerit perkara yang sama. Ini amat malangnya sekali kerana kita berada dalam Dewan ini untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan negara kita yang sedang menghadapi

banyak masalah dan kita perlu menumpukan kepada masalah-masalah ini, jika tidak kita mungkin akan dijajah semula.

Amat jelas sekali bahawa sekarang ini ada usaha oleh pihak lain untuk menjajah semula negara kita, bukan dengan menghantar tentera tetapi semata-mata dengan memiskinkan kita – menjadikan nilai mata wang kita tidak berharga dan apabila kita meminta pertolongan daripada mereka, maka mereka akan mengenakan syarat yang akan menjadikan kita sebagai tanah jajahan mereka sama seperti di zaman dahulu.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menimbulkan soal keyakinan iaitu pedagang asing mesti diyakinkan supaya mereka akan datang melabur ke negara kita. Kita menggalakkan pedagang asing untuk datang ke sini tetapi kita dapati mereka tidak menggunakan peluang yang diberi oleh kita untuk melabur di sini, sebaliknya mereka hanya ingin menjual beli mata wang ataupun menjual beli saham-saham dan dengan itu kita menghadapi banyak masalah. Dagangan mata wang seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat adalah lebih 20 kali ganda besarnya daripada dagangan biasa. Dagangan mata wang dunia nilainya adalah sebanyak AS\$2.3 trillion pada satu hari, yang mana ini adalah 20 kali ganda lebih besar daripada dagangan biasa pada satu-satu hari tetapi dagangan seperti ini tidak mendatangkan apa-apa keuntungan kepada kita sebab itu kita tidak perlu memudahkan mereka membuat dagangan mata wang.

Sebab itulah kita telah mengasingkan Ringgit kita daripada pasaran mata wang dunia dan sekarang ini mereka tidak mungkin lagi menjual beli Ringgit dan kita dapat menentukan nilai Ringgit berbanding dengan nilai-nilai mata wang lain dan ini memudahkan dagangan dan ekonomi negara kita. Keyakinan orang asing masih kita perlukan tetapi hanya dalam pelaburan biasa dan bukan dalam pembelian saham.

Ahli Yang Berhormat juga bertanya sama ada Singapura dan Malaysia mengadakan perjanjian yang menyebabkan Singapura boleh menubuhkan CLOB. Sebenarnya tidak ada perjanjian, tujuan kita mengasingkan pasaran saham Singapura dan Malaysia ialah supaya saham-saham syarikat Malaysia diniagakan di dalam negara tetapi CLOB ataupun Kerajaan Singapura menyemak undang-undang kita dan mendapati peluang bagi mereka menjual beli saham Malaysia

melalui peruntukan nominee company iaitu adakalanya yang pemilik saham tidak mahu namanya dizahirkan dan mereka menggunakan nominee company, dan ini dibenarkan mengikut undang-undang kita tetapi tujuan mereka ialah supaya dengan cara ini mereka dapat berniaga di dalam nominee company tanpa memaklumkan kepada pihak BSKL dan perniagaan mereka ini semakin lama semakin besar sehingga ada RM200,000 pemilik saham yang didaftarkan di dalam nominee company mereka dan kita tidak tahu menahu berkenaan dengan kegiatan mereka. Tetapi kesan daripada perniagaan mereka terhadap harga saham adalah ketara dan apabila mereka menurunkan nilai saham kita, kita menghadapi banyak masalah.

Perdana Menteri Singapura dikatakan menuduh Malaysia cuba memiskinkan Singapura, kita tidak mungkin memiskinkan Singapura – negara yang begitu kaya. Hanya yang kita hendak ialah memulangkan kekayaan kita kepada negara kita sendiri dan dengan tindakan yang telah diambil kita telah mendapat kesan yang baik. Ahli Yang Berhormat menyebut tentang US\$90 bilion tambahan kepada rizab kita tetapi angka sebenar ialah hampir US\$1,000 milion ataupun US\$1 bilion tambahan kepada rizab kita yang meningkat daripada US\$20 bilion kepada US\$21 bilion dalam jangka masa hanya tiga minggu. Ini adalah hasil daripada tindakan kita. Tentang keazaman politik untuk menguatkuasakan undang-undang, Ahli Yang Berhormat tidak perlu kuarir kerana kita memang mempunyai keazaman yang kuat dan kita akan menentukan tidak ada siapa yang menguatkuasakan segala peraturan kita yang akan mengambil kesempatan daripada undang-undang ini untuk memperkayakan diri mereka.

Berkenaan dengan jumlah arbitrage trust di antara Malaysia dan Singapura, saya tidak dapat memberikan angka ini tetapi jumlahnya memanglah besar. Berkenaan dengan penalti sebanyak RM1 juta, penalti ini memang tinggi tetapi kita boleh kenakan penalti yang lebih tinggi lagi daripada itu kerana ada peruntukan berkenaan dengan perkara-perkara tertentu di mana penalti boleh dinaikkan sehingga RM3 milion dan dipenjarakan lebih daripada satu tahun iaitu

sehingga tiga tahun. Memang pihak Jepun berhajat memberi bantuan kepada kita tetapi seperti mana kita tahu negara-negara maju tidak ingin melihat Malaysia ini dipulih semula. Mereka menekan kita dengan bermacam-macam tekanan, menjatuhkan nilai mata wang kita, menjatuhkan nilai saham kita dan menjatuhkan kredit rating kita supaya kita menghadapi banyak masalah dan akhirnya terpaksa tunduk kepada IMF.

Alhamdulillah sehingga sekarang ini walaupun tekanan yang kita hadapi adalah berat kita masih dapat mengekalkan kemerdekaan kita daripada segi ekonomi dan dengan tindakan yang baru kita ambil ini tekanan mereka sudah tidak berkesan lagi. Kita yakin kita dapat mempertahankan kemerdekaan kita sampai kita dapat pulihkan semula ekonomi negara kita. Pada masa yang sama kita dapati sekarang ini mereka mengakui bahawa dakwaan kita dagangan mata wang adalah tidak berfaedah sama sekali sudah pun terkena kepada mereka. Sebuah hedge fund telah pun kehilangan sebanyak US\$1 trilion dan kesan daripada itu ialah banyak hedge fund yang lain dan bank-bank yang lain juga akan jatuh merudum, dan apabila kena pada “batang hidung” mereka maka barulah mereka sedar bahawa dakwaan kita itu berasas dan sekarang ini mereka lebih bersedia menerima teguran-teguran daripada kita.

Ahli Yang Berhormat dari Marang telah mengadu tentang kelewatan dan terpaksa membaca dengan tergesa-gesa tetapi saya berterima kasih kerana Ahli Yang Berhormat berbahas dengan perkara ini secara tepat, selain sedikit sahaja yang lari daripada tajuk. Tentang kita mengadakan dua orang Menteri Kewangan, saya harap ini adalah satu perkara yang sementara. Kita akan tentukan sama ada kita boleh mendapatkan Menteri Kewangan yang baru dan kalau Ahli Yang Berhormat menyeberang ke sebelah sini ada kemungkinan juga dia [*Ketawa*] ditimbang untuk menjadi Menteri Kewangan.

Saya ucapkan terima kasih juga kerana dia berpendapat bahawa undang-undang adalah penting untuk mengawal kegiatan dalam pasaran ini yang kadang-kadang tidak berakhlak sama sekali. Contohnya berkenaan dengan betapa kita ini saling bergantung di antara semua pihak. Kita tidak boleh membuat baju kita dengan sendiri, kita perlu kerjasama daripada pihak-pihak lain dan membuktikan masyarakat hanya boleh bergerak kalau ada kerjasama di antara anggota masyarakat.

Berkenaan dengan riba, kita ada sistem yang tidak menggunakan riba iaitu Bank Islam dan juga bank-bank yang lain sekarang ini mempunyai “Islamic window”, kata mereka yang menggunakan sistem yang tidak menggunakan riba tetapi kita tidak haramkan sistem bank yang lama kerana kita perlu bertindak secara berhati-hati. Ramai yang belum lagi faham berkenaan dengan sistem tidak ada riba ini dan ramai juga penduduk negara kita ini bukan terdiri daripada orang Islam dan orang asing juga ada urusan di dalam negara kita dan mereka lebih mahir dengan sistem riba.

Insya-Allah kalau sistem Islamic banking ini diterima oleh dunia maka tidak ada masalah bagi kita untuk mengembangkannya. Yang penting ialah kita menunjukkan bahawa sistem Bank Islam ini boleh berkembang maju dan tidak perlu menggunakan riba sebagai cara untuk menjayakan perniagaan-perniagaan. Sistem Bank Islam di Malaysia amat berjaya sekali dan banyak negara lain yang meniru sistem Bank Islam Malaysia termasuk setengah-setengah negara Arab yang penduduknya 100% terdiri daripada orang Islam. Ada juga negara Arab yang penduduknya seratus peratus Islam tetapi tidak terima sama sekali sistem perbankan secara Islam. Tetapi ini adalah pilihan mereka.

Berkeenan dengan pasaran saham, walaupun pasaran saham melibatkan banyak kapitalis besar, tetapi sekarang pasaran saham terbuka kepada semua orang. Kita menggunakan pasaran saham untuk memberi peluang kepada rakyat yang miskin melabur melalui unit trust. Segala kemajuan dalam pasaran saham memberi keuntungan kepada orang miskin sama dengan orang yang kaya. Sebab itu, apabila kita memelihara pasaran saham, kita bukan memelihara orang yang kaya. Orang yang kaya tahu bagaimana memelihara diri mereka. Tetapi kita melindungi orang yang miskin yang juga melaburkan wang dalam pasaran saham, walaupun tidak besar, tetapi bagi mereka adalah besar. Terdapat juga kesan buruk terhadap orang yang miskin melabur dalam pasaran saham kerana tekanan-tekanan yang dilakukan ke atas pasaran saham.

Berkeenan dengan soal keadilan dalam masyarakat kita dan keperluan untuk mendapat empat orang saksi yang terdiri daripada orang yang baik, yang tidak berdosa besar dan sebagainya. Di zaman Nabi kita percaya bahawa pegangan kepada agama Islam begitu kuat sekali. Tetapi setelah 1400 tahun Islam berkembang di dunia ini kita dapati banyak yang telah menyelewengkan ajaran Islam, memberi tafsiran yang bukan-bukan sehingga ada orang Islam yang percaya kepada apa yang jelas tidak berpunca dari agama Islam. Kita juga dapati ramai daripada orang Islam yang walaupun mendakwa diri mereka sebagai orang Islam, tetapi mereka tidak mengamalkan ajaran Islam secara yang benar. Mereka membohong, mereka melempar fitnah dan sebagainya.

Dalam masyarakat yang semacam ini agak sukar kita mencari empat orang untuk melihat perbuatan liwat yang dilakukan oleh mana-mana pihak. Biasanya mereka membuat perkara ini tanpa dilihat oleh sesiapa. Tetapi bahawa mereka membuat perkara ini dengan diketahui oleh Allah S.W.T. tidak bermakna bahawa masyarakat tidak perlu mengambil tindakan terhadap mereka. Kerana perbuatan mereka itu boleh membawa macam-macam masalah kepada masyarakat, maka masyarakat perlu melaksanakan usaha untuk membanteras kegiatan ini. Mereka tidak akan dianggap salah sebelum mereka didapati salah. Tetapi mereka

hendaklah membenarkan diri mereka diadili mengikut cara-cara yang dikenakan juga kepada orang lain. Mereka tidak istimewa sama sekali walaupun mereka menjadi pembesar negara ataupun bekas pembesar negara. Segala urusan undang-undang akan dikuatkuasakan untuk menentukan sama ada orang dituduh ini salah ataupun tidak salah. Inilah proses keadilan yang mampu kita buat di dalam negara kita ini, kerana di dalam negara kita ini terdapat banyak yang mengutamakan politik yang suka melempar fitnah dan sebagainya. Dengan itu ia tidak menjadi satu masyarakat Islam yang perfect, yang tidak cacat cedera dan tercela. Dengan itu kalau ianya tidak cacat sama sekali, maka undang-undang Islam kita akan laksanakan juga. Untuk itu kita ingin mendapat kerjasama daripada orang tertentu supaya mereka menolong tidak mentafsirkan agama Islam untuk kepentingan politik dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.58 ptg.

Menteri Kewangan II [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan, iaitu rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menggariskan rasional bagi keempat-empat pindaan yang dicadangkan oleh Kementerian Kewangan bagi menguatkuasakan peraturan yang telah diumumkan pada 1 September lalu. Maka tiga rang undang-undang yang berikutnya merupakan tindakan susulan (follow-up atau consequential action) untuk mencapai objektif yang telah digariskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta membuat pindaan selanjutnya dan mengemaskan lagi peruntukan-peruntukan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi 15 pindaan, enam daripada fasal-fasal dalam rang undang-undang iaitu Fasal 4, 7, 10, 11, 12, 14 merupakan fasal substantive, manakala yang lebihnya, iaitu sembilan merupakan pindaan sampingan, iaitu fasal-fasal consequential yang saya sebutkan tadi.

Pada umumnya, Tuan Yang di-Pertua, ada tiga perkara yang kita hendak capai melalui pindaan ini. Yang pertama, ialah untuk menguatkuasakan (enforcement) kuasa-kuasa penguatkuasaan oleh agensi-agensi yang bertanggungjawab untuk mengawal selia bursa saham. Yang kedua, ialah untuk membolehkan tindakan diambil bagi perbuatan dan peninggalan yang berlaku dalam Malaysia dan juga di luar negara....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat....

Dato' Mustapa bin Mohamed:melalui dua perkara baru. Yang ketiga,....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: ...masa untuk tengah hari ini sudah cukup.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Sila sambung sebelah petang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang ini.

Persidangan ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat yang sedang membentangkan, sila sambung.

2.30 ptg.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut tengah hari tadi, Rang Undang-undang ini bertujuan antara lainnya untuk mengukuhkan kuasa-kuasa penguatkuasaan yang ada kepada beberapa dengan izi, regulatory authorities itu yang pertama.

Yang keduanya ialah untuk memastikan bahawa mereka yang melakukan perbuatan atau peninggalan sama ada dalam Malaysia ataupun luar negara boleh dikenakan tindakan sewajarnya.

Yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rang Undang-undang ini membolehkan peraturan-peraturan BSKL terpakai untuk beberapa kumpulan baru.

Kalau dulu peraturan-peraturan BSKL cuma terpakai kepada anggota bursa saham sahaja. Dengan pindaan ini peraturan-peraturan BSKL juga terpakai

kepada syarikat-syarikat yang disenaraikan kepada pengarah-pengarah dan juga kepada penasihat-penasihat.

Yang keempatnya, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan ini, membolehkan pihak BKSL untuk menggulung syarikat-syarikat yang mana sebelum ini kuasa ini tidak ada kepada Akta Perindustrian Sekuriti sedia ada. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi penjelasan lanjut tentang perkara-perkara yang saya bangkit tadi.

Bagi meningkatkan tahap ketelusan dalam dagangan saham subseksyen 4(8) dipinda dalam Fasal 3 untuk membatalkan pengecualian yang telah diberikan kepada pemegang-pemegang amanah tanpa faedah (bare trustees) berhubung dengan kehendak penzahiran. Bare trustees ini bermaksud trustee yang tidak ada kepentingan, tidak ada hak dan dalam kes negara kita yang ada hari ini ialah bare trustees ialah MCD nominees iaitu satu subsidiari MCD. Dengan pembatalan pengecualian ini pemegang amanah tanpa faedah yang mempunyai kepentingan dalam sekuriti melebihi nilai ambang yang akan diturunkan daripada 5% kepada 2% yang ditentukan oleh undang-undang perlulah menzahirkannya kepada Suruhanjaya Sekuriti iaitu kalau nilai sahamnya 2% kepentingan perlu dizahirkan kepada SC.

Bagi meningkatkan keupayaan penguatkuasaan BSKL untuk mengambil tindakan serta merta ke atas mana-mana orang yang melanggar kaedah-kaedahnya Fasal 4, Rang Undang-undang ini mencadangkan agar seksyen 11 Akta Perindustrian Sekuriti dipinda. Pada masa ini terdapat beberapa kelemahan berkaitan seksyen 11 yang memerlukan pindaan sewajarnya dibuat. Kelemahan-kelemahan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) penalti yang ada sekarang ini iaitu RM250,000 didapati tidak mencukupi dan ini didapati tidak mampu mencegah pelanggaran kaedah-kaedah BSKL. Dengan itu adalah dicadangkan supaya penalti ini dinaikkan kepada RM1 juta daripada RM250,000 dan kuantum penalti yang akan dikenakan oleh Bursa Saham Kuala

Lumpur haruslah seimbang dengan kesalahan yang melanggar kaedah-kaedah Bursa Saham Kuala Lumpur;

- (ii) pengarah-pengarah dan pegawai syarikat-syarikat awam tersenarai tidak diwajibkan memberi kesan kepada kaedah-kaedah BSKL, dengan lain perkataan kaedah-kaedah BSKL pada masa ini tidak meliputi pegawai-pegawai syarikat awam ataupun pengarah-pengarah. Oleh itu adalah dicadangkan supaya pengarah-pengarah syarikat-syarikat awam tersenarai dikehendaki mematuhi kehendak-kehendak dan kaedah-kaedah Bursa Saham Kuala Lumpur, sebelum ini cuma dengan izin, member company sahaja yang tergolong atau boleh diberi kesan oleh BSKL.
- (iii) kehendak-kehendak prosedur sedia ada memerlukan BSKL memberi notis 14 hari kepada orang yang ingkar belum boleh mengambil apa-apa tindakan di bawah seksyen 11. Bagi tujuan tersebut adalah dicadangkan agar dipotong kehendak prosedur yang memerlukan notis 14 hari kepada yang ingkar. Sebaliknya BSKL hendaklah mengikut prosedur yang dinyatakan dalam kaedah-kaedahnya dan mengikut kaedah yang dicadangkan 14 hari ini akan dikurangkan kepada 7 hari sahaja. Memandangkan kaedah-kaedah BSKL dikehendaki oleh undang-undang supaya diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti apa-apa prosedur yang mungkin diambil BSKL secara tidak langsung adalah disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti bahawa ini adalah wajar. Sebagai tambahan, proses rayuan juga dipermudahkan di mana rayuan hanya perlu dibuat kepada Suruhanjaya Sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini undang-undang sekuriti tidak jelas berhubung dengan pemakaian undang-undang tersebut ke atas perbuatan dan peninggalan ataupun dengan izin, act and omission yang dilarang di bawah SIA. Adalah penting untuk negara kita mengendali secara efektif kemungkinan perbuatan dan

peninggalan yang merupakan manipulasi pasaran dan perdagangan dalaman di luar Malaysia, sebagai contoh dalam saham-saham tersenarai BSKL yang didagangkan di CLOB ataupun di Singapore International Monetary Exchange atau SIMEC. Perbuatan dan peninggalan luar wilayah tersebut boleh membawa kesan yang buruk ke atas pasaran Malaysia seperti mana yang jelas sebelum ini. Oleh itu, adalah perlu diperkenalkan dua peruntukan baru iaitu seksyen 88C, Fasal 7 dan seksyen 89P dalam Fasal 10 yang menyebabkan manipulasi pasaran dan perdagangan dalaman terpakai. Perkara-perkara yang disebutkan adalah seperti berikut:

- (i) perbuatan dan peninggalan berlaku di Malaysia berhubung dengan sekuriti perbadanan korporat sama ada dibentuk atau mengendalikan perniagaan di Malaysia atau sebaliknya; dan
- (ii) perbuatan dan peninggalan yang berlaku di luar Malaysia berhubung dengan sekuriti mana-mana perbadanan korporat sama ada dibentuk atau mengendalikan perniagaan atau disenaraikan di Malaysia. Ini bermakna bahawa perbuatan dan peninggalan sama ada di Malaysia khususnya di luar Malaysia akan dikenakan tindakan sewajarnya dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 11 meminda seksyen 100 bagi mempelbagaikan jenis perintah mahkamah yang boleh dipohon oleh Suruhanjaya Sekuriti, BSKL dan pusat penjelasan diiktirafkan termasuklah perintah mahkamah untuk memecat seorang pengarah syarikat yang tersenarai bagi pelanggaran kaedah-kaedah BSKL ataupun pusat penjelasan yang diiktirafkan ataupun pelanggaran undang-undang sekuriti, mengikut mana-mana yang berkenaan. Ini memberi kuasa yang lebih kepada SC dan juga BSKL untuk pergi ke mahkamah dan membuat perintah yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu kesalahan baru diperkenalkan melalui Fasal 12 di bawah fasal ini jika seorang itu membinasakan, menyembunyikan ataupun

mencatatkan atau mengubah apa-apa buku rekod maka orang tersebut akan dikenakan hukuman yang berat iaitu dengannya RM10 juta.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada Akta ini perlu bagi menyokong tindakan secara pentadbiran yang telah diambil oleh pihak BSKL, pihak SCANS dan Malaysian Centre Depository yang diumumkan pada awal bulan ini supaya segala tindakan kerajaan itu adalah sah dari segi undang-undang. Langkah tidak mengizinkan kegiatan syarikat-syarikat nominee adalah bertujuan untuk memastikan ketelusan dalam urusan sekuriti di pasaran saham negara dan membanteras urusan saham-saham Malaysia di bursa saham yang tidak diiktiraf. Matlamat akhir semuanya ini ialah untuk mengembalikan semua keyakinan pelabur-pelabur dalam pasaran saham negara dan tidak ada pihak di luar Malaysia yang boleh menjejaskan pasaran kita dan jika ini berlaku maka tindakan sewajarnya akan diambil di bawah peruntukan undang-undang yang diperkenalkan melalui pindaan ini. Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Meneri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti 1983 dibaca kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas. Sila Kepong. Jangan tengok kepada orang lain.

2.40 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini satu Rang Undang-undang yang penting ekoran daripada pindaan yang telah kita bahaskan tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai beberapa perkara yang hendak saya bangkitkan di sini. Yang pertamanya, mengenai bursa saham di negara ini. Tadi, saya ada sebutkan sedikit pendapat mengenai CLOB dan di sini saya ambil kesempatan untuk membangkitkan beberapa perkara.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya bangkit di sini iaitu pada beberapa bulan ini saya nampak daripada segi tafsiran pasaran luar mengenai bursa saham dan juga mengenai kemampuan kita untuk memulihkan ekonomi. Saya sebagai orang

Malaysia, saya percaya kita memang mampu seperti mana kita mampu untuk menganjurkan Sukan Komanwel dan kita ucap syabas kepada penganjur termasuk Yang Amat Berhormat yang berjaya mengadakan satu temasya sukan yang kedua terbesar di dunia.

Saya percaya kita mempunyai keupayaan, kemampuan untuk menjayakan Sukan Olimpik, tidak jadi masalah, kita mampu dan kita boleh buat permohonan untuk mengadakan Sukan Olimpik. Itu memang satu perkara yang kita boleh buat tetapi kita mesti ingat pada genap sepuluh tahun di Korea Selatan, mereka menjayakan Sukan Olimpik. Memang salah satu temasya Sukan Olimpik yang dijayakan kerana mereka dapat untung dan sebagainya tetapi sepuluh tahun kemudian, mereka bankrap - mereka bankrap. Sebab itu saya percaya, walaupun kita mampu, kita mesti kaji apakah kelemahan-kelemahan, sebab saya hendak cadangkan supaya kita gunakan di dalam tempoh mungkin enam bulan atau satu tahun ini, semua kelemahan yang ada di dalam bursa saham kita dapat diperbaiki.

Yang Berhormat-Yang Berhormat mesti minat dalam hal ini. Rompin tidak bangun langsung. Minat kita, takkan kita datang sini untuk dengar sahaja. Kita mesti buat sumbangan yang bernas untuk menyelesaikan masalah kita dan itu satu iktibar daripada Korea Selatan. Bukan mereka tidak mampu, tetapi apakah salahnya, apakah kelemahannya. Dan di Malaysia juga kita mesti kaji, kita jaya dengan temasya sukan tetapi apakah kelemahan yang boleh kita perbaiki supaya nasib kita tidak serupa dengan Korea Selatan.

Mengenai industri sekuriti ini, memang saya ada baca beberapa cadangan daripada Suruhanjaya Sekuriti termasuk kita hendak longgarkan sedikit peraturan-peraturan supaya mereka mendapatkan modal relax roll on capital racing dan sebagainya memang di dalam masa kegawatan kita mesti buat apa sahaja yang boleh kita buat. Tetapi selain daripada kita mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang wujud, saya percaya apa yang telah pun disebutkan berkali-kali oleh Yang Amat Berhormat mengenai etika memang mudah hendak kita ucapkan, kita cadangkan mengenai etika tetapi apabila kita pegang jawatan itu, atau kita ada peluang untuk kita meraih keuntungan yang tidak sah, kita mungkin tidak teguh sangat dan berlaku kekurangan ethic.

Walaupun kita boleh pinda berapa kali Akta Perindustrian Sekuriti tetapi kalau tidak ada ethic, susah etika itu jika tidak ada. Saya pun pernah baca tulisan

Yang Amat Berhormat mengenai etika, etika mengenai rasuah, mengenai perniagaan dan sebagainya. Dengan itu kutipan untuk ayat-ayat suci dan sebagainya tetapi itu setakat boleh dikatakan retorik, setakat retorik, sebab manusia, kita ini, bila kita ada peluang, saya pun belum tahu lagi sama ada kalau ada peluang di dalam bursa saham, sama ada saya akan pegang kuat atau tidak dengan etika itu. Ini memanglah saya berharap kita dapat bersama-sama mewujudkan satu suasana yang memastikan semua orang yang bertanggungjawab untuk Suruhanjaya Sekuriti untuk pasaran saham Kuala Lumpur, semua memegang kepada etika yang tertentu untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan yang telah kita pindahkan hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat tadi membuat hujah dengan begitu singkat tetapi bolehkah Yang Berhormat terangkan di sini saya nampak satu taksiran mengenai sovereign credit. Ini kena-mengena dengan keyakinan, keyakinan kita. Saya pun tidak tahu macam mana jika pihak yang tertentu dapat menetapkan sovereign credit rating, sebab untuk Malayan Banking, bank yang paling baik, paling besar di negara ini dan rating ini sudah diturunkan daripada 3B kepada 2B, dan untuk Petronas - Petronas, saya anggap mempunyai aset yang cukup, mempunyai keuntungan walaupun ada krisis ekonomi tetapi keuntungan dan pelaburan di negara-negara lain pun cukup banyak tapi ratingnya begitu rendah sekarang, bon Petronas hampir menjadi junk bon.

Bolehkah Yang Berhormat terangkan mengapa hal seperti ini boleh berlaku?. Bagaimana hendak kita buat untuk meningkatkan tafsiran orang lain ke atas kita kerana memang satu perkara yang penting sebab kalau 'rating' seumpama ini, tafsiran seumpama ini terlalu rendah memang orang lain tak percaya kepada kita. Walaupun satu langkah yang baik iaitu untuk melantikkan Saloman Smith & Barney, itu satu firma multinational yang bagi pihak koperasi asing, koperasi Barat dapat menyaksikan dengan sendiri apakah sebenar berlaku di Malaysia, itu memang satu langkah ke arah yang betul untuk mereka menyaksikan sendiri apakah sebenarnya berlaku dan kembali kepada negara mereka untuk membayangkan keadaan sebenar, memang itu satu langkah kita boleh terima.

Walau bagaimanapun mengenai tafsiran, saya pun tidak begitu faham, cuma saya diberitahu bahawa kalau tafsiran rating ini terlalu rendah termasuk Petronas bonnya begitu rendah, memang bagi pihak Malaysia itu tak baik kerana kalau kita hendak pinjam mana-mana pun, nak pinjam wang kerana masalah pokoknya kita nak dapat modal kerana kita tak cukup wang di Malaysia disebabkan krisis ekonomi kita nak dapat wang dan pindaan ini pun mengenai modal. How to get capital mengenai modal? Kalau sovereign rating terlalu rendah, kita hendak pinjam di luar pun susah, enam tujuh peratus kadar faedah pun tak dapat, mungkin lebih tinggi, saya tak tahu. Bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah kadar faedah kalau kita hendak pinjam di pasaran antarabangsa yang boleh kita dapati, dulu kita boleh dapat 6, 7 peratus kadar faedah, sekarang mungkin 15 peratus, mungkin lebih kerana rating kita rendah.

Saya diberitahu bahawa salah satu masalah kerana ada rating seumpama ini kerana kita adakan kawalan pertukaran asing (foreign exchange control), saya pun tak tahulah. Ini mungkin satu pihak yang tak suka pada langkah ini yang sengaja mengadakan rating yang rendah. Yang kedua, kerana ada sekatan kawalan yang lebih ketat di pasaran bursa saham kita dan yang ketiga yang disebutkannya saya dengar satu faktor ialah mengenai pemecatan Timbalan Perdana Menteri. Dan kita akan tunggu macam mana bukti-bukti dan saksi-saksi yang akan diadakan untuk perbicaraan ini, mungkin selepas bicara itu mereka akan dapat keadaan yang sebenar, menyaksikan keadaan yang sebenar dan memberi tafsiran yang lebih baik kepada Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya, kalau tidak, macam mana kita boleh kawal keadaan bursa saham kita. Cuma selain daripada etika kita ini masalah mengenai, setakat mana kita boleh dapat keyakinan daripada pihak luar mengenai pasaran kita.

Saya nak tanya satu lagi sebelum saya akhiri ucapan saya iaitu selain daripada kita adakan pindaan-pindaan ini, adakah kawalan lebih ketat, setakat

mana Malaysia bersedia untuk menghadapi kemerosotan ekonomi sedunia. Kerana Jepun sekarang menghadapi kemerosotan dan koperasi yang besar-besaran bankrap, dan di Amerika Syarikat hedge fund bankrap, kalau tak bailout – bankrap. Ini memang menunjukkan seperti mana yang telah saya cakap tadi mengenai bubble ekonomi yang mereka dapat berniaga tanpa berusaha, cuma di atas kertas saja dan ini memang bukan saja akan rosakkan ekonomi tetapi akan rosakkan ekonomi United Kingdom dan juga Amerika Syarikat.

Saya percaya ekonomi Amerika Syarikat walaupun pada zahirnya nampak ada itu bursa saham Dow Jones itu tinggi sampai lebih 8,000 mata, itu memang daripada zahir cantik, elok belaka tetapi hutang Amerika Syarikat terbesar di dunia daripada orang-orang lain. Dan sekarang ekonomi dia nampak satu bubble yang sangat besar, boleh meletup dengan begitu sahaja. Apakah persediaan kita untuk menghadapi kemerosotan ekonomi sedunia? Itu bukan saja hari ini saya sebutkan tetapi sudah beberapa kali, tahun lepas dan 2 tahun yang lepas mengenai persediaan kita bagaimana kita sediakan payung untuk menghadapi hujan. Dan saya percaya bila kemerosotan ekonomi dunia berlaku ini adalah satu keadaan yang lebih dahsyat, lebih gawat daripada apa yang berlaku pada ekonomi kita sekarang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Batang Lupar.

2.57 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, bukan senang nak dapat Tun. *[Ketawa]* Tetapi Alhamdulillah, dapat juga Tun walaupun sudah lama menunggu. Jadi, kita ucap tahniah sekali lagi.

Sebelum saya bercakap Tuan Yang di-Pertua, saya nak ucap tahniahlah kepada Kerajaan Malaysia dan kita semua kerana telah berjaya dalam Sukan Komanwel 98 dengan gemilangnya bukan saja daripada segi pengurusan tetapi

juga daripada pendapatan pingat. Jadi nampaknya ‘Malaysia Boleh’. Ini ada kenamengena dengan saham – tanya Yang Berhormat dari Labuan – oleh kerana ini adalah satu kepercayaan masyarakat dunia kepada masyarakat kita yang kita boleh mengendali apa-apa saja masalah yang mungkin ataupun yang diramal oleh pihak antarabangsa. Dahulu orang kata Malaysia tak mungkin boleh uruskan Sukan Komanwel dengan baik. Bahkan sekarang pihak yang menunjuk jari dulu mengatakan kita tidak berkemampuan menguruskan Sukan Komanwel sekarang balik memuji kita boleh menguruskan Sukan Komanwel. Jadi itu satu penerimaan dan juga satu kepercayaan bukan saja daripada segi kewangan tetapi kebijaksanaan kita menguruskan apa benda sekali pun. Jadi saya mengucap terima kasih secara serius kepada semua orang Malaysia terutama Kementerian Belia dan Sukan, Perdana Menteri yang telah mengesyorkan supaya sukan ini dibawa ke Malaysia, dan kepada Kerajaan Malaysia berjaya menguruskannya, kepada Sapok Biki dari Sarawak pun kepada semua sekali yang mendapat pingat emas dan pingat-pingat diucapkan tahniah.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya berpindah kepada perkara yang lebih serius lagi, kadang-kadang terlupalah Tun, minta maaf, berpindah kepada perkara yang lebih serius, hampir dua tahun dulu kita menyebutkan soalan liberalisasi market, lepas itu kegawatan ekonomi berlaku oleh kerana kemasukan manipulasi kewangan.

Jadi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dari satu tempat ke satu tempat seluruh dunia meminta supaya masyarakat dunia mengadakan satu regularisasi dalam perdagangan wang yang dibuat sebagai satu komoditi bahkan wang sepatutnya tak payah didagangkan ataupun jangan didagang sebagai sesuatu benda komoditi tetapi dibuat juga. Walau bagaimanapun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di sana sini meminta dan merayu walaupun ada juga kata-kata yang keras kepada masyarakat dunia supaya kita meregularisasikan perdagangan wang di antarabangsa. Jadi tidak juga didengar oleh masyarakat

antarabangsa bahkan diejek sebagai satu tindakan kurang betul dan kurang wajar memandangkan dasar liberalisasi market dunia. Jadi maknanya wang akan di dagang sebagai harta benda yang lain juga di masyarakat dunia berlandaskan perdagangan liberalisasi dunia ini.

Jadi, kegawatan ekonomi ini berlaku sejak Julai 1997 di negara Asia termasuk negara kita juga terkena walaupun fuendamental ekonomi negara kita lebih kuat, lebih kukuh tetapi terkena juga kerana kita berdagang bukan dalam negeri tetapi berdagang seluruh negara kita. Kita mendesak pihak antarabangsa supaya membuatkan satu perundangan yang khusus untuk menjagakan bukan sahaja dari segi perdagangan tetapi juga transparency perdagangan antarabangsa tetapi masyarakat antarabangsa masih mengejek negara kita terutama sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai tidak memahami apa ertinya liberalisasi. Jadi kita sekarang kerana masyarakat antarabangsa tak dengar cerita kita, kita ambil tindakan sendiri, dengan mengubah undang-undang kita dalam keadaan kecemasan pun ada terutamanya pada hari ini kita datang ke Dewan ini dipanggil secara emergency membawa beberapa undang-undang untuk diluluskan walaupun pihak DAP dia kata tak sampai undang-undang, dalam keadaan yang kecemasan saya dulu bertugas dalam pegawai polis dan semi tentera, dalam keadaan kecemasan kita mesti bertindak juga dalam landasan-landasan kecemasan dengan cepat asalkan kita tidak menolak terus garis panduan yang ada pada kita.

Garis panduan yang ada pada kita ialah kaedah-kaedah Parlimen itu sendiri. Itu telah kita ikutkan, kita bawa undang-undang ini ke Parlimen mengikut garis panduan itu. Jadi saya tidak melihat kenapa kita pula disalahkan. Dalam keadaan yang baik mungkin tidak ada perkara yang berlaku, mungkin kita boleh beri notis panjang sikit. Tetapi dalam keadaan sekarang CNN kata money is lost and gain tiap-tiap masa kata dia. Jadi kalau kita hendak tunggu berita berjuta-juta hilang dulu baru hendak pindah kita punya kewangan, cari cara macam mana hendak jaga kita punya sendiri, attack daripada luar yang antarabangsa tak hendak jagakan. Jadi bila masa pula kita hendak bertindak. Dalam keadaan sedemikian tindakan

kita ini untuk membuat satu barricade kita sendiri mempertahankan kewangan kita sendiri dan mempertahankan dasar dan maruah negara kita sendiri, kita tidak kira macam mana sekalipun undang-undang ini dibawa ke Dewan ini untuk diluluskan kita kena buat juga walaupun dalam masa yang sama kita tidak mengketepikan sama sekali iaitu garis panduan yang mana cara untuk kita membawa undang-undang ini untuk diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, tukaran asing mula-mula Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang buat satu bombshell ditetapkan dengan harga RM3.80 satu dolar, bila benda ini dibuat satu pengumuman bahkan satu gegaran yang besar seluruh dunia tahu dengan kata mengatakan iaitu semua dasar liberalisasi dunia akan hancur kalau semua orang ikut Malaysia, maknanya semua liberalisasi ini hilang begitu sahaja. Tetapi ini bukan salah kita, Tuan Yang di-Pertua, salah dia, kita minta regulation dia tak bagi tak hendak jadi kita buat tindakan kita sendiri untuk mempertahankan negara kita sendiri, kenapa pula sibuk sangat. Jadi saya bukan hendak buat pameran ini, saya baru balik daripada Moscow, Russia, menghadiri persidangan IPU, jadi selepas saya memberi perbahasan saya di Plenary Session IPU banyak wakil daripada luar negara bertanya dengan saya soalan hedging ini macam satu killer bomb yang didrop oleh pihak Malaysia sebagai penghadang daripada memasuki dasar liberalisasi dunia marketnya.

Jadi jawapan saya sebagaimana saya sebutkan tadi yang saya kata kalau masyarakat dunia tak hendak buat regulation untuk perdagangan wang ini jadi kita buat cara kita sendiri untuk mempertahankan negara kita sendiri. Tetapi alhamdulillah bila pihak-pihak negara lain membuat bahasan mereka di dalam Plenary Session IPU itu banyak yang menyatakan Filipina menyatakan there will be no lack of emulator to the initiative made by Malaysia. Ini statement yang dibuat oleh wakil dari Filipina dan bahkan banyak lagi negara-negara lain mengatakan kebimbangan mereka yang banyak negara lain akan mengikut jejak dan langkah Malaysia supaya tetapkan wang mereka dengan pertukaran demikian supaya tidak dapat mempertahankan diri daripada attack oleh mana-mana

perdagangan kewangan ini. Jadi dengan keadaan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, maknanya apa yang diinisiatif atau dibuat oleh pihak kerajaan Malaysia itu telah mendapat sambutan walaupun belum mereka buat sudah mendapat sambutan yang mereka nyata mesti kita regulate money trading ini kalau tidak banyak lagi negara lain akan ikut cara Malaysia untuk mengatasi masalah.

Jadi dalam keadaan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, duit kita telah ditetapkan kadarnya, tetapi di sebalik ini juga ada juga penganalisa-penganalisa mungkin lepasan universiti yang baru mendapat ijazah degree mereka itu dari universiti belum tahu pun, orang Sarawak kata ubun-ubun masih sejuk, dia buat penganalisan. Jadi salah satu penganalisan mereka ini mengatakan iaitu kalau wang kita tukaran atau tradingnya RM3.80 kata dia mungkin mendatangkan kebaikan kepada pihak Malaysia tetapi masalahnya berbangkit apabila perdagangan Malaysia dia punya ada trade deficit jadi kita tidak mempunyai cukup wang untuk membayar hutang kita di luar negara. Jadi dalam keadaan sedemikian kalau kita hendak berhutang ke luar, hendak bayar hutang, meminjam dalam keadaan penilaian yang lebih tinggi, jadi dengan keadaan sedemikian negara kita akan lebih tertekan lagi daripada yang ada dahulu walaupun kita di dalam negara kita sendiri nampaknya selamat tetapi dalam keadaan tidak trade deficit ataupun current account deficit kita berlaku lebih tertekan lagi kerana masalah membayar hutang luar negara. Jadi saya ingin bertanya dengan pihak Kementerian dan meminta penjelasan lebih lanjut dalam perkara ini macam manakah penekanan kalau berlaku current account deficit negara kalau dalam keadaan pertukaran wang kita itu ditetap kepada nilai semasa.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut mengenai CLOB, saya memang banyak juga membaca surat khabar daripada luar negara yang kebanyakannya menyatakan kita ini bukan mengenai surat khabar Singapura, surat khabar Singapura memang kita sudah tahu front page menyatakan Malaysia ini buat macam-macam tetapi surat khabar luar negara, di Eropah dan sebagainya soal mengenai penutupan perdagangan CLOB atau perdagangan syer kita di Singapura.

Bukan soal penutupan itu yang mereka bangkitkan tetapi persoalannya ialah opportune time yang mana kita punya relationship di antara negara Malaysia dengan Singapura dalam keadaan yang ada renggang sikit, ada pergeselan sikit.

Jadi mula-mula dikatakan - ini surat khabar luar negara yang menyebut ini - dikatakan mula-mula kita bangkitkan soal air, lepas itu kita bangkitkan pula soal CLOB yang mana pemindahan dana yang begitu besar dari Singapura ke Malaysia.

Jadi Malaysia dicapkan sebagai big bully kepada small, fragile, weak dan neighbour yang tidak berupaya ini. Jadi ini amatlah menyedihkan dalam masa yang berkehendakkan kita menyelamatkan kita sendiri supaya dana kita balik ke negara kita dan manipulasi syer kita tidak dibuat menerusi CLOB yang beroperasi di Singapura, kita cuba membawa balik wang kita ke negara kita sendiri, tapi pandangan yang dibuat di luar negara ialah kita ini menjadi bully pula.

Jadi soal apakah tindakan yang boleh kita buat supaya pandangan-pandangan yang sesuai atau lebih jelas lagi, bukan untuk orang luar oleh kerana orang luar ini kita tidak boleh lawan media dia macam CNN dan macam-macam. Dia punya skop, intensiti memang besar, kita tidak boleh lawan. Negara kita kecil dan tidak mempunyai kemungkinan boleh melawan skop media dan coverage mereka, bahkan kalau kita pandang - ini saya bercerita sedikit soal Moscow. Semasa masalah Moscow iaitu masalah perlantikan Perdana Menteri. Presiden Yeltsin terpaksa menerima perlantikan daripada Parlimen dia.

Jadi pada masa itu kalau kita lihat, daripada Malaysia laporan daripada CNN, memang cukup aneh betul. Di sana mogok, di sana picketing dan macam-macam lagi cerita yang dia tunjuk. Tetapi bila kita sampai di sana, saya sengaja hendak cari di mana tempat orang mogok, di mana tempat orang demonstrasi dan di mana pula tempat-tempat itu, tidak pun berjumpa. Jadi macam kawan-kawan saya yang pergi ikut ke stesen ASTRO satu hari sama ada jumpa atau tidak jumpa, saya tidak tahulah. Tetapi cerita-cerita tidak jumpa.

Tetapi pada hari penghabisan Presiden Boris Yeltsin dikehendaki keputusan yang akhir - pilihan yang ketiga, ada pula picketing di hadapan State Duma. Di

hadapan State Duma itu saya hitung ada 10 orang bawa pelekat. Bahkan saya syorkan pada rakan suami Yang Berhormat Puan Hajah Ilani, “Haji, kita berdua duduk di belakang itu dapat masuk CNN.” Dia bawa anak dua orang, duduk belakang nampaklah muka di CNN, kita demonstration di Moscow. Tetapi di sebalik yang 10 orang ini memang ada beribu-ribu manusia yang keluar oleh kerana meraikan hari 851 tahun perayaan ulang tahun Moscow.

Jadi gambaran ini dibawa ke sana memang nampak ramai orang demonstration itu tetapi budak-budak yang pakai mini skirt, micro mini macam-macam minilah dia pakai. Cantik muka, badan pun segak perempuan itu perempuan Moscow ini [*Sorak*]. Jadi mungkin dia bela sedikit perempuan yang cantik-cantik ini tetapi dek tumpukan kamera itu kepada yang 10 orang ini sahaja, 1 orang bawa pelekat dan bawa bible dan chant daripada bible ini, saya tidak tahulah bahasa-bahasa Russia yang digunakan.

Pada masa itu Yang Berhormat dari Kota Bharu sibuk dengan perbincangan wanita, jadi kita dapatlah melihat acara ini. Jadi apa yang ditunjuk dalam CNN itu langsung tidak menunjukkan kenyataan apa yang berlaku di Russia. Ada pun benda-benda yang sering menunjukkan ketakutan, kesibukan dengan demonstrasi, dengan mogoknya tidak ada kita nampak jadi inilah soalan dan cerita yang ditunjuk dalam media yang kita terima. Tetapi apabila kita melihat realitinya tidak ada. Jadi dalam keadaan sedemikian kita memang tidak boleh bandingkan dengan mereka, soal publisiti yang dia tunjuk dan publisiti yang kita hendak tunjuk.

Walau bagaimanapun penjelasan kepada masyarakat Malaysia itu, saya ingat amat penting sekali kerana masih ramai rakyat Malaysia yang belum mengenali apa itu CLOB. Apa kebaikan kalau kita tutupkan CLOB supaya perniagaan CLOB ini tidak berlaku lagi di Singapura dan syer kita tidak diperdagangkan dengan tidak diketahui oleh pihak KLSE di Kuala Lumpur ini dan didagangkan sewenang-wenangnyanya di luar negara kita. Kita tidak mendapat satu keuntungan pun, tetapi sebaliknya apabila syer kita jatuh oleh kerana penekanan

dan pengambilan keuntungan di luar negara macam di Singapura tetapi syer kita di sini pun - syarikat kita pun jatuh dan turun juga.

Jadi penjelasan ini yang patut dibuat dengan sejelas-jelasnya begitu juga penjelasan berhubung dengan packing wang ini. Kerana masih banyak masyarakat kita belum mengenali mengapa wang kita dinilai dengan RM3.80 dan masalahnya apa. Adakah ini menunjukkan yang kita memang tidak hendak terima lagi kalau duit Malaysia tidak boleh didagang di luar negara ataupun macam mana, yang mana satu. Yang duit pertukaran ini sahajakah ataupun orang tidak boleh masuk bawa duit ke dalam Malaysia lagi ataupun duit daripada Malaysia tidak boleh mengalir lagi apabila pihak pelabur datang ke sini selepas membuat keuntungan dan sebagainya. Jadi penjelasan ini belum jelas kepada banyak masyarakat Malaysia dan harus diberi penjelasan yang seluas-luasnya agar masyarakat Malaysia itu sendiri perlu menerima dan mengetahui perkara-perkara ini.

Ketiga mengenai perkara yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kepong, soal bon ini umpamanya bon kita digred yang sedemikian apabila kita buat NPL 3 bulan selepas itu kita shorten sebabnya apabila defaulted bank sahaja kita terus ambil tindakan dan bon kita naik nilainya. Tetapi apabila NPL kita dipanjangkan sampai 6 bulan bon kita jadi junk bon. Jadi siapa yang buat penilaian ini. Jadi Standard and Poor ini, poor sangatkah pandangan mereka ini. Moody's dan sebagainya. Mereka dah poor moody's memang mereka tidak boleh buat. Jadi pandangan orang ini, kadang-kadang orang ada juga peringkat profesional, saya berbincang panjang lebar dengan pihak akauntan, pihak penganalisa soalan junk bon, NPL dan sebagainya ini, soalan macam ini sahaja.

Jadi mereka ini mempunyai satu fixed perception. Perception yang telah dibuat oleh pihak Standard and Poor, Moody's dan sebagainya ini. Apabila mereka buat jadi penilai kita di sini menerima penilaian atau rating yang dibuat oleh pihak rating company ini sebagai satu godsend ataupun bible, satu Gospel truth. Tidak ada perubahan, tidak ada penilaian lain. Jadi dengan sendirinya apabila NPL kita dipanjangkan kepada 6 bulan walaupun dipanjangkan 6 bulan itu

memberi breathing space, dengan izin kepada syarikat-syarikat kita jangan terkena closure, kena saman, kena tindakan oleh pihak bank supaya wang syarikat kita boleh berjalan dengan lancar sedikit supaya orang kita tidak dibuang kerja, syarikat tidak tutup dan sebagainya.

Banyak kebaikan untuk memanjangkan soalan ini, tetapi dalam masa yang sama kita punya bon, bump, jadi junk bon, kata pihak international ataupun self-appointed rating agency dari Amerika ini. Jadi kita sendiri patut mengambil tindakan yang khusus supaya kita mempunyai rating kita sendiri, menunjukkan dan membuat penjelasan yang berterusan, walaupun kita terpaksa hendak keluar dalam ASTRO dan sebagainya supaya kita tidak dengar benda daripada mereka sahaja supaya diplanted into kita punya fikiran iaitu rating ini dibuat oleh pihak ini, inilah dia. Walaupun dia tidak tahu hujung pangkal negara kita ini dan tujuan kita, kita terima dengan bulat-bulat rating yang mereka buat.

Jadi penghabisan, Tuan Yang di-Pertua, ialah undang-undang. Undang-undang ini sudah kita buat, hukum kita naik dan sebagainya. Ada loophole, kita cuba hendak tutup dan sebagainya. Tetapi yang penting, Tuan Yang di-Pertua,, bukanlah hendak tutup lubang, hendak naik harga pembayaran hukuman dan sebagainya. Yang penting sekali ialah penguatkuasaan pihak Suruhanjaya Sekuriti mestilah menguatkuasakan undang-undang ini supaya semangat (spirit) undang-undang itu sendiri mendapat target yang kita kehendaki. Jangan buku ini sebagai pindaan tinggal jadi buku ini sahaja dan penguatkuasaannya tidak kita laksanakan, nescaya matlamat dan tujuan kita tidak akan tercapai. Tetapi melihat '*Malaysia Boleh*', insya-Allah saya berharap pihak Suruhanjaya Sekuriti boleh menguatkuasa undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Rompin.

3.22 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk mengucapkan syabas kepada kerajaan, seterusnya Perdana Menteri kita yang pada hari ini pula membentang lagi lima

rang undang-undang dalam usaha untuk memulihkan ekonomi negara kita. Sebelum ini, Tuan Yang di-Pertua, kita telah lihat betapa beraninya kerajaan untuk memulihkan keadaan ekonomi negara kita. Ini penting saya sebutkan dalam Dewan, pentingnya kita mengambil inisiatif untuk memulihkan masa depan negara kita sendiri.

Empat perkara yang penting sebelum ini ialah kita menetapkan 'exchange rate' kita ataupun pertukaran wang asing, ini penting. Kerana kalau tidak ditetapkan, pertukaran wang asing kita tidak mampu, kerajaan kita untuk menurunkan kadar faedah di dalam negara kita. Kalau pada peringkat awalnya faedah kewangan negara kita sampai Revolving Credit (RC), Tuan Yang di-Pertua, ramai yang berniaga tahu – sampai ke tahap 18%, 19% dan 20% pun ada oleh kerana liquidity yang kurang dalam pasaran kewangan negara kita. Dengan 4 perkara yang baru-baru ini dilaksanakan oleh kerajaan:-

Pertamanya, tetapkan pertukaran asing – $RM3.80 = A\$1.00$. Dengan ditetapkan itu dapat diturunkan kos kewangan, BLR dapat diturunkan, Revolving Credit (RC) dapat diturunkan. Lepas itu pula diberikan nafas, selalunya Tuan Yang di-Pertua, dalam perniagaan ini, bila masa yang susah itulah sepatutnya tempoh masa hendak membayar hutang, tetapi dahulunya 6 bulan diturunkan kepada 3 bulan, baru ini dikembalikan seperti sediakala - 6 bulan.

Yang keempat ialah kita tambahkan kecairan dalam sistem kewangan negara kita dengan menurunkan tax reserve kita kepada 4%. Empat perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kita tetapkan pertukaran asing kita, turunkan kadar faedah, panjangkan NPL dan naikan liquidity, ramai masyarakat peniaga bila ini dia buat, dia rasa lega, betul-betul rasa lega. Kalau dulu mereka rasa agak tenat, tetapi orang kata macam merasakan sekarang ada nyawa kembali. Ada satu kebangkitan semangat untuk kita yang berniaga itu untuk berniaga kembali, yang bekerja sederhana pergi ke kilang mereka untuk teruskan lagi perniagaan mereka. Macam ada satu hope, orang putih kata 'light at the end of the tunnel'.

Syabas kepada kerajaan khususnya kepada Perdana Menteri walaupun dengan tindakan beliau itu didera oleh masyarakat international, betul, ini kita perlu beri sokongan dan tahniah kepada beliau. Bukan senang untuk melaksanakan usaha ini, mula-mula kita bimbang benar, tetapi jelas walaupun pada ketika itu ada seorang sahaja orang Barat yang suaranya agak menyokong kepada usaha kita ialah pakar ekonomi, Crutman. Selepas itu, apa yang kita buat di negara itu – World Bank sendiri mengatakan apa yang kita buat itu betul dan baik dalam suasana ekonomi negara kita.

Lepas itu kutu ini Harmdesis yang dia Camdesus, dari Perancis ini, dia boleh minta tangan suruh Suharto sign hendak beri ubat, dia sendiri yang mengatakan dan memberikan satu kenyataan yang mengaku, dia kata yang dia berpeluk tubuh itu suruh Suharto sign hendak terima ubat itu, salah. Katakanlah, Tuan Yang di-Pertua, kita ikut apa yang disarankan oleh IMF, maaf cakap, soalnya ini benar, jadi kita rakyat patut mengambil iktibar ini bahawa dengan usaha yang kita buat empat perkara itu dan kalau kita lihat sendiri pula, ini bukan pertama kali dibuat. Negara China pun buat begitu juga, dia control daripada kewangan dia, kalau kita pergi ke China, kita tidak boleh hendak beli wang China di sini. Di India pun buat begitu, tengok sekarang ini, ekonomi China, ekonomi India tidak merudum seperti ekonomi negara lain. Sebab itu dalam keadaan begini kita mesti berterima kasih dan ramai daripada masyarakat terutama yang berniaga rasa lega, Tuan Yang di-Pertua, betul-betul rasa lega.

Saya menggunakan perkataan lega ada orang perli saya sedikit, tetapi tidak ada perkataan lain saya hendak gunakan lagi. Rasa lega dan relief, kata orang putih, maaf kata kalau dia turun ke bawah itu, tidak ke bawah lagi dan yang kita tunggu akan terus meningkat ke atas. Ini satu perkara yang amat penting sekali, Tuan Yang di-Pertua, dalam begini sebab saya mengatakan bahawa dari segi orang yang berniaga, kalau dahulu kos perniagaannya sebelum dia hendak berniaga - 20% Tuan Yang di-Pertua, kos kewangannya, 18%-20%, tetapi sekarang sudah turun banyak ke bawah. Mana ada perniagaan boleh maju, boleh berkembang

kalau kos perniagaannya belum apa-apa sudah 20% gross margin perniagaan itu, ini amat penting.

Lepas itu pula, dari segi bayaran NPL, sekarang ini oleh kerana ekonomi kita dalam suasana begini, memang hendak minta orang membayar kepada kita amat mengambil masa yang panjang. Dahulu bila 3 bulan, betul-betul ramai yang merasa lemas tetapi bila 6 bulan ini, mungkin kalau hendak pertingkatkan lebih tinggi lagi kepada 9 bulan, tetapi yang lebih pentingnya kita sudah mengubahnya dan sudah nampak bibit-bibit pemulihan ekonomi negara kita sudah ada.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang setuju bahawa ada beberapa perkara termasuk kesenangan untuk para peniaga, untuk membuat perniagaan, untuk menetapkan harga, untuk membuat benda-benda yang kena mengena dengan exchange rate. Tetapi walaupun ada gejala-gejala yang baik, apakah perbezaan di antara sistem yang ada di negara China dengan sistem kita? Adakah Yang Berhormat sedar bahawa mereka sebelum ini adakan satu ekonomi yang tertutup dan sekarang dia buka sebahagiannya dan negara kita terbuka dan kita tutup sebahagiannya, adakah perbezaan di antaranya dan apakah saiz di antara negara China dan Malaysia? Bolehkah Yang Berhormat bagi jawapan yang tepat?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kepong tadi dia usik saya balik tetapi saya tidak perlu berpolitik begitu. Saya menggunakan negara China sebagai contoh, ini the practitioner of unfettered free market ini, dia cuba hendak menggambarkan kita macam budak hitam, kononnya apa yang kita buat ini tidak betul. Macam tadi pun, Kepong ada kata bila dah Jepun hendak beri bantuan kepada kita, dia cuba hendak dera Jepun pula, mengapa ini? Ini macam mereka ini ada agama ke ini, ya, macam ada agama Barat ini. Saya hendak cakap kemudian, tetapi oleh kerana Kepong suruh jawab, boleh saya masuk terus. Ini Barat ini macam 'the custodian of unfettered market forces', macam satu agama Barat,

siapa-siapa yang tidak mengikut agama dia, dia akan dera kita, dia akan hukum kita. Jepun hendak tolong bantu kita, Jepun sedar – Timur ini, dia kena jaga ekonomi Timur.

Kalau Malaysia pulih, negara di Timur pulih, akan membantu Jepun. Jepun sedar pentingnya di sini, tetapi dia dera Jepun, sebab kita sudah keluar daripada agama dia, free market forces whatever, unfettered market forces dia orang kata. Sebab saya akan hujah macam media asing, mengapa yang dia marah kita, ini yang saya bangkitkan ini, Tuan Yang di-Pertua, rating agency, media asing dia ada custodian of unfettered market forces, kita ikut sahaja dia, dia hukum kita. Media Barat akan hukum kita, dia tengoklah macam media Barat – CNBC, satu peristiwa dia ulangnya tiap-tiap hari sahaja, sebab apa, kita tidak ikut kata dia, kita tidak ikut agama dia kononnya. Begitu juga rating agency, dia hendak hukum kita, ekonomi kita baik, fundamental kita baik, tetapi oleh kerana tidak ikut dia, dia hukumnya kita. Ini jawapan kepada Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi penjelasan, tidak ada jawapan tadi. Adakah perbezaan di antara China dengan Malaysia dan mengenai sistem kapitalisme yang 100% ini tidak berlaku di Amerika Syarikat pun, hedge fund bila hendak jatuh, bila hendak gagal, ia hendak menyelamatkannya. Ini bukan satu sistem bebas, begitu juga dengan peraturan-peraturan dan undang-undang di Amerika Syarikat kebanyakannya tidak ada kena mengena dengan capitalism, itu satu control di Amerika Syarikat, ‘unfettered capitalism’ tidak wujud. Cuma apakah perbezaan di antara China dengan Malaysia.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bawa sedikit dalam *Asia Wall Street* hari ini. Selepas ini saya serah kepada Kepong untuk baca sedikit. Di sini dia kata bahawa tidak timbul satu teori ekonomi baru dipanggil ‘mini cashion’ dia sudah ubah suai, dengan sendirinya mengaku teori ekonomi ‘unfetered market forces’ sudah tidak betul. Dia cuba mencari jalan keluar untuk menyelamatkan diri mereka, macam dahulu dia menuduh kita ‘bail-out’ konon, tetapi Kepong kata dia ‘bail-out’ sendiri. Mengapa dia terpaksa, kita panggil selamat, perkataan selamat itu tidak seburuk, tetapi kita gunakan selamat, dia gunakan ‘bail-out’ dalam Bahasa Inggeris ianya berbeza. Tetapi apabila masalah berbangkit daripada Long Term Capital Management (LTCM), mengapa dia terpaksa ‘bail-out long term’, sebab masalah akan berlaku kepada pasaran kewangan mereka. Dahulu dia mengata kepada kita, bermakna mengapa mereka tidak mahu membiarkan kita menentukan masa depan kita? Sebab dia takut lebih ramai lagi orang mengikut kita dan pada ketika itu dunia akan mengatakan mereka salah dan kita betul. Itu yang sebenarnya Kepong.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berbalik kepada perkara asal yang saya cakapkan tadi bahawa saya mengambil kesempatan dalam Rang Undang-undang ini untuk mengucapkan syabas kepada kerajaan sebelum Rang Undang-undang dibentang pada hari ini, tindakan-tindakan awal yang berani dibuat itu, empat perkara yang saya katakan tadi. Kita tetapkan pertukaran asing dari segi kita turunkan kadar faedah, kita panjangkan NPL, tingkatkan liquidity, ini amat penting dan banyak peniaga amat berterima kasih kerana dilaksanakan dengan berani walaupun apa juga tuduhan oleh masyarakat Barat.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Rang Undang-undang ini, kita mengucapkan ribuan terima kasih kerana dalam usaha kita memulihkan ekonomi ini selain daripada empat perkara yang saya katakan tadi, usaha untuk mengukuhkan pasaran modal negara ini penting juga. Oleh itu, kalau pagi tadi satu Rang Undang-undang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Rang Undang-undang yang pertama, Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1998 dan petang tadi Rang undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1998, kita mengucapkan syabas bahawa usaha ini selain daripada usaha yang dibuat, usaha untuk meningkatkan kembali kekuatan dan keupayaan pasaran modal itu penting juga dalam usaha untuk kita memulihkan ekonomi negara kita. Sama-samalah kita berdoa supaya insya-Allah, apa juga usaha-usaha kerajaan nanti akan bermanfaat kepada kita rakyat Malaysia. Terima kasih, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Menteri diminta jawab.

3.35ptg.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Menteri Kewangan II menjawab saya ingin menyentuh sedikit perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan dari Batang Lupar.

Yang pertamanya berkenaan dengan Korea menjadi tuan rumah kepada Sukan Olimpik dan sepuluh tahun selepas itu mereka menjadi bankrap. Saya berpendapat mereka tidak sepatutnya menjadi bankrap kerana bukan salah mereka yang perkara ini berlaku kepada mereka. Mana-mana juga negara apabila nilai mata wangnya diturunkan secara mendadak dengan begitu banyak akan menghadapi masalah kerana penurunan nilai mata wang bermakna menjadikan seseorang yang mempunyai wang tiba-tiba miskin dan tidak boleh membayar hutang kerana untuk membayar hutang ianya perlu lebih banyak mata wangnya sendiri, matawang Won yang digunakan di Korea untuk membayar hutang-hutang daripada luar negeri terutamanya. Jika tidak kerana tekanan oleh pihak pedagang mata wang yang menurunkan nilai mata wang, Korea hari ini tidak akan menghadapi masalah. Memang pun cara perniagaan di Korea bergantung kepada 'gearing' yang terlalu tinggi, lebih banyak dihutang daripada modal yang dikumpul. Ini adalah oleh kerana di hampir semua negara Asia Timur, penabungan wang amat tinggi sekali, tidak ada di negara Barat yang menabung wang seperti di Malaysia umpamanya, yang menabung sebanyak 38% daripada GDPnya dan wang ini mesti diberi pinjam, jika tidak apa gunanya kita menabung kalau tidak dipinjam dan diguna untuk perniagaan. Sebab itu syarikat-syarikat di Asia Timur kerap kali meminjam lebih banyak daripada syarikat-syarikat di Eropah dan Amerika kerana di sana mereka tidak menabung dengan begitu banyak.

Jadi apabila mereka hutang dengan banyak dan berlaku kejatuhan nilai mata wang maka sukar bagi mereka untuk membayar hutang mereka, inilah yang menyebabkan syarikat-syarikat Korea menghadapi

masalah dan apabila syarikat menghadapi masalah, tidak dapat tidak negara juga akan menghadapi masalah. Jadi bukan Korea ini bankrap kerana tindakannya sendiri, ianya menghadapi masalah kerana pedagang mata wang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat, kerana ada manipulator dan spekulator yang tidak bertanggungjawab yang menyerang mereka, itu memang satu faktor yang utama. Tetapi kalau asas mereka, fundamental yang cukup kukuh termasuk rizab misalnya US\$150 bilion, mungkin dengan rizab, fundamental dan asas yang begitu kukuh, walaupun serangan yang hebat tidak akan membankrapkannya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau pun rizab besar mereka tidak mungkin melawan hedge fund yang mempunyai wang yang begitu banyak dan boleh leverage sebanyak 20 kali ganda lebih banyak daripada modal mereka. Kira-kira modal hedge fund sekarang adalah sebanyak US\$180 bilion dan kalau mereka leverage sebanyak 20 kali, mereka mempunyai modal sebanyak US\$3.6 trilion. Kerajaan seperti Malaysia umpamanya, mempunyai rizab hanya sebanyak RM20 bilion, jadi apabila kita cuba melawan mereka di Malaysia iaitu apabila kita membeli Ringgit untuk menyebabkan Ringgit naik harga, mereka menjual; kita beli, mereka jual tetapi akhirnya kita tidak ada lagi Dollar Amerika untuk membeli Ringgit, rizab kita turun tetapi mereka masih banyak wang dan mereka masih boleh menjual Ringgit kita berterusan, kita terpaksa mengaku kalah dan kita memiliki Ringgit yang nilainya sudah jatuh dengan teruk. Jadi tidak ada siapa yang boleh lawan dengan hedge fund, ini kata mereka.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan. Bolehkah Yang Amat Berhormat terangkan keadaan di Hong Kong misalnya. Mengapa mereka dapat mempertahankan dalam keadaan yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat?

Perdana Menteri : Mereka dapat mempertahankan di satu pihak iaitu begging dengan US Dollar, tetapi kosnya begitu tinggi, sehingga Hong Kong punya ekonomi sekarang ini sudah rosak kerana interest rate meningkat terlalu sangat, harga properties semua jatuh dan ramai daripada peniaga di Hong Kong menghadapi masalah bahkan bankrap. Jadi kos untuk mempertahankan, kita boleh bertahan setakat yang kita mampu tetapi kosnya terlalu tinggi. Sebenarnya baru-baru ini negara seperti Amerika pun diserang apabila hedge fund seperti LTCM yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin tadi sudah memberi pinjam sebanyak hampir 1 trillion ringgit, sekarang ini tidak dapat balik duit itu dan Federal Reserve terpaksa memaksa 16 buah bank untuk bail out LTCM sebanyak 3.5 billion ringgit. Itupun belum selesai dan sekarang ini sebuah lagi hedge fund sudah bankrap dan beberapa bank akan menghadapi masalah, UBH umpamanya kehilangan sebanyak AS\$450 million dan bank-bank lain juga akan menghadapi masalah. Demikian kegiatan hedge fund ini begitu buruk sekali sehingga negara

yang termaju pun akan menghadapi masalah. Kata mereka kalau mereka mempunyai wang yang unlimited, there is no way, tak ada cara mereka boleh gagal, tetapi apabila Rubble Russia sudah jatuh dengan begitu teruk dan tidak boleh diniagakan lagi maka pelaburan mereka dalam Russia sekarang ini tidak memberi pulangan sama sekali dan mereka menghadapi masalah. Ringgit kita tak berapa banyaklah yang mereka beli, jadi mereka tidaklah berapa teruk sangat tetapi apabila kita mengambil tindakan membekukan Ringgit daripada diniagakan ramai daripada mereka menghadapi masalah kewangan, tidak begitu teruk seperti di Russia.

Jadi Korea, bukan salah Korea yang mereka menjadi bankrap, sebenarnya Korea sudah menjadi OECD country dan sepatutnya menjadi negara maju tidak lama lagi tetapi tindakan hedge fund ini telah menyebabkan Korea menghadapi masalah kewangan yang begitu teruk, demikian juga Indonesia, Malaysia, Thailand, Russia, Latin Amerika dan sebagainya. Mereka seolah-olah memindah apabila sudah hisap darah sehingga kering daripada satu buah negara, mereka pindah kepada yang lain dengan harapan mereka ialah negara yang mereka serang dahulu ini akan pulih semula dan selepas itu mereka akan kembali lagi hisap darah, inilah cara hedge fund. Sekarang ini Alhamdulillah, IMF pun sudah sedar, banyak yang mengaku bahawa masalah sebenarnya ialah kegiatan hedge fund yang merosakkan ekonomi dunia, bukan sahaja ekonomi negara-negara yang kita sebutkan tadi.

Perkara yang kedua yang saya ingin sebutkan ialah berkenaan dengan rating agensi. Rating agensi adalah satu lagi alat yang digunakan oleh Barat untuk memiskinkan negara yang bakal menjadi penyaing mereka dalam pasaran dunia. Dengan cara mereka menurunkan kredit rating maka kita terpaksa membayar faedah yang tinggi kalau kita ingin meminjam. Rating agensi bermula dengan badan yang apabila diminta oleh satu-satu pihak membuat rating maka mereka membuat rating untuk pihak itu dan pihak itu akan membayar kepada mereka kerana rating yang dibuat oleh mereka mengikut maklumat yang ada kepada mereka. Kemudian daripada itu rating agensi berpendapat mereka tidak harus tunggu sehingga diminta oleh sesiapa membuat rating, mereka membuat rating dengan sendiri dan kalau mana-mana pihak mengguna rating mereka pada ketika itu, pihak itu membayar kepada rating agensi. Mereka dapati bahawa pendapat

mereka mempunyai begitu banyak kesan kepada sesiapa yang mereka membuat rating. Dengan itu perasaan angkuh telah timbul di kalangan mereka bahawa mereka boleh menentukan nasib bukan sahaja sebuah syarikat atau bank, tetapi nasib sebuah negara. Kalau negara ingin mengadakan sovereign loan, mereka boleh menjatuhkan rating negara itu dan negara itu terpaksa membayar faedah yang tinggi.

Apabila kita mengumumkan bahawa kita akan menubuh Danaharta untuk menolong NPL - Non Performing Loans mereka tahu bahawa kita perlu meminjam dari negara asing. Apabila sahaja mereka dengar, maka mereka dengan sengaja membuat rating terhadap Malaysia, memburukkan Malaysia supaya kalau kita hendak pinjam kita kena bayar faedah yang tinggi. Sebab itu kita menghadapi kesukaran untuk meminjam dan kita terpaksa mengguna Solomon Smith & Barney untuk menafikan rating yang dibuat oleh Moody dan juga Standard & Poor. Solomon Smith & Barney berkata bahawa rating yang dibuat oleh Moody tidak tepat, ia satu-satunya badan yang berani melawan dengan Moody, sebab itu kita pilih Solomon Smith & Barney. Jadi sepatutnya rating agensi ini dikaji peranannya, sepatutnya dia balik kepada peranan asal, membuat rating apabila diminta sahaja. Tetapi mereka tamak dan angkuh, mereka membuat rating sesuka hati mereka. Kita pun juga mempunyai rating agensi dalam negara kita, tetapi rating agensi dalam negara kita pun menurut cara-cara apa yang dicipta oleh rating agensi asing ini. Sebab itu kita sedang memikirkan apakah cara kita boleh mengawal rating agensi supaya mereka boleh menolong pasaran wang dan bukan menjadi orang yang melemahkan syarikat, ataupun bank ataupun negara, sehingga ekonomi menjadi lebih buruk, bukan lebih baik. Ada cara-cara yang kita sedang memikirkan tetapi kita belum lagi “crystallised” pendekatan kita. Insya Allah, satu hari kita akan dapat caranya dan kita akan memperkenalkan cara-cara ini kepada Dewan ini. Terima kasih.

Dato’ Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di Pertua, saya sekadar hendak menambah penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Amat terhormat telah memberi penjelasan yang terperinci, datang daripada seorang pakar ekonomi dan kewangan walaupun ada pihak-pihak luar yang mengatakan Yang Amat Berhormat tidak tahu mengenai ekonomi dan

kewangan, kepada kami dalam Jemaah Menteri dan juga rakyat Malaysia sesungguhnya Yang Amat Berhormat tahu banyak mengenai ekonomi dan kewangan dan Yang Amat Berhormat merupakan seorang ‘master’ dalam bidang ini. Jadi tidak perlulah saya sebutkan panjang-panjang sangat. [*Tepuk*].

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, Batang Lupar dan Rompin kerana telah

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Dato' Mustapa bin Mohamed: Ya, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tertarik dengan ungkapan Yang Berhormat Dato' Menteri, saya hendak bertanya ada kita dengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selama enam bulan katanya mempelajari kaedah pasaran wang, futures, dia sendiri belajar saya dengar cerita teknik-tekniknya sebelum dia membuat keputusan untuk menetapkan. Saya hendak bertanya adakah ini benar, saya dengar cerita-cerita orang.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tetapi setengah orang belajar tetapi tidak pandai pun, setengahnya belajar bertahun-tahun tidak masuk dalam kepala ada juga, yang banyaknya macam itu, tetapi Yang Amat Berhormat memang mendalami masalah ini dan beliau sesungguhnya memang pakar di negara kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat yang bercakap tadi. Saya hendak menambah berkaitan dengan Korea dan Olimpik tadi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong nampaknya ada sangkaan kurang baik, saya hendak kata jahat pun mungkin melampau, ada sedikit mungkin beliau menyatakan Malaysia akan menjadi, saya harap tidak begitu ya?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak!

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tidak ada sangkaan tidak baik?

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Dia bangun!

Dr. Tan Seng Giaw: Maksud saya begini. Saya percaya kita memang mampu, tetapi kita mesti melihat mengapa di Korea dia mampu tetapi dia masih bankrap dan kita mampu dan kita tidak mahu bankrap, mampu teguh kita makmur.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terima kasih, itu maksudnya. Insya-Allah, Malaysia boleh, kita akan mengikut jejak langkah beberapa negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kelemahan-kelemahan dalam BSKL, Ahli Yang Berhormat dari Kepong minta dikaji, memanglah kita dari masa ke semasa bukan sahaja mengkaji tetapi mengambil tindakan, malah pindaan rang undang-undang yang diperkenalkan hari ini dan esok adalah antara lain untuk

mengemaskinikan BSKL dan mengatasi kelemahan yang mungkin, umpamanya yang berkaitan dengan nominee, berkaitan dengan insider trading, berkaitan dengan enforcement, ini semua adalah bertujuan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan. Jelas sekali bahawa BSKL terpengaruh dengan CLOB dan pasaran luar negara.

Jadi, dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan ini, sudah pasti BSKL akan menjadi teguh dan kuat dan kita mampu melindungi kepentingan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan etika, ini satu perkara yang sentiasa diberi penekanan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab dan kita tidak ragu-ragu bahawa semua yang bertanggungjawab akan berpegang teguh kepada etika.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri telah menjawab tentang rating dan bagaimana ia boleh berlaku, cuma saya hendak menyebut bahawa sebelum ini Malaysia merupakan 'darling' kepada international financial community, dengan izin kerana rating yang begitu tinggi yang diberikan kepada Malaysia, ramai yang dengan izin, knock on our doors, untuk memberikan pinjaman kepada Malaysia sebelum ini, tetapi setelah diserang oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, para spekulator dan manipulator ini kita dapati mata wang kita telah pun turun dengan begitu ketara dan mereka pula yang membuat angkara, yang memudaratkan lagi, yang pokok pangkalnya berpunca daripada kerenah mereka iaitu menyerang mata wang kita para spekulator dan manipulator ini selepas itu mereka memudaratkan lagi dengan merendahkan rating kita.

Tuan Yang di-Pertua, lain-lain perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu banyak yang tidak ada berkaitan dengan Bil ini, itu biasalah, tetapi Yang Amat Berhormat telah pun memberi penjelasan yang panjang lebar, yang kita yakin akan membantu kita memahami masalah yang kita hadapi.

Berkaitan dengan pinjaman luar negara ini memanglah kita perlu sedikit pinjaman luar negara dalam keadaan sekarang ini mereka telah merendahkan rating kita menyebabkan dua perkara.

Yang pertama, sukar sedikit untuk membuat pinjaman.

Yang keduanya, walaupun boleh kadar faedahnya tinggi.

Dalam hubungan ini, saya ingin menyatakan bahawa pada peringkat awalnya umpamanya keperluan Danaharta yang antara lain ialah untuk mengatasi masalah NPL, anggarannya tinggi sekali, tetapi setelah langkah-langkah yang diumumkan oleh Bank Negara khususnya dalam seminggu lalu, pada masa ini keperluannya sudah menurun dengan begitu banyak.

Kita berharap keperluan Danaharta untuk pembiayaan cuma RM5,000 juta, kalau ini berlaku, maka keperluan kita untuk meminjam keperluan luar negara juga akan berkurangan dan dengan itu akan mengurangkan bebanan kita.

Jadi, yang saya ingin fahamkan ialah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan bermula 1 September dan pengumuman-pengumuman yang telah dibuat oleh Bank Negara bukan sahaja berjaya melindungi kepentingan negara tetapi ini juga telah mengukuhkan kedudukan ekonomi negara dengan mengurangkan NPL dan dengan itu mengurangkan keperluan Danaharta untuk dananya, kalau dahulu dananya tinggi keperluannya dan memerlukan ia meminjam dari luar negara, hari ini dana yang diperlukan oleh Danaharta berikutan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan telah berkurangan dengan banyak dan dengan itu kita merasakan, walaupun kita mengakui kita masih perlu meminjam dari luar negara, keperluannya kita telah banyak berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, tanya Kepong apakah persediaan kita untuk menghadapi kemerosotan ekonomi dunia, kita telah pun mengambil langkah-langkah yang telah diketahui umum, selain itu kita tahu bahawa ekonomi negara kita juga ada sedikit sebanyak bergantung kepada keadaan luar negara, hari ini keadaannya kurang menentu walaupun kita mampu untuk melindungi kepentingan kita, kita mengakui ada perkara-perkara yang di luar kawalan kita.

Jadi, kita telah pun berjaya untuk melindungi kepentingan ekonomi negara kita, mengukuhkan kedudukan ekonomi. Pada masa yang sama jika ekonomi dunia merosot oleh kerana kita masih lagi merupakan, dengan izin, open economy, sudah pasti ini sedikit sebanyak akan menjejaskan kedudukan ekonomi negara kita, walau apapun yang telah kita lakukan untuk melindungi kepentingan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar membangkitkan beberapa perkara, ada di antaranya telah disebut dan dijawab oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri, beliau antara lain menyarankan supaya rakyat umum diberitahu apa itu CLOB, macam mana kita menetapkan kadar Ringgit berbanding Dolar Amerika ditetapkan RM3.80, saya ucap terima kasih, memanglah mungkin walaupun banyak penjelasan telah diberikan, banyak lagi pihak yang tidak mengetahui apa itu CLOB.

CLOB ini ditubuhkan oleh Bursa Saham Singapura (SES) pada 2 Januari 1990 bagi membolehkan pelabur Singapura berniaga dalam sekuriti antarabangsa yang disenaraikan di Bursa asing terutamanya sayrikat-syarikat Malaysia, ditubuhkan pada tahun 1990, benarlah kira-kira lapan tahun sudah beroperasi, jumlah syarikat Malaysia yang didagangkan di CLOB sebanyak 112 ada kira-kira 172,420 pelabur bilangan pelabur-pelabur di CLOB ini ramai, tetapi yang lebih penting bagi kita dalam konteks ini ialah urusniaga saham syarikat Malaysia di CLOB telah memberi kesan terhadap kestabilan pasaran kita. Ini yang penting, itu sebabnya kita mengambil tindakan langkah yang kita ambil meminda undang-undang ini sebagai contoh, kegiatan jualan singkat di CLOB dan kegiatan pinjam-meminjam umpamanya sekuriti di kalangan peserta-peserta pasaran boleh memberi kesan negatif kepada BSKL, ini yang telah berlaku. Apa yang berlaku di CLOB pasaran luar Malaysia, apa yang berlaku di CLOB seperti short-selling dan lain-lain telah memberi kesan negatif kepada Bursa Saham kita.

Mengenai penetapan kadar RM3.80 bagi setiap Dolar Amerika, yang penting dalam konteks ini penetapan kadar ini adalah berdasarkan kepada apa yang dipanggil, dengan izin, *underline forces* iaitu kekuatan dan kedudukan ekonomi Malaysia, dengan izin, ia bukan satu kadar yang *undervalued* ataupun *overvalued*, ia merupakan satu kadar yang munasabah, itulah sebabnya kenapa ia mampu bertahan, ia merupakan kadar yang *prevailing*, dengan izin, hari sebelumnya dan kadar ini telah bertahan setakat ini dan inilah antara lain menyebabkan tidak ada umpamanya *black market* dalam pasaran tukaran asing di Malaysia kerana kadar ini merupakan kadar yang amat munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, itulah antara isu-isu penting yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar. Satu perkara lagi ialah berkaitan dengan penguatkuasaan. Beliau memberi ingatan semoga Suruhanjaya Sekuriti menguatkuasakan segala peraturan undang-undang dengan sebaik mungkin, saya ingin memberi jaminan di sini bahawa Suruhanjaya Sekuriti kita mempunyai kemampuan bukan sahaja dari segi kepakarannya, pegawainya dan hari ini undang-undangnya mempunyai kemampuan untuk menguatkuasakan segala peraturan dengan baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Rompin membangkitkan dua isu termasuklah berkaitan dengan *market forces* yang dijadikan sebagai agama bagi setengah-setengah media Barat yang menghukum kita kerana tidak ikut mereka, kita ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Rompin kerana telah jelas sekali beliau memahami apa yang berlaku pada hari ini termasuklah masalah LTCM dan juga masalah-masalah yang berlaku di Jepun *credit leasing* dan lain-lain dan kenyataan beliau telah menambahkan lagi kefahaman Ahli-ahli Yang Berhormat tentang isu-isu, masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh negara pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja penjelasan saya, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, Batang Lupar dan Rompin kerana telah menyokong termasuk Kepong, terima kasih banyak Kepong pun sokong walaupun beliau banyak soalan tetapi beliau menyokong, kita ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana menyokong pindaan kepada rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua [Dato'Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA SEKURITI (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Ketiga

4.03 ptg.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Sekuriti adalah sebuah badan pengawalseliaan yang ditubuhkan pada bulan Mac 1993 iaitu 5 tahun yang lalu sebagai pengawas sekuriti serta untuk membangunkan pasaran. Beberapa bahagian terdapat di Securities Commission ini termasuklah Bahagian Pengawasan Pasaran - bertanggungjawab ke atas pelesenan, pengawasan, pemeriksaan, penyiasatan dan pendakwaan. Bahagian-bahagian lain termasuklah Dasar dan Pembangunan, Pengeluaran Sekuriti dan Pelaburan dan Bahagian Sumber Korporat serta beberapa jabatan di bawah pejabat pengerusi. Pada masa ini terdapat SC (Suruhanjaya Sekuriti) mempunyai kira-kira 400 orang kakitangan, sebahagian besarnya merupakan kakitangan profesional. Dalam menyempurnakan objektif dasar dalam pasaran saham, adalah perlu bagi kerajaan memastikan pengawalselia utama sekuriti iaitu Suruhanjaya Sekuriti mempunyai kuasa penuh, mengawasi dan menguatkuasakan undang-undang sekuriti seperti yang dicadangkan untuk dipinda dalam sesi Dewan pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat 12 pindaan dalam rang undang-undang ini; 6 daripada Fasal-fasal dalam rang undang-undang ini adalah pindaan substantive iaitu Fasal 4, 6, 7, 8, 10 dan 12; selebihnya merupakan pindaan sampingan iaitu

consequential Fasal 1, 2, 3, 5, 9 dan 11. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memperincikan beberapa pindaan yang dicadangkan di bawah rang undang-undang ini.

Keupayaan agensi kawal selia perlu dipertingkatkan untuk menguatkuasakan dan mengambil tindakan serta-merta ke atas mereka yang melanggar kaedah-kaedah dan undang-undang yang mentadbir industri sekuriti. Agensi berkenaan termasuklah Suruhanjaya Sekuriti untuk menyelia dan menyiasat BSKL, pusat penjelasan diiktirafkan iaitu Securities Clearing Automated Network Services (SCANS) dan Depositori Pusat Malaysia (MCD) yang merupakan organisasi kawal selia sendiri untuk mengambil tindakan yang efektif terhadap pelanggaran kaedah-kaedah mereka.

Untuk memastikan agensi-agensi ini berkesan dalam menguatkuasakan undang-undang, beberapa pindaan dicadangkan untuk meningkatkan lagi keupayaan Suruhanjaya Sekuriti bagi memastikan bahawa segala peraturan dapat dikuatkuasakan dengan sebaik mungkin. Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Yang pertama, Fasal 2 bertujuan meminda takrif “Mahkamah” untuk merangkumi Mahkamah Rendah bertujuan untuk mengelakkan kelemahan yang sedia ada dalam undang-undang berhubung dengan keupayaan Suruhanjaya Sekuriti memperkenalkan keterangan di dalam Mahkamah Rendah. Mahkamah Rendah, seperti sedia maklum sekarang ini mempunyai kuasa-kuasa yang lebih luas setelah beberapa pindaan undang-undang diperkenalkan. Memandangkan bidang kuasa Mahkamah Rendah bertambah luas dari masa ke semasa, kebanyakan kesalahan di bawah undang-undang sekuriti boleh didengar pada hari ini oleh Mahkamah Rendah. Oleh itu, adalah penting bagi Suruhanjaya Sekuriti setelah mendapat kelulusan untuk mendakwa pelanggaran suatu undang-undang sekuriti mempunyai kebolehan dan kemampuan mengemukakan keterangan yang didapati semasa penyiasatan di dalam Mahkamah Rendah.

Yang kedua, pindaan kepada Fasal 4 bertujuan memperkenalkan dua seksyen baru iaitu 35A dan 35B bagi menjelaskan peranan pemeriksaan oleh Suruhanjaya Sekuriti ke atas perantara-perantara berlesen dan organisasi kawal selia sendiri dalam industri sekuriti. Peruntukan seksyen 35 sedia ada tidak memberi perbezaan yang jelas di antara peranan pemeriksaan dengan peranan penyiasatan Suruhanjaya Sekuriti. Satu penyiasatan dimulakan apabila disyaki berlaku pelanggaran undang-undang sekuriti, manakala pemeriksaan ke atas perantara-perantara berlesen dalam organisasi kawal selia sendiri dijalankan atas dasar rutin, memperlihatkan fungsi Suruhanjaya Sekuriti dalam mempengaruhi pengawalseliaan pasaran adalah berterusan. Oleh itu, dua seksyen baru ini akan menjelaskan peranan pemeriksaan Suruhanjaya Sekuriti.

Pada masa ini, yang ada di dalam peruntukan undang-undang cuma kuasa untuk menyiasat. Tidak ada kuasa ataupun ditetapkan dengan jelas aktiviti pemeriksaan iaitu, dengan izin routine examination, jadi yang hendak dibuat di sini ialah untuk membezakan dua tugas ini. Sudah pasti tugas pemeriksaan, dengan izin, kurang honourest berbanding dengan tugas penyiasatan. Itulah sebabnya kenapa perlu dibezakan kedua-dua tugas Suruhanjaya Sekuriti berkaitan perkara ini.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5 dicadang dipinda seksyen 38 dengan menambahkan penalti bagi kegagalan mengemukakan dokumen yang dikehendaki oleh pegawai penyiasat dari RM50,000 dan penjara selama tempoh 3 tahun kepada RM1 juta dan penjara selama tempoh 5 tahun. Peningkatan yang ketara dalam penalti yang dicadangkan ini adalah untuk sebagai, dengan izin, deterrent atau untuk menghalang pihak-pihak yang akan melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, dalam menjalankan penyiasatan Suruhanjaya Sekuriti, dokumen dan artikel disita bagi maksud keterangan menurut peruntukan di bawah seksyen 36. Walau bagaimanapun, tidak ada peruntukan - tidak seperti Kod Prosedur Jenayah berhubung dengan penahanan dokumen atau

artikel yang disita itu atas penutupan penyiasatan atau apa-apa proceeding yang timbul berikutan daripada itu. Dengan itu, Fasal 6 bertujuan memasukkan seksyen 36A hingga 36C yang memperuntukkan prosedur yang mana pegawai penyiasat boleh memulangkan dokumen-dokumen tersebut. Prosedur ini adalah bersamaan dengan peruntukan oleh seksyen 413, 414, 415, 416 Kod Prosedur Jenayah. Apa yang hendak dibuat di sini ialah untuk menyeragam dan menyelaraskan peraturan-peraturan yang diamalkan oleh SC dengan peraturan-peraturan yang sedia termaktub di bawah Kod Prosedur Jenayah. Adalah tidak munasabah dan tidak wajar sekiranya di bawah CPC (Kod Prosedur Jenayah) peraturannya berbeza daripada di bawah akta ini.

Yang kelima, Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan penyiasatan Suruhanjaya Sekuriti didapati bahawa saksi-saksi yang utama kepada penyiasatan cuba mengelak daripada cubaan pegawai penyiasat untuk menghubungi mereka ataupun mereka kadang-kadang menghilangkan diri terus, lari ke luar negara dan tidak dapat hendak dikesan oleh pihak berkuasa. Oleh itu Fasal 6 bertujuan memperkenalkan seksyen baru 36D di mana pegawai penyiasat Suruhanjaya Sekuriti diperuntukkan kuasa setelah mendapat kelulusan Suruhanjaya Sekuriti mengkehendaki mana-mana orang yang menjadi subjek penyiasatan supaya menyerahkan kad pengenalan, passport atau mana-mana dokumen perjalanan yang lain. Pada masa ini tidak ada peruntukan ini dan peruntukan ini diperkenalkan untuk memudah dan menguatkan lagi kuasa yang ada kepada Suruhanjaya Sekuriti membolehkan ia menahan, dengan izin, travel documents mereka yang telah melakukan kesalahan.

Yang keenam, Tuan Yang di-Pertua, Fasal 8 memperkenalkan seksyen baru 38A yang menjadikan kesalahan apabila seseorang membinasakan, menyembunyikan, mencatitkan ataupun mengalihkan daripada premisnya atau menghantar ke luar Malaysia apa-apa rekod atau akaun di dalam pegangannya yang dikehendaki oleh pemeriksa atau pegawai penyiasat. Penalti bagi kesalahan ini adalah amat berat iaitu tidak melebihi RM10 juta. Ini yang paling tinggi sekali

di bawah akta ini, sesiapa yang membinasa, menyembunyi, mencacat, mengalihkan daripada premisnya atau menghantar keluar rekod daripada Malaysia ini, penalti yang dikenakan amat berat iaitu denda tidak melebihi RM10 juta atau penjara tidak melebihi tempoh 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Yang ketujuh, Tuan Yang di-Pertua, satu kelemahan dalam akta sekarang adalah bagi kesalahan di bawah akta ini, Suruhanjaya Sekuriti tidak mempunyai kuasa mengkompaun. Fasal 10 memperkenalkan seksyen baru 39C yang memberikan kuasa kepada Suruhanjaya Sekuriti untuk mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah SCA dengan persetujuan Pendakwa Raya.

Ini satu omission, dengan izin yang serius dan dengan adanya kuasa mengkompaun ini diharap dapat melicinkan kerja-kerja Suruhanjaya Sekuriti. Untuk makluman di bawah BAFIA umpamanya, pelanggaran peraturan undang-undang oleh institusi kewangan membolehkan Bank Negara umpamanya mengenakan kompaun tetapi di bawah Akta SCA ini tidak ada peruntukan yang sama. Jadi kuasa untuk mengkompaun ini adalah antara lain untuk menyelaraskannya dengan beberapa undang-undang yang lain khususnya BAFIA.

Yang kelapan, pengalaman Suruhanjaya Sekuriti berhubung jenayah komersial menunjukkan maklumat yang diberi oleh orang-orang dalam adalah penting kepada kejayaan serta penyiasatan. Walau bagaimanapun orang-orang dalam ini selalunya tidak memberikan maklumat secara sukarela kerana takut kepada intimidasi atau risiko ke atas diri mereka sendiri.

Oleh itu Fasal 10 – bertujuan memperkenalkan seksyen baru 39D yang memperuntukkan perlindungan kepada pemberi maklumat dan maklumat yang diberi. Dengan ini kita berharap lebih ramai akan tampil ke hadapan untuk memberi maklumat. Sekarang ini tidak ada perlindungan sedemikian kepada mereka yang berhasrat untuk memberi maklumat kepada pihak berkuasa iaitu Suruhanjaya Sekuriti.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, kelemahan dalam penyiasatan berhubung dengan nominee adalah apabila nominee tersebut bermastautin di luar negara. Kalau di luar negara susah kita hendak mengambil tindakan. Apabila nominee itu bermastautin di Singapura umpamanya ataupun tempat-tempat lain – tempat berlindung cukai di mana undang-undang rahsia adalah ketat, penyiasatan secara tidak langsung menghadapi jalan buntu. Dengan itu adalah amat penting supaya diadakan kerjasama silang ataupun dengan izin, reciprocity antara dua badan pengawal selia itu mengenai siasatan yang dijalankan.

Oleh itu Fasal 12 - bertujuan meminda seksyen 43B untuk membolehkan Suruhanjaya Sekuriti membantu penyiasatan yang dijalankan oleh pihak berkuasa asing sekiranya melibatkan kepentingan awam dan peraturan timbal balik reciprocal arrangements di antara kedua-dua belah pihak. Ini membolehkan pihak SC mengadakan kerjasama dengan pihak kawal selia luar negara atas pertimbangan reciprocal arrangements dan kita berharap dengan pertukaran ini membolehkan mereka yang melakukan kesalahan di luar Malaysia umpamanya dapat diambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada akta ini adalah perlu bagi mempertingkatkan lagi kemampuan agensi kawal selia untuk mengambil tindakan serta-merta ke atas mereka yang melanggar undang-undang dan kaedah-kaedah yang mentadbir industri sekuriti. Di samping itu pindaan ini juga adalah untuk menyokong tindakan-tindakan secara pentadbiran yang telah diambil oleh BSKL, SCANS dan MCD supaya segala tindakan kerajaan adalah sah dari segi undang-undang.

Matlamat akhir kepada ke semua pindaan yang saya sebutkan tadi seperti juga rang undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga yang baru diluluskan. Matlamat akhir adalah untuk mengembalikan semula keyakinan pelabur-pelabur terhadap pasaran saham negara

dan melindungi negara kita daripada kesan-kesan yang tidak baik yang datangnya dari luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kubang Kerian.

4.15 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, di peringkat dasar ini saya ingin memberi beberapa pandangan terutama sekali semua pihak mengakui, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri akui bahawa sistem ekonomi hendaklah disusun semula. Kalau kita lihat bahawa Islam awal-awal lagi amat memusuhi Yahudi. Dalam ucapan-ucapan tertutup Yang Amat Berhormat Perdana Menteri banyak menyelar Yahudi. Walaupun secara terbuka barangkali beliau ada masalah-masalah tertentu demi kepentingan negara tetapi tidak dapat disembunyikan bahawa inilah dia Yahudi yang dimusuhi oleh Islam, yang dimusuhi oleh Nabi Muhammad s.a.w. dan nabi-nabi yang lain iaitu mereka ingin menguasai dunia seperti yang digambarkan dalam protokol-protokol mereka. Yahudi menganggap selain daripada Bani Israel adalah “ghayim”, “lembu” sama ada dia Cina, India atau orang Putih. Oleh itu mereka akan memperhambakan.

Kejadian yang berlaku semasa Perang Dunia Pertama, Perang Dunia Kedua dan masalah ekonomi sekarang ini tidak dapat lari - ini perbuatan Yahudi. Walaupun dalam majlis tertutup Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akui satu perkara yang sukar untuk kita lawan tetapi negara hendaklah berfikir secara serius, pakar-pakar ekonomi dalam semua agama khususnya beragama Islam fikir secara serius bolehkah kita hadapi Yahudi dengan sistem Yahudi. Sekarang tiba masa

untuk kita fikir sistem yang boleh lawan Yahudi. Sekarang baru kita boleh fikir kenapa Nabi Muhammad s.a.w. menghalau Yahudi selepas Perang Ahzab. Bagaimana Hitler sanggup membunuh orang Yahudi walaupun kita tidak menyokong pembunuhan itu, tetapi inilah akibat-akibat walaupun orang lain cuba mencerita sejarah Yahudi.

Di lain prospektif dia akan dihukum seperti seorang penulis yang menceritakan soal Holacars dalam lain bentuk dia cuba dibicarakan di mahkamah Peranchis. Ini semua hendaklah menjadi renungan kepada kita sungguh-sungguh tentang peranan ekonomi terbuka yang dimainkan selama ini. Bukan tidak ada pandangan-pandangan dan teguran-teguran sebelum ini dibuat misalnya oleh Profesor Dr. Jomo ketika ekonomi sedang hebat berkembang di kadar 9%. Beliau mengatakan bahaya pasaran terbuka seperti “sangkar burung” yang dibuka begitu luas untuk “burung datang makan”, kita harap “burung masuk tetapi burung datang makan – kenyang dan dia terbang semula”. Ditegur ketika itu tetapi waktu itu pemerintah mendabik dada, kita mempunyai sistem yang kuat dan tidak ada apa-apa yang akan berlaku kepada kita. Walaupun waktu itu ditegur oleh pakar-pakar ekonomi yang lain tentang keadaan ekonomi terbuka yang merbahaya tetapi kita tidak mahu insaf dan tidak mahu terima. Tidak apalah, itu sejarah berlalu tetapi sekarang kita kena terima. Waktu itu kita seronok membincang masalah beli saham RM1.00 dapat RM8.00. Adakah ianya untung perniagaan ataupun spekulasi?

Ahli ekonomi dan juga ulama Ayatollah Baker As-Sadar ketika orang mabuk kebendaan beliau telah mengemukakan bahawa riba itu bukan hanya fee interest ataupun bunga tetap tetapi juga untung berganda. Sayang, ulama seperti ini dan ahli ekonomi yang hebat yang bukunya dipakai di merata-rata universiti di Eropah dibunuh oleh Rejim Ba’az di Iraq. Sedangkan pandangan-pandangannya

itu untuk melawan kebangkitan ekonomi pada waktu itu yang dicorak oleh Yahudi terutama selepas Perang Dunia Kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kita lihat sekarang Yahudi boleh berlagak seperti Tuhan, boleh memiskinkan dan memajukan mana-mana negara. Sebab itu kita kena fikir secara serius sekarang ini bagaimana hendak melawan golongan ini. Sebab itu bila Al-Quran beritahu perangai-perangai Yahudi jangan kita ignore begitu sahaja. Sekarang kita dan dunia terima hasil daripada perbuatan Yahudi. Jangan lupa konsep Yahudi iaitu mereka boleh mengenakan riba kepada orang lain tetapi tidak boleh mengenakan riba sesama mereka. Inilah yang mereka mainkan sepanjang zaman yang Al-Quran menceritakan soal kejahatan-kejahatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat memang kadangkala sekarang sudah menjadi argument ekonomi tertutup, ekonomi terbuka mana lebih baik. Kalau kita pergi India memang kita rasa jemu apabila kita naik kereta ambasador kereta yang dalam filem Hindustan itu sahaja ataupun jip yang baru mereka cipta (tatar). Lain-lain kereta mewah tidak ada kita anggap negara mereka tidak maju. Begitu jugalah China, ada pelawat negeri kita pergi ke negara China sepuluh tahun dahulu. Mereka berkata negara China seperti keadaan negeri kita sebelum perang. Sebab mereka tidak mahu buka pasaran mereka dan dilihat dari satu segi mereka lambat maju. Tetapi setelah mereka membina domestik ekonomi mereka iaitu ekonomi dalaman mereka, mereka boleh melonjak keluar dan kita lihat Barat susah hendak mengapa-apakan mereka kerana domestik ekonomi mereka hampir selesai.

Sebab itu bila Pakistan meletupkan nuklear dan India meletupkan nuklear, bila Barat mengenakan sedikit economic sanction, yang lebih parah ialah Pakistan dibandingkan dengan India kerana pasaran domestik tempatan India itu telah ada. Jadi, sekarang sudah ada argument mana lebih baik pasaran terbuka atau pasaran tertutup. Bahkan di Russia sendiri sekarang orang menganggap lebih baik Russia terus dengan sistem komunis pasaran tertutup. Sebab bila ia buka pasarnya sekarang, maka Russia boleh dimainkan sehingga 'Ruble'nya begitu rendah.

Kita lihat Iran, dahulu ia mengamalkan pasaran terbuka. US\$1 lebih kurang 700 Riyal. Tetapi bila diboycott oleh Barat, Riyalnya jatuh US\$1 kepada 6,000 Riyal. Tetapi mereka membina ekonomi domestik mereka dan sekarang mereka mampu bertahan, bahkan sedang melonjak keluar. Semuanya ini ahli-ahli ekonomi yang begitu banyak dapat Ph.D, kadang-kadang kita pun hairan apa mereka buat. Mereka kadang-kadang tidak tahu bila kita tanya ahli ekonomi kenapa jadi begini, "aku pun tidak tahu". Jadi, kita hairan. Suasana seperti ini perlu kita ambil sungguh-sungguh. Misalnya ekonomi kampung yang konservatif perlu kita fikir balik. Misalnya sistem 'kut' di kampung, untuk membebaskan ekonomi, sebulan RM100 untuk membantu ekonomi, kenapa kita tidak boleh buat begitu di peringkat ASEAN ada 10 buah negara. Tahun ini misalnya kita bantu Thailand RM10 bilion dari 10 buah negara. Tahun depan RM10 bilion bantu Indonesia. Tahun yang ketiga bantu Brunei. Sistem-sistem seperti ini perlu difikirkan semula. Walaupun sistem 'kut' ini ala-kampung, tetapi inilah orang kampung dapat membebaskan ekonomi mereka. Jangan kita terlalu angkuh dengan falsafah Barat, ekonomi Barat, riba. Kalau tidak boleh sebut term-term ekonomi itu dianggap tidak bijak.

Sekarang seorang doktor boleh bercakap hal ekonomi. Orang-orang ekonomi kadang-kadang proses ekonomi tidak tahu. Ini bermakna ekonomi bukan satu teori, ianya satu praktikal. Kita kena lihat sungguh-sungguh bahawa sistem riba yang diasaskan Yahudi itu dikaji sungguh-sungguh bahawa ianya mengancam dunia. Dunia yang hendak dilembukan oleh Yahudi itu mesti kita keluar dan fikir sungguh-sungguh untuk kembali kepada sistem yang Al-Quran beri amaran daripada awal dahulu kita ikut juga. Kita tidak patuh kepada arahan itu, ini

padahnya yang diterima oleh semua manusia sekarang. Yahudi sampai hari Qiamat memang kerja dia begitu untuk melingkupkan negara-negara lain. Tetapi kita diberi pedoman untuk melawan mereka. Sekian pandangan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Kepong, selepas itu Yang Berhormat Menteri diminta jawab.

4.23 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, setelah saya meneliti apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri dan juga selepas membaca dengan terperinci apa yang terkandung di dalam rang undang-undang, saya mendapati bahawa ada beberapa perkara di mana kita nampak kuasa untuk Suruhanjaya Sekuriti sudah bertambah, kuasa untuk menyita, kuasa untuk mendenda, kuasa untuk menghadap ke mahkamah dan sebagainya sudah dipertingkatkan sehingga satu syarikat atau koperasi boleh didenda sampai RM10 juta. Ini memang memberi kuasa yang lebih kepada Suruhanjaya Sekuriti. Kerana kuasa yang lebih kita meminta di dalam 400 orang kakitangan, semua ini memang benar-benar profesional sebab kita tidak mahu melihat perkara-perkara yang tidak diingini berlaku, termasuk menyalahgunakan kuasa yang besar. Ini memang saya sentiasa tekankan kerana kita takut Suruhanjaya Sekuriti kita tidak begitu berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita sentiasa mengesyaki bahawa setakat ini keberkesanan Suruhanjaya Sekuriti tidak begitu sangat. Kalau kita lihat sebelum krisis ekonomi 14 bulan yang lalu terutamanya syarikat-syarikat di papan kedua bukan main dahsyat nilai saham itu melambung naik, jatuh dengan begitu hebat, tidak mengikut asetnya, tidak mengikut capitalisation dan sebagainya. Ini memang setelah kita luluskan rang undang-undang, saya berharap perkara seumpama ini yang tidak berdasarkan, berteraskan kepada asas-asas yang kukuh, tidak akan berlaku lagi di Bursa Saham Kuala Lumpur. Itu memang satu perkara yang kita harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak daripada hujah-hujah Pengarah Suruhanjaya Sekuriti memang beliau menggalak kepada penggabungan syarikat-syarikat dan sebagainya. Ini termasuk bank, institusi kewangan dan insurans. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sentiasa tekan hendak gabungkan syarikat-syarikat ini, iaitu bank, institusi-institusi kewangan dan insurans. Saya pun hairan juga kenyataan demi kenyataan. Tetapi hakikat dan kenyataan itu tidak wujud penggabungan. Apakah sebab? Cuma cakap sahaja. Apakah masalah, adakah kerana peraturan-peraturan tidak menggalakkan syarikat-syarikat ini bergabung. Saya setuju dengan ekonomi global kita mesti ada syarikat-syarikat, bank-bank yang lebih besar, modal yang lebih besar untuk bersaing, itu memang kita semua bersetuju. Cuma sekarang macam mana kita mencapai matlamat ini. Misalnya kita ada 54 syarikat insurans, ada kecil-kecil belaka banyaknya. Tetapi entahlah berapa tahun kita hendak gabungkan. Apakah masalah?

Tuan Yang di-Pertua, saya tekankan masalah ini kerana kita hendak sama-sama menjayakan ekonomi kita, memulih ekonomi dan sama-sama kita hendak tambahkan daya saing syarikat-syarikat kita. Tetapi nampaknya kita menghadapi kebuntuan yang besar. Saya pun tidak tahu sebab pada akhirnya dengan tertubuhnya Danaharta modal, masalah penggabung bank, institusi kewangan dan insurans itu dilupakan sekarang buat sementara itu. Mungkin kerana syarat-syarat yang dikenakan kepada pihak mereka itu tidak munasabah. Apabila syarikat-syarikat bergabung, syarikat yang asalnya mungkin tuan punya ataupun pemilik saham tidak dapat keuntungan ataupun tidak dapat pampasan yang secukup dan sebagainya. Saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab soalan saya mengenai penggabungan syarikat-syarikat tersebut. Jangan kita kata ini terkeluar kepada bidang Suruhanjaya. Memang kalau kita hendak laksanakan, penguatkuasaan

kuasa-kuasa yang diberi kepada mereka memang ini termasuk penggabungan syarikat-syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak tekankan, dalam beberapa tahun ini ada syarikat yang baik dan kukuh diwujudkan. Tetapi ada syarikat-syarikat yang memang syarikat daripada pintu belakang ditubuhkan. Saya berharap Suruhanjaya Sekuriti menjalankan tugas dengan baik, kita elakkan semua syarikat pintu belakang ini. Kerana kita boleh lihat apabila berlakunya kegawatan ekonomi, krisis ekonomi, syarikat-syarikat daripada pintu belakang itu sudah menghadapi kesusahan, kerana mereka tidak berteraskan kepada asas yang kukuh.

Ini bermakna kita tidak boleh membenarkan Suruhanjaya Sekuriti kita mempunyai unsur politik parti, tidak boleh, kita tidak mahu menyaksikan apabila perhimpunan sebuah parti siasah sebelum itu pasaran saham bergerak dengan harga-harga saham syarikat-syarikat yang tertentu melambung naik dan sebagainya. Ini bermakna unsur politik parti ini tidak begitu sihat selagi unsur politik parti ini wujud maka Suruhanjaya Sekuriti tidak boleh memainkan peranan yang berkesan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan mesyuarat]

Itulah saya tekankan hari ini dan saya tidak mahu lagi menyaksikan unsur seumpama ini wujud di Bursa Saham Kuala Lumpur dan mujurlah dengan krisis ekonomi ini kita menggunakan kesempatan ini untuk menghapuskan semua unsur-unsur yang tidak sihat dan pada tahun hadapan saya mahu saksikan, hendak tengok Suruhanjaya Sekuriti ini benar-benar memainkan tugas yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Sekuriti sudah mengumumkan mengenai dasar dan garis panduan untuk memudahkan syarikat-syarikat mendapatkan modal dengan lebih mudah daripada pasaran modal. Ini termasuk dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, the issuance of convertible and warrants turning dilution for acquisition exercises and profit forecast and projection. Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada sedikit sebanyak penjelasan tetapi saya tidak begitu faham apakah variasi yang dibuat oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti untuk mempermudah, untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat kerana susah

untuk mendapat modal dan adakah dengan fleksibiliti ini susah untuk kita mengawal kegiatan syarikat-syarikat yang hendak mendapat modal.

Itu yang pertama saya bangkitkan di sini dan seterusnya mengenai masalah, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, capital adequacy, setahu saya pihak Suruhanjaya Sekuriti sudah mengarah Bursa Saham Kuala Lumpur untuk mengadakan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, to introduce by the end of this year a risk based capital adequacy requirement for member companies. Risk adjusted capital adequacy requirement has been on the agenda for couples of years and as a dynamic regime it would take into consideration the difference types of risk including credit liquidity and market risks.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ini satu masalah yang agak sofistikated tetapi bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan apakah yang dimaksudkan dengan year end, a risk based capital adequacy requirement for member companies kerana ada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini tidak begitu faham dan tidak dapat mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Saya nampak Padang Terap pun sekarang jadi begitu muram seperti mana kegawatan ekonomi juga. *[Ketawa]* Satu masalah lagi mengenai, Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Sekuriti sudah pun membuat kenyataan bahawa ia akan memastikan financial integrity of the market, dan pihak Suruhanjaya Sekuriti hendak mengambil langkah-langkah yang perlukan untuk tujuan ini. Saya setuju kalau kita hendak adakan integriti untuk pasar-pasar kita dan juga dengan pentadbiran korporat yang baik, telus yang telahpun disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tetapi bolehkah Yang Berhormat menerangkan keadaan ketelusan dengan pendedahan maklumat oleh syarikat-syarikat yang disenaraikan sebab kalau kita hendak adakan satu keutuhan integriti untuk pasar-pasar kita memang maklumat daripada syarikat-syarikat yang disenaraikan itu mestilah cukup untuk orang ramai supaya kita dapat melihat apakah sebenarnya berlaku di syarikat-syarikat tersebut. Itu memang satu perkara yang saya sentiasa tekankan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya sentiasa bimbang iaitu mengenai audit dalaman. Satu perkara yang penting kerana kita perlukan pengaudit yang pakar yang memang profesional dan adakah Suruhanjaya Sekuriti mempunyai pengaudit-pengaudit yang benar-benar pakar dan profesional dan apakah rancangan untuk mewujudkan satu sistem pengauditan yang lebih ketat dan berkesan untuk menjaga laporan audit dalaman. Adakah hukuman yang begitu berat mengenai dokumen yang akan ambil keluar oleh sesuatu syarikat di dalam siasatan dan adakah sama penting kita memastikan laporan audit dalaman itu dikemukakan dan dibuat dengan cara yang betul. Sebab kita hendak menyaksikan syarikat-syarikat ini bukan sahaja mempunyai kepakaran yang cukup bahkan untuk bertindak dengan tanggungjawab dan sesuai.

Ini bermakna saya hendak mencadangkan satu mekanisme sebagai risk control mekanism di dalam Suruhanjaya Sekuriti. Risk control mekanism ini adalah untuk memastikan laporan-laporan regulatory kita ini adalah tepat bukan setakat mengemukakan satu laporan, itu tidak mencukupi dan ini bermakna Suruhanjaya Sekuriti memerlukan profesional bukan setakat seorang engineer atau jurutera seperti ahli Yang Berhormat dari Rompin, itu tidak cukup, macam mana selok belok mesin mungkin tahu tapi mengenai ekonomi, mengenai saham, mengenai pasaran saham mungkin tidak begitu fasih. Sebab itu saya sentiasa tekankan begitu penting profesionalisme supaya tidak ada kecuaiian di dalam usaha untuk menjalankan tugas di mekanisme yang telah saya cadangkan ini.

Saya tidak pernah dengar Pengarah Suruhanjaya Sekuriti yang mengatakan bagaimana beliau akan mengadakan risk control mechanism, mungkin setakat ini tidak ada kakitangan yang cukup, cuma empat ratus orang sahaja, tidak cukup untuk mengadakan mekanisme seumpama ini tetapi bagi saya inilah memang penting kerana, Tuan Yang di-Pertua, bukan main kita hendak memastikan semua syarikat yang disenaraikan itu mematuhi peraturan-peraturan yang sewajarnya dan kalau kita adakan risk control mechanism ini kita boleh menentukan semua syarikat ini mematuhi kepada amalan dan peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Sebenarnya saya mempunyai banyak lagi dan saya akan tumpukan perhatian kepada hari esok kerana ada Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan lagi, saya ada banyak mengenai niaga hadapan dan juga mengenai Akta Syarikat yang kena mengena CLOB lagi. Yang Berhormat Rompin kalau berminat dengan CLOB, esok boleh bangkitkan lagi kerana di dalam Akta Syarikat ini ada kena mengena dengan CLOB juga.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ubat gatal ada?

Dr. Tan Seng Giaw: Apa, Yankah?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Penjelasan. Saya tertarik dengan Kepong, ideanya baik, ini mekanisme pengawasan risiko. Saya tanya, adakah ini dilaksanakan dalam DAP dulu, kerana risikonya tinggi juga sebagai ahli DAP macam pindah kerusi, apa risikonya sebagai ahli DAP? Kalau mekanisme ini saya setuju bahawa kalau kita hendak melabur mesti ada, kalau boleh diberikan risk index. Sebagai ahli DAP ini risiko pun berat juga sekarang ini. Sebutir cakap lebih sedikit, paap... pergi tempat lain dah. Kepong sendiri sudah nilai risiko diri dalam DAP, takut 'paap' sebelah sana pergi duduk.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak terima kasihlah kepada Yang Berhormat Rompin kerana sudi menumpukan penjelasan, tetapi nampaknya Rompin ini memang dia lemah sedikit kerana dia tak tengok di situ, di sini, saya nampak di situ pada mulanya ada Permatang Pauh di situ, tak nampak dah. Rompin hendak pergi? Saya tak tahu, tak nampak sekarang Bolehkah tolong Tuan Yang di-Pertua tunjukkan pada saya dimana Permatang Pauh sekarang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yan bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Nampakkah?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa Permatang Pauh akan berada bersama dengan Yang Berhormat di belakang blok Yang Berhormat itu. Jadi Yang Berhormat bolehlah sambut dia bila dia sampai di sini. Jadi Yang Berhormat, dia pindah ke situ di belakang Yang Berhormat, sama-sama Yang Berhormat, jadi pakat-pakatlah, Teluk Intan pun jaga sikit ya, duduk belakang.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan masalah ini kerana dia tidak ada penjelasan tadi, tetapi satu kenyataan daripada Yan, itulah

susah, bila kita bangkit untuk penjelasan, kita menjelaskan, minta penjelasan sebenar....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat, tadi dia tanya saya jadi saya bagi penjelasan, itu penjelasan nama dia, mungkin Yang Berhormat kena belajar lagi bahasa ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tanya sama ada Yang Berhormat Yan nampak di situ tidak ada Permatang Pauh, di sini ada Permatang Pauh sekarang...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Dia pindah ke sana, jadi saya terangkan kepada Yang Berhormat, dia pindah ke sana...

Dr. Tan Seng Giaw: Rompin hendak tahu posisinya, Bagan Datok juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, 36(1) bercakap luar daripada Bil ini [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Permatang Pauh tidak ada kena-mengena dengan bil ini. Sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Sebenarnya saya bercakap mengenai risk control mechanism tapi ditunjukkan kepada DAP pula, tidak kena mengena dengan kewangan,. Kita bincang mengenai Suruhanjaya Sekuriti, itu yang penting, kerana Suruhanjaya Sekuriti sekarang ini mempunyai kira-kira empat ratus kakitangan, dan kakitangan tidak cukup dan profesionalisme itu mesti ditingkatkan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa kita mempunyai satu Suruhanjaya Sekuriti yang terbaik di rantau ini, malah di peringkat dunia. Walau bagaimanapun disebabkan oleh masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara-negara rantau Asia pada ketika ini disebabkan oleh tindakan penyangak-penyangak. Jadi kita menghadapi masalah, ini bukan bermaknanya Suruhanjaya Sekuriti tidak menjalankan tugas dengan baik.

Bagi saya, mereka telah menjalankan tugas dengan baik, kerana itulah banyak orang kaya, apabila dia main syer, dan ada juga yang susah kerana tidak mahu mengikut peraturan bermain syer ini. Jadi adakah Yang Berhormat faham

sebab yang saya tahu Yang Berhormat ini jual ubat gatal dengan injection sahaja. Pasal saham-saham ini Yang Berhormat kurang arif. Yang Berhormat bersetuju dengan saya tak?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, hanya di Yan itu ada Bukit Jerai sahaja, Bukit Jerai mana tahu mengenai hal Suruhanjaya Sekuriti, yang tahunya Pengerusi, siapapun dia tak tahu.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Point of order 36(1). Saya bercakap fasal Suruhanjaya Sekuriti, dia bercakap fasal gunung, ini apa masalah dia, Tuan Yang di-Pertua? Saya nampak DAP ini semua dah celaru di atas ..

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana ada gunung di Jerai, cuma satu bukit yang kecil sahaja. Tuan Yang di Pertua, nampaknya dia hendak Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Datuk Dr. Munir Majid mempelawa dia untuk kopi atau sarapan, tak tahulah. Mungkin itu maksud....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, minta tarik balik, ini sangka jahat nanti dia sakit boleh, malupun boleh, jadi saya minta Yang Berhormat tarik balik.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana nak tarik balik, saya buat cadangan supaya Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti mempelawa dia untuk majlis, itu pun tak mahu lagi ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta teruskan ucapan...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya bukan makan upah, minta tarik balik, kalau tidak tarik balik, saya tidak duduk, Tuan Yang di-Pertua. Jangan main-main. Minta tarik balik Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya minta Kepong teruskan ucapan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Pendek, pendek sahaja ucapan, dia ini merapu.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak teruskan kepada masalah di hadapan mengenai risk control mechanism sebab walaupun Yang Berhormat Yan kata memang baik, cukup hebat, sebelum krisis ekonomi 14 bulan yang lalu, kita boleh tengok macam mana walaupun Pengerusi bertungkus lumus mengawalseliakan keadaan Suruhanjaya Sekuriti, keadaan di Bursa Saham Kuala Lumpur, saya

nampak ada kelemahan-kelemahan. Kita tengok nilai sesuatu syarikat terutama Papan Dua tetapi nampaknya harga saham tidak ikut asasnya. Ini bermakna Suruhanjaya Sekuriti mesti memperbaiki keberkesanan tugas. Yan tidak tahu, cuma dia tengok itu saja, ini bukan Bukit Jerai, ini Suruhanjaya Sekuriti mengenai Bursa Saham Kuala Lumpur.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Adakah Yang Berhormat bersetuju masa orang untung buat duit main saham ini, siapa pun tidak tanya fasal Suruhanjaya Sekuriti, tidak tanya itu, ini, bila sudah rugi, sudah susah baru hendak tanya. Ini sama Yang Berhormat, masa baru-baru kahwin semua elok, bila dah ranum sikit, yang itu kedut, yang ini kedut, betul tak?

Dr. Tan Seng Giaw: Ini Suruhanjaya Sekuriti, tidak ada kena-mengena perkahwinanlah, ini lain perkara.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat tak fahamkah?

Dr. Tan Seng Giaw: Kita hendak risk control mechanism - mekanisme kawalan risiko. Itu yang kita mahu.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya mempunyai banyak perkara lagi hendak saya bangkitkan. Saya akan bangkitkan besoklah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin: Teluk Intan, selepas ini kementerian akan jawab.

4.50 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti.

Tuan Speaker, kita semua tahu bahawa Dato' Seri Anwar (Permatang Pauh) adalah sebelum ini Pengerusi Anti Corruption di Kabinet. Dan saya difahamkan, hari ini beliau telah dibawa ke mahkamah di mana beliau telah dituduh dalam penyelewengan beberapa kes corruption. Jadi yang menjadi perhatian orang ramai di negara ini adalah, apakah jika seorang pengerusi dalam Anti Corruption ini sekarang dilibatkan dalam corruption, apatah lagi orang-orang lain di negara ini. Bila Akta Anti Corruption diluluskan dan dibahaskan tahun

dahulu, banyak telah dikatakan mengenai ikan yu dan ikan bilis. Kita semua faham. Jadi dalam konteks tersebut, saya ingin tahu dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti juga di mana terdapat ramai orang yang ada banyak kuasa untuk menjalankan tugas-tugas mereka. Seberapa jauh manakah dalam menjalankan tugas mereka itu, mereka boleh dikatakan transparent dan setakat manakah kerajaan menjalankan tugas ini di mana, mereka bertanggungjawab. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu apakah sebab Akta ini perlu disegerakan, dibawa ke Dewan yang mulia ini untuk dibentangkan hari ini wal hal pada 20 Oktober Dewan yang mulia ini pun akan bersidang. Kalau kita baca rang undang-undang ini, kita dapati beberapa kuasa yang terlampau yang telah diberi, yang dicadangkan diberi, kepada Securities Commission. Di antara lain, di mana investigating officer yang dikatakan Pegawai Penyiasat Suruhanjaya boleh masuk ke rumah orang dan mengambil dokumen-dokumen dan sebagainya.

Jadi, saya hendak tahu, apakah waspada, apakah built in mechanism di mana orang ramai tidak diperdayakan atau pegawai Suruhanjaya tersebut tidak menyalahgunakan kuasa. Dan setakat ini berapakah kes-kes di mana Pegawai Penyiasat Suruhanjaya yang telah menjalankan tugas dan dia telah mendapati bahawa tidak dapat menjalankan tugas beliau dengan arif, oleh kerana ada beberapa faktor yang tidak memberikan kuasa untuk beliau menjalankan tugas. Ini adalah kerana kalau kita meneliti rang undang-undang ini, saya berpendapat banyak sangat kuasa yang menyeleweng yang dikatakan very easy and free going, dengan izin.

Jadi, saya ingin tahu adakah bila akta ini dibawa ke Dewan yang mulia ini walaupun hari ini sahaja rang undang-undang diberi kepada kami semua, nampaknya kuasa yang diberi kepada pihak-pihak yang berkenaan adalah telah sangat terlampau, kalau ditengok dengan CPC.

Selain dari itu juga saya ingin tahu, berapakah pegawai yang berkhidmat sebagai Pegawai Penyiasat Suruhanjaya. Apakah kelayakan-kelayakan tertentu mereka dan adakah di antara mereka yang telah bertugas di lain-lain

department di negara ini dan apakah mereka ini fasih dalam pekerjaan yang telah diberi setakat ini dan dengan memberi kuasa yang banyak selepas rang undang-undang ini diluluskan adakah mereka dapat menjalankan tugas atau amanah ini mengikut kehendak akta ini.

Oleh kerana kekurangan masa, saya juga nampak ada satu seksyen di mana menyatakan bahawa apa-apa kesalahan yang dijalankan oleh, dikatakan di Seksyen 36D(6), dengan izin:

“No legal proceedings shall be instituted or maintained against the Government, an officer of the Commission, a public officer or any other person in respect of anything lawfully done under this section”.

Apakah kehendak subseksyen ini ? Adakah ini supaya jikalau seseorang menjalankan tugas dan tugas itu telah dijalankan terhadap sesiapa dan orang yang telah disusahkan itu tidak dapat membawa kes ke mahkamah, adakah hajat ini dan adakah ia memberi kuasa, bukannya ia memberi kuasa yang terlampau kepada pihak Pegawai Penyiasat. Saya harap satu penjelasan dapat diberi oleh Yang Berhormat Menteri.

Selain dari itu, saya juga ingin tahu, adakah Securities Commission ini berfungsi di beberapa tempat di negara ini dan pegawai-pegawai ini adakah hanya berada di Kuala Lumpur sahaja dan di Labuan. Dalam hal ini setakat manakah pekerjaan atau tugas yang mereka jalankan ini transparent, adakah mereka perlu melaporkan pekerjaan mereka kepada menteri berkenaan. Setakat ini adakah apa-apa aduan terhadap mereka yang telah diterima dari orang ramai dan jika ada, apakah tindakan yang telah diambil dalam hal ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

4.57 ptg.

Dato' Mustapa bin Muhamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, Kepong dan Teluk Intan kerana mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini.

Yang pertama, Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian secara umumnya membangkitkan tentang keperluan sistem ekonomi disusun semula dan beliau menyebut tentang peranan orang-orang Yahudi dalam menguasai ekonomi dan kewangan dan bertanya sama ada kita bersetuju dengan ekonomi tertutup ataupun terbuka, disebut contoh India dan lain-lainnya.

Saya ingin maklumkan bahawa Malaysia masih berpegang teguh kepada ekonomi terbuka ini. Yang kita perdebatkan, yang kita tak senang hati ialah peranan yang dimainkan secara berleluasa oleh currency traders antara lain, hedge fund managers yang seolah-olah beroperasi dalam hutan, tidak ada peraturan undang-undang dan ini telah menjejaskan kedudukan negara kita dan beberapa negara lain. Oleh itu kita telah menggesa supaya sistem ekonomi dan kewangan disusun semula bagi mengambil kira masalah-masalah yang terbit dari kegiatan-kegiatan tidak beretika, kumpulan ini dengan liberagenya, dengan izin, yang begitu tinggi, modalnya sedikit tetapi sampai 20 kali ganda liberage menggunakan modal yang ada. Inilah sistem yang ada dan Malaysia akan terus memperjuangkan perkara ini supaya ada aturan peraturan dalam perniagaan mata wang, ada ketelusan dan selagi tindakan tidak diambil oleh masyarakat antarabangsa maka selama itulah kita merasakan sistem yang ada adalah pincang dan negara-negara kerdil seperti Malaysia akan sentiasa terjejas oleh tindakan-tindakan yang tidak bertanggungjawab. Maka kita sedang berusaha di pelbagai peringkat untuk memastikan sistem ekonomi dan kewangan disusun semula supaya terdapat ketelusan yang dimaksudkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah secara kebetulan orang-orang Yahudi memainkan peranan penting dalam media, akademik, kewangan, politik di beberapa buah negara tetapi hari ini kita dapati bahawa ada di antara mereka yang terjejas akibat daripada dagangan mereka di hedge fund dan lain-lain pada masa

kita tahu bahawa mereka mempunyai pengaruh yang besar dan kadang-kadang sukar untuk kita menangani isu ini.

Tetapi dengan adanya perubahan ataupun secara struktural sistem kewangan khususnya antarabangsa kita berharap peranan dan pengaruh mereka akan berkurangan dan negara-negara kerdil seperti Malaysia akan dapat hidup dengan senang dan selesa tanpa gangguan daripada pihak-pihak lain.

Tuan Yang di-Pertua, Kepong membangkitkan kebimbangan sama ada dengan kuasa-kuasa yang luas ini dan juga Teluk Intan sama ada pegawai-pegawai SC boleh menyalahgunakan kuasa. Saya ingin memberi jaminan bahawa pihak SC kerajaan sentiasa memastikan bahawa SC akan menjalankan tugas sebaik mungkin dan tidak akan berlaku penyalahgunaan kuasa. Kuasa-kuasa yang diberi ini agak luas untuk menyiasat dan juga penalti yang ditetapkan tetapi kerajaan memberi jaminan bahawa kuasa-kuasa ini akan dilaksanakan dengan cara sebaik mungkin. Kepong juga membangkitkan tentang masalah second board, khususnya syarikat pintu belakang, unsur politik dan lain-lain yang berkaitan. Kerajaan sedar bahawa terdapat beberapa kelemahan sebelum ini sehingga saham-saham yang disenaraikan di papan dua harga-harganya naik sampai bukan-bukan, kerajaan sedar ini berlaku dan sepertimana sedia maklum hari ini ada 234 syarikat disenaraikan di BSKL, 452 papan utama, 282 papan kedua dan mengikut kajian yang dibuat pada 4 September kita dapati bahawa memanglah harga-harga saham syarikat-syarikat ini akibat daripada masalah yang menimpa kita adalah jauh lebih rendah daripada NTA iaitu 74% daripada saham-saham yang diambil kira untuk mengira komposit indeks. 74 daripada 100 saham-saham syarikat ini adalah lebih rendah nilainya daripada NTA dan ada di antara syarikat-syarikatnya dimana nilai saham cuma 10% daripada NTA sahaja. Jelas bahawa terdapat banyak kelemahan dalam pasaran dan perkara ini harus diperbaiki.

Mengenai penggabungan institusi kewangan khususnya disebut tentang insurans, disebut tentang bank dasar ini masih lagi berkuatkuasa cuma yang menjadi masalah ialah pelaksanaannya. Mungkin mengenai bank kita sedia

maklum beberapa penggabungan telah ataupun sedang berjalan termasuklah antaranya Sime Bank, RHB, termasuklah Commerce Bank dengan Bank Bumiputra ini, sedang berjalan dan dasar kerajaan tidak berubah iaitu penggabungan syarikat-syarikat ini diteruskan, cuma mungkin perlu diperbaiki pelaksanaannya. Kita berpendapat bahawa syarikat-syarikat kewangan, institusi kewangan yang kecil tidak mampu bertahan di masa akan datang apabila ekonomi negara semakin canggih oleh itu yang kecil-kecil digalakkan untuk bergabung dengan yang lebih besar.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]

Rompin bangun, Yang Berhormat

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]

Pengumuman tadi oleh Dato' Menteri untuk mengukuhkan sistem kewangan negara kita bank-bank digabungkan seperti contoh yang diberi Rashid Hussein Bank dengan Sime Bank, Bank Bumiputra dengan Commerce Bank. Saya ingin bertanya sedikit bila digabungkan sudah semestinya kadang-kadang tenaga kerja akan berlebihan. Saya hendak bertanya adakah kerajaan akan pastikan di mana dalam suasana tertentu penggabungan ini kalau ada tenaga kerja yang berlebihan adakah kerajaan memastikan pampasan yang baik diberikan kepada mereka dan mana-mana yang digabungkan supaya kalau hendak dikurangkan tenaga kerja mesti difikirkan dahulu dari segi jangka masa akan datang. Kadang-kadang mereka ini mengurangkan tenaga kerja oleh kerana melihat dari keuntungan yang dekat (short-term measure) dia melihat dia tidak mampu untuk menampung pekerja dikurangkan pekerja, tetapi saya nampak bank-bank ini besar, mereka jangan hanya melihat dari segi keuntungan jangka pendek atau kos jangka pendek, mestilah ada jangka panjangnya. Saya minta sedikit pandangan dari Yang Berhormat Dato' Menteri dalam perkara ini.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Mengenai pampasan kepada pekerja-pekerja bank ini tertakluk kepada undang-undang buruh dan setakat yang kita

ketahui pampasan diberikan adalah mematuhi peraturan-peraturan yang dikenakan, jika tidak mematuhi, dengan izin the agreed party atau pihak yang berkenaan, pekerja berkenaan boleh merujuk kepada Kementerian Sumber Manusia. Kita tahu bahawa memanglah bila bank bergabung ada kakitangan yang dikurangkan, ini sudah menjadi pengetahuan umum untuk rasionalise kerana apabila bergabung sudah pasti tak perlu lagi dua C.O. ataupun 2 senior managers dan lain-lain tetapi dalam pada itu pihak kerajaan menasihati institusi kewangan berkenaan agar tidak melaksanakan atau tidak menyebabkan retrenchment yang keterlaluan iaitu nasihat diberi kepada institusi kewangan tetapi kita mengakui bahawa dalam proses penggabungan memang ada pengurangan kakitangan tetapi walaupun kakitangan dihentikan pampasannya adalah berdasarkan kepada undang-undang buruh yang berkuatkuasa di negara kita.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun].

Timbalan Yang di-Pertua, [**Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin**]
Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw:-Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat, selain daripada Bank Bumiputra, Commerce, Rashid Hussein Bank, Sime Bank, bolehkah Yang Berhormat mengatakan bilangan bank yang terlibat dengan projek penggabungan ini serta institusi kewangan dan insurans kerana itulah yang kita tak dapat tahu

Dato Mustapa bin Mohamed:- Saya mohon maaf kerana tidak ada maklumat terkini, saya baru sahaja, baru dua tiga minggu, insyAllah, kita akan bekalkan maklumat kepada Yang Berhormat dalam masa yang sesuai, sabar ya. Sekarang saya hendak jawab beberapa isu spesifik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong. Yang pertamanya berkaitan dengan capital adequacy requirement ataupun keperluan kecukupan modal. Keperluan ini adalah peraturan bertujuan mengawal pendedahan modal syarikat broker saham yang berasaskan kepada risiko tertentu. Pada masa ini pihak BSKL sedang dalam proses menyediakan peralatan komputer untuk melaksanakan peraturan ini. Belum lagi

dilaksanakan, ia akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, bermula pada hujung tahun ini peringkat pertama dan peringkat kedua pada awal tahun depan, jadi belum lagilah. Sudah pun dibuat keputusan tetapi belum dilaksanakan lagi.

Berkaitan dengan sama ada Suruhanjaya mempunyai pengaudit profesional dan bagaimana dijalankan memanglah kita dalam SC ada tenaganya sendiri yang berkelayakan dalam bidang perakaunan dan lain-lain kelayakan yang berkaitan, tetapi kadang-kadang jika keperluan lebih daripada yang beban tugas maka SC kadang-kadang menggunakan juruaudit luar sekiranya perlu. Jadi jawapannya ada dalaman dan kalau tidak mencukupi kita ambil daripada luar.

Ketelusan oleh syarikat yang tersenarai, BSKL sedang dalam proses pindaan bertujuan untuk mewajibkan ketelusan ataupun disclosure, inipun dalam proses oleh syarikat yang tersenarai dengan lebih tepat, jelas dan lebih cekap. Ini memang sekarang ada beberapa kelemahan dan disclo sedang digubal oleh BSKL akan diperkenalkan dalam sedikit masa lagi.

Mengenai risk capital adequacy requirement ini, peserta pasaran perlu seperti syarikat broker saham perlu mempunyai modal yang secukupnya untuk menjalankan ekuitinya. Modalnya yang ada mestilah sudah secukup untuk menangani risiko yang diambilnya dalam menjalankan aktivitinya. Peraturan baru mengenai perkara ini juga sedang dirumuskan. Jadi banyak benda-benda yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kepong tadi sedang dirangka oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti.

Seterusnya adakah Security transparent. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat setiap bulan Suruhanjaya bersidang, ada pengerusinya, dan ahli-ahlinya dan sekiranya ada perkara-perkara yang tak betul yang berlaku maka tindakan akan diambil sama ada oleh Kementerian Kewangan dan jika perlu di Parlimen.. Jadi ini kawalan yang diadakan iaitu laporan setiap bulan, laporan ini dikemukakan juga ke Kementerian Kewangan. Mengenai aduan, sama ada diterima aduan daripada orang awam, saya tidak ada angka mengenai bilangan dan jenis tindakan diambil tetapi aduan memang ada dan tindakan memang diambil cuma saya tidak ada

secara terperinci apakah tindakan-tindakan yang diambil terhadap mereka yang berkenaan. Lain-lain perkara yang disebut sama ada

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Teluk Intan bangun Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai aduan yang diterima oleh Suruhanjaya Sekuriti ini, saya sendiri telah diberitahu oleh beberapa orang di Ipoh yang telah membuat aduan lebih 1 tahun kerana walaupun beberapa surat telah ditulis dan saya sendiri telah menulis kepada pihak yang berkenaan tetapi lebih 1 tahun tidak ada apa-apa tindakan pun diambil dalam perkara ini. Dan adakah ini sangat luas. Adakah jangka masa di mana bila aduan diterima perkara ini akan diselesaikan, akan dijawab, tindakan diambil. Dan apakah sebab kelewatan ini.

Dato' Mustapha bin Mohamed: Satu tahun itu lamalah, saya setuju. Kalau Yang Berhormat boleh kemuka kepada Kementerian apa aduan itu dan boleh kita siasat kenapa pihak SC mengambil masa yang lama untuk menyiasat aduan yang dibangkitkan tadi.

Mengenai sama ada Suruhanjaya bertugas di Kuala Lumpur sahaja ataupun di pejabat di tempat-tempat lain - satu pejabat sahaja di Kuala Lumpur ini, SC satu pejabat sahaja tetapi SC pergi ke seluruh negara untuk mengadakan 'road show'. 'Road Show' yang baik-baiklah bukan 'road show' yang tidak elok itu. Untuk memberi maklumat, penjelasan, penerangan kepada orang ramai dari masa ke semasa pergi ke seluruh pelosok negara bagi memaklumkan kepada orang ramai tentang apa dia peranan SC, apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil untuk mengelak daripada pihak-pihak tertentu melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh SC.

Saya ingat itulah antara perkara utama mengenai berapakah bilangan pegawai penyiasat, ini bergantung. Pengerusi boleh melantik sesiapa sahaja Investigation Officer ini. Dan bilangan tertentu tidak ada dan kalau perlu banyak boleh lantik di kalangan pegawai-pegawai dan mereka yang bekerja di SC dalam

bidang ini termasuklah mereka yang bekerja di bidang kehakiman, guaman, BSKL ada, bekas polis ada, Jabatan Peguam Negara pun ada, jadi mereka ini mempunyai pengalaman yang luas. Mereka yang bekerja di SC mempunyai pengalaman yang luas dan bahagian ini ada 53 orang yang bertugas di bahagian penyiasatan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya soalan daripada Teluk Intan, satu yang penting, yang saya hendak jawab di sini iaitu berkaitan 36D. Soalannya adakah ia mempunyai tujuan untuk menghalang seseorang daripada membawa tindakan ke mahkamah. Peruntukan yang tidak membolehkan seseorang itu membawa ke mahkamah Pegawai Suruhanjaya Sekuriti. Saya ingin menjelaskan bahawa ia adalah untuk memastikan supaya tindakan mahkamah tidak diambil sekiranya tindakan telah diambil dengan sah iaitu dengan izin lawfully di bawah seksyen ini. Undang-undang akan diinterpretasikan oleh mahkamah dan seksyen tersebut tidak menghalang remedy sedia ada. Maksudnya sekiranya tindakan yang diambil tidak sah di bawah seksyen tersebut. Bermaksudnya boleh juga dibawa ke badan kehakiman sekiranya dianggap bahawa tindakan yang diambil itu tidak sah di bawah seksyen berkenaan. Jadi pintu tidak tertutup sepenuhnya di bawah 36D pintu terbuka sekiranya tindakan yang diambil dianggap di luar peraturan ataupun tidak di bawah seksyen yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Kubang Kerian, Kepong dan Teluk Intan kerana mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]
mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN NIAGA HADAPAN (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993.

Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 atau FIA 1993 yang dikuatkuasakan mulai 4 Februari 1993 adalah bertujuan untuk memajukan Pasaran Niaga Hadapan yang terdiri dari bursa opsyen dan kewangan hadapan Kuala Lumpur ataupun KLOFFE, Bursa Kewangan Malaysia atau MME dan Bursa Komoditi Kuala Lumpur ataupun KLCE.

Rasional pindaan kepada akta ini adalah seperti berikut:

- i. Memberikan Menteri Kewangan kuasa untuk mengecualikan kelas-kelas orang yang tertentu daripada keperluan pelesenan di bawah FIA 1993;
- ii. Merasionalkan takrif-takrif berhubung dengan kategori-kategori lesen yang terdapat di dalam FIA 1993 supaya selaras dengan keperluan yang sama di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 ataupun SIA 1983; dan
- iii.. Mengadakan peruntukan bagi melarang satu niaga hadapan dalam mana kontrak niaga hadapan yang tertentu didagangkan termasuk

kontrak yang berdasarkan ke atas atau yang boleh diselesaikan dengan merujuk kepada atau berkaitan dalam mana instrument pendasar adalah sekuriti.

Sekuriti Malaysia atau index yang mengandungi nilai atau harga atau terbentuk dengan merujuk kepada nilai atau harga mana-mana sekuriti Malaysia dan lain-lain instrument berhubung dengan Malaysia. Ini akan membanteras urusan niaga kontrak-kontrak niaga hadapan tersebut di pasaran yang tidak diiktiraf atau dikecualikan di bawah FIA 1993.

Tuan Yang di-Pertua, kategori lesen di bawah FIA 1993 ialah Lesen Broker Niaga Hadapan, Lesen Pengurus Kumpulanwang Niaga Hadapan dan Lesen Penasihat Perdagangan Niaga Hadapan. Manakala kategori lesen di bawah SIA 1983 ialah Lesen Peniaga, Lesen Pengurus Kumpulanwang dan Lesen Penasihat Pelaburan. Walau bagaimanapun struktur pelesenan di bawah SIA 1983 dan FIA 1993 mempunyai perbezaan dari beberapa segi.

Di bawah SIA 1983 Menteri Kewangan pada umumnya mempunyai kuasa untuk mengecualikan seseorang daripada keperluan pelesenan sebagai broker atau pengurus kumpulanwang. Walau bagaimanapun kuasa pengecualian ini adalah lebih terhad di bawah FIA 1993.

Sungguhpun perenggan 20(1)(f) di dalam FIA 1993 membolehkan Menteri Kewangan menentukan orang-orang yang boleh diberi pengecualian daripada peruntukan pelesenan, tetapi pengecualian ini hanya boleh diberi kepada mereka yang menjalankan tugas masing-masing seperti yang tertera pada undang-undang bertulis atau perintah mahkamah. Oleh itu, perenggan 20(1)(aa), yang dicadangkan adalah perlu dimasukkan untuk membolehkan orang-orang selain daripada mereka yang menjalankan tugas seperti yang tertera pada undang-undang bertulis atau perintah mahkamah dikecualikan daripada peruntukan pelesenan.

Di bawah SIA 1983, Menteri Kewangan telah mengecualikan daripada keperluan pelesenan kepada kelas-kelas institusi-institusi kewangan tertentu yang menjalankan aktiviti-aktiviti tertentu seperti 'underwriting' sebagai peniaga

sekuriti di bawah Perintah Perindustrian Sekuriti (Peniaga Terkecuali) 1996 dan Perintah Perindustrian Sekuriti (Peniaga Terkecuali) (2) 1996 atas dasar, antara lain bahawa institusi-institusi ini dikawal selia oleh Bank Negara. Pengurus-pengurus skim amanah saham juga merupakan ‘pengurus kumpulan wang terkecuali’ yang tidak perlu dilesenkan di bawah SIA 1983 dan Perintah Perindustrian Sekuriti (Pengurus Kumpulan Wang Terkecuali) 1997. Walau bagaimanapun, peruntukan-peruntukan lain, SIA 1983 akan terus terpakai dan mereka juga dikawal selia di bawah Peraturan-peraturan Suruhanjaya Sekuriti (Skim Amanah Saham) 1996 dan Garis Panduan bagi Tabung Unit Amanah menurut seksyen 15A(2)(d) SIA 1983.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah FIA 1993, syarikat pengurusan bagi unit amanah perlu memegang lesen pengurus kumpulan wang niaga hadapan sekiranya mana-mana dana amanah digunakan dalam perdagangan kontrak niaga hadapan kerana aktiviti-aktiviti tersebut tergolong di dalam takrif ‘perniagaan pengurusan kumpulan-kumpulan wang niaga hadapan’ mengikut seksyen 2, FIA 1983. Agen-agen yang mengedarkan dan memasarkan unit-unit tersebut yang terlibat dengan aktiviti dagangan niaga hadapan juga perlu mempunyai lesen wakil pengurus kumpulan wang niaga hadapan di bawah FIA 1993. Pada masa ini terdapat lebih kurang 13,800 orang agen-agen unit amanah dan sekiranya tidak ada kuasa pengecualian, kesemua mereka perlu dilesenkan di bawah FIA 1993 sedangkan di bawah SIA 1983, syarikat unit amanah dan agen-agen mereka adalah dikecualikan daripada dilesenkan, setakat keperluan pelesenan sahaja kerana mereka masih tertakluk kepada peruntukan lain di bawah SIA 1983, Peraturan-peraturan Suruhanjaya Sekuriti (Skim Amanah Saham) 1996 dan Garis Panduan bagi Tabung Unit Amanah.

Bagi maksud perdagangan dalam kontrak niaga hadapan, syarikat unit amanah dibenarkan untuk melabur hanya 10% daripada nilai aset bersih (net asset value) kumpulan wang itu di dalam kontrak niaga hadapan (selain daripada opsyen niaga hadapan dan opsyen dagangan bursa) tetapi dagangan itu terhad kepada

aktiviti melindungi nilai (hedging) menurut Garis Panduan Tabung Unit Amanah, untuk membolehkan syarikat-syarikat unit amanah melindungi nilai portfolio masing-masing dan secara tidak langsung membantu membangunkan industri niaga hadapan tempatan.

Dalam industri amanah, adalah lebih wajar sekiranya terdapat kuasa-kuasa pengecualian tersebut di atas diberikan atas sebab-sebab berikut:-

(i) kepentingan-kepentingan pemegang unit saham amanah tidak akan terjejas kerana Suruhanjaya Sekuriti akan terus mengawal selia skim-skim ini mengikut Peraturan-peraturan Suruhanjaya Sekuriti (Skim Amanah Saham) 1996 dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah, serta peruntukan-peruntukan lain di bawah FIA 1993;

- (ii) peruntukan bagi pengecualian ini merupakan cara yang paling cepat dan cekap bagi membantu pengurus-pengurus kontrak niaga hadapan melindungi nilai portfolio dana mereka; dan
- (iii) membangun industri niaga hadapan itu sendiri.

Definisi ‘perniagaan broker niaga hadapan’, ‘perniagaan pengurusan kumpulan wang niaga hadapan’ dan ‘perniagaan penasihat pelaburan niaga hadapan’ diberi pengertian yang meluas, supaya peruntukan FIA 1993 akan dapat meliputi aktiviti-aktiviti tersebut dan memastikan supaya mereka dapat dikawal selia dengan sempurna, sekiranya perlu. Sesetengah aktiviti-aktiviti perlu diliputi di bawah definisi yang luas ini. Contohnya, syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti-aktiviti penjelasan bagi pihak syarikat-syarikat yang berkaitan dengan mereka, akan jatuh dalam definisi ‘dagangan bagi pihak seseorang’, mereka perlu mendapatkan lesen broker niaga hadapan. Pemegang lesen broker niaga hadapan adalah tertakluk kepada berbagai syarat-syarat yang ketat di bawah FIA 1993, walaupun tidak semestinya bersesuaian dengan aktiviti-aktiviti yang telah dihadkan kepada mereka. Oleh yang demikian, tidak hairan sekiranya terdapat situasi-situasi di mana penerapan syarat-syarat FIA 1993 akan menimbulkan kesulitan bagi sesetengah aktiviti dan menghadkan kegiatan perniagaan. Dengan cara meluaskan perenggan pemakaian 20(1)(f), fleksibiliti dapat diberikan kepada Menteri Kewangan untuk memberikan pengecualian kepada sesetengah golongan, jika perlu, contohnya seperti dalam keadaan-keadaan yang dijelaskan di atas tanpa meminda undang-undang bagi setiap kategori. Ini akan membantu merasionalisasikan penggunaan FIA 1993 dan SIA 1983.

Adalah dicadangkan supaya subseksyen 20(1) diperluaskan untuk membolehkan Menteri Kewangan mengecualikan seseorang itu daripada syarat-syarat pelesenan di bawah mana-mana kategori. Walau bagaimanapun, pengecualian ini tidak akan diberikan dengan sewenang-wenangnya tetapi akan diberikan berasaskan kepada kriteria-kriteria tertentu dengan mengambil kira kehendak 'check and balance', ketelusan (transparency), dan prosedur yang bertanggungjawab (accountability). Pengecualian hanya dibuat melalui perintah yang diterbitkan di dalam warta atas syor Suruhanjaya Sekuriti.

Sebahagian besar kuasa-kuasa pengecualian akan digunakan hanya untuk mengecualikan orang-orang terkecuali dan wakil-wakilnya daripada keperluan pelesenan dan kesemua peruntukan lain di bawah FIA 1993 akan terus terpakai. Walau bagaimanapun, ada kemungkinan pemakaian peruntukan-peruntukan lain di bawah FIA 1993 ke atas seseorang yang terkecuali itu tidak praktikal. Contohnya, subseksyen 103 FIA menetapkan semua pengurus kumpulan wang niaga hadapan yang dilesenkan sebagai broker niaga hadapan membuat bayaran sebanyak RM100,000 kepada Suruhanjaya, untuk membolehkannya berniaga di atas bursa-bursa tertentu di luar Malaysia. Peraturan ini mungkin tidak wajar dikenakan kepada syarikat-syarikat pengurusan dana. Oleh itu disyorkan bahawa Menteri Kewangan boleh, dengan syor daripada Suruhanjaya Sekuriti, mengecualikan peruntukan mengenai pelesenan dan juga sekiranya perlu, mana-mana peruntukan lain di bawah FIA 1993, dengan mengeluarkan perintah daripada Menteri Kewangan.

Pada masa ini pengurus-pengurus aset yang hanya menjalankan perniagaan mengurus aset-aset klien (tetapi tidak menjalankan apa-apa aktiviti pembrokeran niaga hadapan di bursa niaga hadapan) dikehendaki memegang lesen broker niaga hadapan sekiranya mereka berdagang dalam kontrak niaga hadapan. Dalam hubungan ini, isu yang timbul ialah sama ada wajar bagi pengurus-pengurus aset tersebut dikehendaki memegang lesen broker niaga hadapan untuk menjalankan aktiviti pengurusan aset.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, masa untuk hari ini sudah cukup, minta sambung esok. Ahli-ahli

Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.